Menengah Rendah Tiga

BAHASA MELAYU



Buku Teks Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Kerangka Kompetensi Teras Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)



Bahasa Melayu

Menengah Rendah Tiga

Editor Seni: Chau Wei Hwa
Reka Bentuk Kulit: Chau Wei Hwa
Penyusunan Teks: Lai Yiin Lin

© Dong Zong
Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahan atau bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau ditukar kepada apa-apa bentuk atau apa-apa cara, baik dengan elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengalihan bahasa dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran secara menulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

© Dong Zong
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, translated in any other languages, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior written permission of the publisher.

Disusun oleh:
董教总华文独中工委会统一课程委员会
Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Diterbitkan & diedarkan oleh:
马来西亚华校董事联合会总会（董总）
Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel : 603-87362337
Fax: 603-87362779
Laman Web: www.dongzong.my
E-mel: support@dongzong.my

Dicetak oleh:
Vinlin Press Sdn. Bhd.

Edisi:
Terbitan pertama September 2025

Cetakan:
Cetakan pertama September 2025

Jawatankuasa Peningkatan Mutu

Penasihat:
Alex Leong Jun Wei
Wong Hooi Mun

Ahli Jawatankuasa:
Lim Ah Hock
Loh Li Choo
Leow Tze Chin
Ng Hiang Meng
Ong Ying Ying
Suzie Joannes
Tan Saw Bee

Penulis:
Tin Lee Hong

Editor:
Teh Chui Lie

(nama disusun mengikut urutan huruf)

PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku teks ini sempurna diterbitkan.

Kami mengalu-alukan maklum balas anda tentang buku teks ini. Sila e-melkan pandangan anda kepada bahasamalaysia@dongzong.my. Setiap pandangan anda amatlah dihargai dan akan membantu kami untuk meningkatkan kualiti buku teks ini. Terima kasih.

PRAKATA

Buku teks Bahasa Melayu Menengah Rendah Tiga ini ialah buku teks baharu yang ditulis berpandukan Kurikulum Standard Bahasa Melayu Menengah Rendah yang disusun oleh Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia. Buku ini juga ditulis berdasarkan sembilan literasi teras yang menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, kemampuan nilai dan sikap serta disepadukan dengan tiga konsep, iaitu pembelajaran kendiri, komunikasi, dan kerjasama serta penglibatan dalam aktiviti masyarakat.

Keistimewaan buku ini ialah kandungan buku ini diolah secara terancang dengan mewujudkan aspek penggabungjalinan antara kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis dengan penerapan aspek sastera dan tatabahasa secara berpandu. Persembahan buku ini turut direka bentuk berdasarkan konsep majalah yang sangat menitikberatkan aspek warna, susun atur dan ilustrasi supaya dapat menarik minat pelajar untuk menggunakan buku teks ini sepenuhnya.

Buku ini merangkumi lapan tema dan 16 unit. Kesemua unit ini disusun mengikut aras pengetahuan sedia ada pelajar. Unit pembelajaran ini juga disusun secara ansur maju bagi memudahkan pelajar menguasai ilmu daripada aras mudah kepada aras yang lebih mencabar. Lapan tema yang terdapat dalam buku ini adalah seperti yang berikut:

- Kesihatan dan Kebersihan
- Literasi Bahasa dan Komunikasi
- Pengiktirafan Negara dan Kepelbagaian Warisan
- Jati Diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan
- Sains, Teknologi, dan Inovasi
- Perspektif Global dan Pelestarian Alam
- Sikap Gigih dan Nilai-nilai Positif
- Kemanusiaan

Halaman rangsangan setiap unit dalam buku teks disertakan dengan peribahasa dan maksudnya. Halaman rangsangan pada bahagian awal setiap unit bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar bersoal jawab dengan guru dan rakan dalam bahasa Melayu supaya kemahiran bertutur pelajar dapat dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu, pelajar juga harus dilatih supaya berani berucap di hadapan orang ramai.

Objektif Pembelajaran juga disertakan dalam setiap unit supaya pelajar mengetahui dan memahami tujuan pengajaran dan pembelajaran yang ingin disampaikan dalam unit tersebut. Selain itu, guru juga lebih memahami pengajaran dan pembelajaran yang hendak disampaikan kepada pelajar. Dengan ini, objektif pengajaran dan pembelajaran antara guru dengan pelajar akan tercapai.

Dalam usaha untuk meningkatkan, membudayakan dan melatih kemahiran berfikir ke arah menghasilkan pelajar berfikiran secara kreatif, kritis, dan inovatif, bahan dalam bentuk kepelbagaian peta pemikiran disediakan. Antaranya termasuklah Peta Buih Berganda, Peta Pokok, Peta Dakap, Peta Alir, Peta Pelbagai Alir, dan Peta Titi.

Teknologi Kod QR juga digunakan khususnya untuk memuatnaikkan bahan bantu belajar, terutamanya bagi bahan kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, Kod QR ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks dan sebagainya.

Ikon-ikon yang menarik juga digunakan untuk menjelaskan bahagian-bahagian tertentu.



Bahan Rangsangan


Pelajar perlu bertutur berdasarkan bahan atau soalan yang disediakan pada halaman rangsangan.

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kemahiran ini menguji keupayaan pelajar mendengar dan menjawab soalan yang disediakan di dalam buku aktiviti.




Kemahiran Membaca dan Memahami




Kemahiran ini menguji keupayaan pelajar membaca, memahami dan menaakul pelbagai bahan.

Kemahiran Menulis

Kemahiran ini menguji keupayaan pelajar menghasilkan penulisan dan menyampaikan maklumat.



Aspek Tatabahasa



Aspek ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang dapat menguasai dan menggunakan tatabahasa yang betul dan tepat.

Aspek Sastera

Aspek ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berupaya mengungkapkan, memahami dan menghargai bahasa yang indah.



Kod QR

Info Tambahan Video

Maklumat tambahan berkait dengan kandungan pembelajaran.

Cadangan Penggunaan Buku Teks

- Buku teks ialah bahan rujukan utama kurikulum yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan dalam buku teks boleh dijadikan panduan bagi mencapai Standard Pembelajaran (SP).
- Guru boleh menggunakan mana-mana bahan yang sesuai daripada buku teks tanpa terikat dengan susunan halamannya.
- Guru disarankan untuk menggunakan dan mengubah suai bahan dalam buku teks mengikut aras keupayaan pelajar.

Akhir sekali, pihak kami amat berharap agar buku teks ini dapat dimanfaatkan oleh guru dan pelajar dengan berkesannya.

Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21

Pembelajaran Berasaskan Projek
Pembelajaran berasaskan projek ialah satu pendekatan pedagogi yang merangsang kemahiran abad ke-21 pelajar. Pendekatan ini menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi, meraikan kebolehan pelajar serta mencungkil bakat pelajar dalam pembelajaran. Melalui pendekatan ini, pelajar mampu menimba ilmu dengan lebih praktikal dan tidak bergantung pada pemusatan guru semata-mata. Contoh pembelajaran berasaskan projek ialah projek hasil tangan, projek lawatan dan projek penghasilan buku.

Pembelajaran Koperatif
Pembelajaran koperatif merujuk kaedah pengajaran yang memerlukan pelajar daripada pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mendapatkan hasil akhir yang berkaitan isi pelajaran. Sasaran pembelajaran koperatif adalah untuk mencapai tahap pembelajaran yang maksimum bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk rakan-rakan yang lain.

Main Peranan
Pelajar dikehendaki memegang suatu peranan sama ada sebagai dirinya sendiri atau menjadi individu lain mengikut tugasan yang diberikan oleh guru. Pelajar diberi masa untuk membuat persediaan bagi menjiwai watak yang diberikan.

Stay and Stray

Kaedah yang digunakan untuk membuat pembentangan kumpulan kecil. Seorang ahli kumpulan ditugaskan untuk berada dalam kumpulan dan memberikan penerangan tentang bahan kumpulan mereka. Ahli kumpulan yang lain pula akan bergerak untuk melihat, menilai, bertukar-tukar maklumat atau pendapat serta bersoal jawab dengan ahli kumpulan lain. Sekiranya satu kumpulan empat orang dan guru hendak seorang murid kekal dalam kumpulan manakala tiga orang lain menjelajah ke kumpulan lain, maka aktiviti tersebut dapat dinamai "*One Stay Three Stray*". Bilangannya boleh diubah-ubah mengikut keperluan atau kesesuaian.

Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

- Guru mengemukakan soalan atau tugasan.
- Pelajar berfikir secara kendiri dalam jangka masa tertentu untuk mendapatkan jawapan.
- Pelajar akan berkongsi jawapan dengan rakan.

Meja Bulat

- Perbincangan dilakukan secara berkumpulan.
- Seorang pelajar menjadi ketua untuk mempengerusikan perbincangan.
- Seorang pelajar menjadi pencatat.
- Perbincangan berfokus kepada tajuk yang ditetapkan oleh guru.
- Semua anggota kumpulan mesti memberikan pendapat semasa perbincangan.
- Pendapat harus diberikan secara bergilir-gilir.
- Wakil kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan.

Teater Pembaca

- Beberapa orang pelajar dipilih berdasarkan watak dalam skrip atau bahan.
- Setiap pelajar yang dipilih diberi watak dan skrip (menjadi pelakon).
- Seorang pencerita dipilih untuk membaca bahagian cerita dalam skrip.
- Ruang lakon disediakan di hadapan kelas dan menghadap penonton.
- Pencerita akan berdiri di bahagian tepi (kiri atau kanan) pelakon.
- Pelakon akan berdiri di tengah-tengah.
- Pelakon akan membaca dialog mengikut urutan skrip.
- Pelakon yang tiba gilirannya akan bergerak selangkah ke hadapan dan membaca/ melakonkan dialog dengan penuh penghayatan.

Kerusi Panas

- ☞ Seorang pelajar dikehendaki memainkan peranan satu watak.
- ☞ Pelajar berkenaan duduk di kerusi di hadapan kelas.
- ☞ Pelajar-pelajar lain mengajukan pertanyaan berkaitan perwatakan watak yang dilakonkan.
- ☞ Pelajar yang duduk di kerusi mesti menjawab soalan sebagai watak yang dilakonkan.
- ☞ Pelajar lain mencatat perwatakan watak.

Teknik Bacaan

Untuk memastikan pelajar dapat mencapai tahap kefahaman yang tinggi terhadap pelbagai jenis bahan bacaan, guru-guru disarankan untuk membimbing pelajar-pelajar memanfaatkan pelbagai jenis teknik bacaan.

Pada umumnya, terdapat dua jenis teknik bacaan, iaitu teknik bacaan cepat dan teknik bacaan perlahan. Teknik bacaan cepat bertujuan untuk memudahkan pembaca mendapat gambaran kasar tentang keseluruhan bahan manakala teknik bacaan perlahan bertujuan untuk membolehkan pembaca betul-betul memahami isi kandungan dengan menganalisis bahan bacaan secara kritis dan analitis.

Dua jenis teknik bacaan cepat ialah:

a) *Skimming*: Membaca bahan bacaan secara pantas untuk tujuan memahami idea utama atau tema bahan bacaan berkenaan. Dalam membaca sesuatu petikan, kita hanya memberi perhatian kepada idea penting sesuatu perenggan untuk mendapatkan fahaman umum. Dalam membaca sesebuah buku, fokus kita adalah kepada bahagian tertentu buku berkenaan seperti bahagian pengenalan, daftar isi kandungan, prakata, tajuk utama, rumusan pada akhir bab dan rujukan indek untuk mendapatkan gambaran umum tentang buku yang dibaca.

b) *Scanning*: Pembacaan cepat untuk mendapatkan maklumat yang khusus sesuatu bahan bacaan. Pembaca boleh melangkau bahagian-bahagian tertentu yang difikirkan kurang penting. Ketika membaca kita akan menggerakkan mata kita dari atas ke bawah petikan muka surat yang dibaca sambil memberi tumpuan kepada maklumat yang dicari.

Pelajar-pelajar juga diharapkan dapat menguasai beberapa teknik bacaan perlahan, iaitu KWLH, SQ4R, CHATT, QUACK, dan ACID.

a) KWLH

K (*Know*) – perkara yang sudah diketahui sebelum membaca.
W (*Want*) – perkara yang hendak diketahui sebelum membaca.
L (*Learned*) – perkara yang dipelajari selepas membaca.
H (*How*) – menyatakan cara pelajar dapat meneruskan penerokaan berkait dengan sesuatu topik melalui bacaan selanjutnya.

Langkah-langkah membaca dengan menggunakan Teknik KWLH

- Kenal pasti bahan yang hendak dibaca. Adakah bahan itu artikel, rencana, petikan, cerita, atau apa-apa bahan rangsangan? Lihat bahan itu sepintas lalu, cuba buat jangkaan isi bahan itu.
- Catatkan maklumat yang telah diketahui berkenaan dengan tajuk itu di dalam lajur K carta KWLH. Sebagai alternatif, pelajar juga boleh menyebut perkara-perkara yang telah diketahui tentang tajuk.
- Di dalam lajur W, bina soalan-soalan tentang maklumat yang ingin diketahui tentang tema atau tajuk bahan bacaan.
- Baca teks berkenaan. Semasa dan selepas membaca bahan, catatkan maklumat-maklumat yang anda dapati ke dalam lajur L.
- Semak kembali lajur W dan bandingkan maklumat di dalam lajur L. Jika bukan semua yang dikehendaki terdapat pada lajur L, catat maklumat yang belum terjawab itu di dalam lajur H serta nyatakan cadangan sumber untuk memperoleh jawapannya.

b) SQ4R

- S (*Survey*) – **meninjau** teks yang ingin dibaca dengan menggunakan teknik skimming, iaitu pembacaan secara cepat untuk mendapatkan idea secara keseluruhan. Berikan perhatian pada tajuk atau subtajuk, sinopsis, isi kandungan, dan kenal pasti fokus atau tema utama.

- Q (*Question*) – **menyoal** teks yang dibaca supaya pembaca dapat memahami bahan yang dibaca. Bina soalan untuk diri sendiri mengenai bahan yang hendak dibaca. Gunakan tajuk atau subtajuk sebagai panduan. Gunakan kata tanya siapa, apa, mengapa, dan di mana.

- R (*Read*) – **membaca** perkara penting yang dibincangkan dalam teks dengan telitinya. Cuba jawab soalan-soalan yang telah dibina. Tambah soalan-soalan baharu sekiranya perlu.

- R (*Record*) – **mencatat** perkara penting yang dibincangkan dalam teks seperti labelkan bahagian atau perenggan teks mengikut fokus, subtema, contoh atau apa-apa sahaja yang difikirkan penting dan perlu sahaja. Tidak perlu mengambil nota secara ekstensif.

- R (*Recite*) – **menyatakan idea-idea utama semula** dalam bentuk lisan berdasarkan catatan yang dibuat. Langkah ini penting untuk memperkukuh ingatan dan kefahaman tentang bahan yang dibaca.

- R (*Reflect*) – **membuat refleksi** atau penilaian kendiri berdasarkan idea keseluruhan teks yang dibaca. Apabila refleksi dibuat, nota atau catatan ringkas boleh dirujuk. Baca bahan berkenaan semula sekiranya perlu.

c) CHATT

Maksud CHATT		
C	*Circle*	Bulatkan kata kunci.
H	*Highlight*	Serlahkan atau garisi idea penting.
A	*Asterisk**	Tandakan * pada isi sampingan atau isi sokongan.
T	*Transfer*	Pindahkan maklumat ke dalam borang CHATT.
T	*Teacher*	Guru memberikan rumusan tentang rekod murid di dalam borang CHATT.

d) QUACK

Teknik ini menggalakkan pembacaan secara aktif kepada teks yang berbentuk fakta, membuat pertimbangan tentang maklumat, dan menandakan maklumat yang tertentu.

Maksud QUACK		
Q	*Question mark (?)*	Letakkan tanda soal (?) pada perkataan, rangkai kata, dan idea yang kabur serta tidak difahami.
U	*Underline*	Garisi takrif.
A	*Asterisk**	Letakkan tanda asterisk (*) pada maklumat atau idea yang penting atau menarik.
C	*Circle*	Bulatkan fakta dan definisi penting.
K	*Keyword*	Letakkan huruf besar K di sebelah kata kunci (biasanya berhuruf tebal atau condong).

e) ACID

Teknik ini menggalakkan pembaca membaca teks secara aktif. Interaksi dan fokus pembaca terhadap teks dikekalkan kerana pembaca perlu membuat pertimbangan tentang bentuk dan maklumat yang dibaca.

Maksud ACID		
A	*Agree*	Bersetuju
C	*Confusing*	Mengelirukan
I	*Interesting*	Menarik
D	*Disagree*	Tidak bersetuju

KANDUNGAN

TEMA 1	**KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**		
	UNIT 1	Bantu Diri Anda	2
	UNIT 2	Pesan Doktor	22
TEMA 2	**LITERASI BAHASA DAN KOMUNIKASI**		
	UNIT 3	Mari Semarakkan Karnival Bahasa	46
	UNIT 4	Indah Sastera Cantik Bahasa	62
TEMA 3	**PENGIKTIRAFAN NEGARA DAN KEPELBAGAIAN WARISAN**		
	UNIT 5	Warna-Warni Budaya Alat Muzik Tradisional Pelbagai Kaum Di Malaysia	78
	UNIT 6	Pantang Larang Usah Dilupakan	98
TEMA 4	**JATI DIRI, PATRIOTISME, DAN KEWARGANEGARAAN**		
	UNIT 7	Fikir Dahulu Sebelum Bertindak	118
	UNIT 8	Integriti Tinggi Sahsiah Terpuji	134
TEMA 5	**SAINS, TEKNOLOGI, DAN INOVASI**		
	UNIT 9	Masyarakat Boleh	148
	UNIT 10	Sinar Baharu Hidupmu	164
TEMA 6	**PERSPEKTIF GLOBAL DAN PELESTARIAN ALAM**		
	UNIT 11	Pembangunan Lestari	182
	UNIT 12	Pembangunan Bandar Lestari	202

TEMA 7 SIKAP GIGIH DAN NILAI-NILAI POSITIF

UNIT 13 Sikap yang Perlu untuk Memupuk Jati Diri Remaja 214

UNIT 14 Anda Prihatin Anda Selamat 228

TEMA 8 KEMANUSIAAN

UNIT 15 Terima Kasih Cikgu 242

UNIT 16 Semangat Waja 260

TEMA 1

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Peribahasa	Maksud
seperti ayam berak kapur	rupa pucat kerana menghidap penyakit
luka di tangan nampak berdarah, luka di hati siapa tahu	hanya diri orang itu yang tahu akan penderitaan atau kesedihannya



Bahan Rangsangan

Adik, awak selalu minum air berkarbonat. Air itu terlalu manis dan tidak baik untuk kesihatan.

UNIT 1

BANTU DIRI ANDA

1. Membaca dan Memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan jenis pendapat (Pemilihan Jenis Makanan yang Salah Mempengaruhi Kesihatan Seseorang) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

Pemilihan Jenis Makanan Mempengaruhi Kesihatan Seseorang

Kesihatan diri merupakan harta yang paling berharga bagi setiap insan tanpa mengira usia, bangsa, dan agama. Namun begitu, banyak orang tidak menyedari kepentingan kesihatan diri sehingga ditimpa sesuatu penyakit yang tenat. Mereka masih tidak menyedari pemilihan jenis makanan sebagai penentu kesihatan seseorang. Oleh itu, saya berpendapat bahawa pemilihan jenis makanan akan mempengaruhi kesihatan seseorang.



Pada pendapat saya, pengambilan makanan berkarbohidrat dalam jumlah yang banyak dan masa makan yang tidak menentu akan menyebabkan paras gula dalam saluran darah tidak konsisten. Paras gula yang tinggi dalam darah juga berpunca daripada pengambilan minuman dan makanan manis. Contohnya, kuih-muih, roti, mi, nasi, kek, coklat atau minuman berkarbonat akan meningkatkan kadar glukosa dalam saluran darah jika diambil secara berlebihan. Seseorang akan mengalami masalah kesihatan seperti diabetes apabila **pankreas** gagal menghasilkan **insulin** secara sempurna. Oleh hal yang demikian, amalan pemakanan yang tidak baik akan mengakibatkan risiko seseorang mengalami penyakit diabetes.

Selain itu, majoriti masyarakat kita suka akan makanan yang berminyak dan berlemak seperti ayam goreng, nasi goreng, kerepek, rendang daging atau kari daging. Jika makanan tersebut dimakan secara berlebihan, berat badan akan meningkat. Akibatnya, seseorang akan mengalami obesiti. Pada masa yang sama, kadar **kolesterol** yang tinggi akan meningkatkan risiko seseorang menghidap penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, sakit jantung atau **strok**. Tegasnya, gaya pemakanan tersebut akan mengakibatkan kematian dalam kalangan orang ramai.

Seterusnya, ada sesetengah remaja lebih gemar makan daging daripada makan sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai sajian harian mereka. Tabiat pemakanan ini tidak sihat kerana dietnya tidak mengandungi **serat** yang mencukupi sehingga secara tidak langsung menyebabkan badan kekurangan nutrien hingga wajahnya pucat **seperti ayam berak kapur**. Sebenarnya, serat yang tinggi dalam sayur-sayuran dan buah-buahan dapat membantu sistem penghadaman seseorang supaya penyakit **sembelit** atau kembung perut dapat dielakkan. Pendek kata, kurangnya serat akan menyebabkan banyak nutrien daripada makanan harian tidak dapat diserap dengan baiknya akibat masalah sistem **pencernaan** yang kurang berkesan.

Dengan berdasarkan perbincangan tersebut, saya menyimpulkan bahawa pemilihan jenis makanan akan mempengaruhi kesihatan seseorang. Lantaran itu, cara pemakanan yang mengambil kira kandungan kalori termasuk gula, garam dan minyak serta mengelakkan makanan yang diproses sepenuhnya termasuk perasa sintetik dan bahan pengawet tidak seharusnya **menggerunkan** setiap individu. Sebaliknya, perkara ini seharusnya menyuntik kesedaran seseorang tentang

pentingnya hidangan yang mengandungi **kombinasi** bahagian karbohidrat, protein, tenusu, dan lemak yang sihat dalam kuantiti yang betul. Dengan ini, keseimbangan diet harian seseorang akan tercapai.



Kosa Kata

1. **pankreas**: kelenjar yang terletak di belakang perut yang merembeskan enzim pencernaan seperti lipase dan amilase serta hormon insulin dan glukagon 胰脏
2. **insulin**: hormon yang dikeluarkan oleh pankreas untuk mengawal kepekatan glukosa dalam darah 胰岛素
3. **kolesterol**: komponen asid lemak tepu yang terdapat dalam lemak haiwan seperti mentega, kuning telur dan sebagainya (yang dikatakan mempunyai kesan buruk pada sistem pengedaran darah) 胆固醇
4. **strok**: keadaan yang berlaku tiba-tiba akibat rosaknya atau pecahnya saluran darah otak yang biasanya boleh menjadikan seseorang tidak sedar diri, diikuti oleh kelumpuhan dan penyekatan saluran darah oleh gumpalan darah 中风
5. **serat**: bahan makanan yang tidak tercerna oleh enzim gaster usus makanan 纤维(无法被胃肠酶消化的食物成分)
6. **sembelit**: sukar buang air besar 便秘
7. **pencernaan**: penghadaman 消化作用
8. **menggerunkan**: menakutkan 让人可怕
9. **kombinasi**: gabungan 结合

2. Mendengar dan Bertutur


Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman perbualan tersebut dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

Imbaslah saya untuk mendengar rakaman perbualan.



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Berdasarkan video yang disediakan, bincangkan soalan-soalan yang berikut dan bentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.

1. Kesihatan mental bagi kanak-kanak sangat penting. Jelaskan panduan menjaga kesihatan mental kanak-kanak.

Tip Penjagaan Kesihatan Mental Kanak-kanak



3. MENULIS

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis pendapat secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Pendapat

Karangan jenis ini bertujuan untuk menyatakan pendapat atau pendirian tentang sesuatu tajuk atau pernyataan.

3.1.1 Contoh Karangan Jenis Pendapat

Makanan segera banyak memberikan kesan buruk kepada kanak-kanak. Pada pendapat anda, apakah peranan yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mengawal kanak-kanak daripada mengambil makanan segera?

Pendahuluan	Beberapa dekad yang lalu, lambakan makanan segera seperti ayam goreng atau burger dalam pasaran di negara kita banyak menimbulkan masalah kesihatan kepada golongan kanak-kanak. [**ayat rangsangan**] Oleh itu, semua pihak haruslah mengambil inisiatif untuk membendung masalah ini sebelum menjadi semakin parah. [**ayat rangsangan**] Persoalannya, apakah peranan yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mengawal kanak-kanak daripada mengambil makanan segera? [**ayat arahan – kata kunci soalan**]
Isi 1	Pada pendapat saya, untuk mengawal kanak-kanak daripada mengambil makanan segera, ibu bapa harus mendidik, memantau dan mengawal kadar pengambilan makanan segera. [**ayat topik**] Dalam hal ini, ibu bapa harus menitikberatkan pemakanan kanak-kanak mengikut piramid makanan. [**ayat huraian**] Contohnya, ibu bapa harus memberitahu kanak-kanak tentang keburukan makanan segera bagi jangka masa pendek ataupun jangka masa panjang. [**ayat contoh**] Oleh hal yang demikian, didikan, pemantauan serta kawalan daripada ibu bapa dapat memastikan kanak-kanak kurang makan makanan segera. [**ayat penegas**]

Isi 2	Selain itu, pihak sekolah haruslah memastikan makanan yang dijual di kantin itu berzat dan bukannya makanan segera. [**ayat topik**] Hal ini dikatakan demikian kerana makanan segera mengandungi bahan campuran sintetik, perisa dan pewarna yang bahaya sehingga memudaratkan kesihatan jika dimakan dengan banyaknya. [**ayat huraian**] Contohnya, pihak pentadbiran sekolah terutamanya pengetua harus bersikap tegas terhadap pengusaha kantin yang menjual makanan segera seperti sosej, nuget, mi segera, dan kentang goreng yang tidak berkhasiat kepada pelajar-pelajar. [ayat contoh] Tegasnya, sikap tanggungjawab pihak sekolah dapat menghalang pengusaha kantin daripada menjual makanan segera yang tidak berkhasiat.[**ayat penegas**]
Isi 3	Di samping itu, pihak berkuasa tempatan perlu berganding bahu dengan pihak sekolah untuk melakukan pemantauan berkala di luar kawasan sekolah.[**ayat topik**] Hal ini penting kerana masalah kehadiran penjaja yang menjual makanan segera akan menyusahkan pihak sekolah untuk menghalang para pelajar daripada membelinya. [**ayat huraian**] Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa tempatan perlulah melakukan pemeriksaan mengejut lalu menyaman mereka yang berjaja di kawasan tersebut.[**ayat huraian**] Pendek kata, pihak berkuasa tempatan perlulah bertindak tegas terhadap penjaja yang menjual makanan segera di luar kawasan sekolah. [**ayat penegas**]
Penutup	Kesimpulannya, kerjasama bagai aur dengan tebing daripada semua pihak amatlah diperlukan untuk mencegah dan mengatasi masalah penjualan makanan segera yang tidak sihat kepada kanak-kanak. [**ayat cadangan**] Lantaran itu, pihak kerajaan harus bersikap lebih tegas untuk memantau penjualan makanan segera di kantin sekolah dan di luar kawasan sekolah agar dapat melahirkan generasi muda yang sihat dan sejahtera.[**ayat harapan**]

4. TATABAHASA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti dan membetulkan kesalahan frasa nama dalam ayat dengan tepatnya mengikut konteks;
2. mengenal pasti dan membetulkan kesalahan kata ganti nama diri dengan tepatnya mengikut konteks;
3. menggunakan kata banyak makna dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
4. menggunakan kata hampir sama makna dengan betulnya dan tepat mengikut konteks.

2.2 Kesalahan Frasa Nama

- Frasa nama ialah frasa yang terbina daripada kata nama sebagai kata intinya.
- Frasa nama berfungsi sebagai unsur subjek, unsur predikat atau unsur objek dalam sesuatu ayat.
- Kesalahan umum frasa nama terbahagi kepada dua, iaitu:

  a) kesalahan hukum D-M

  b) kesalahan dari segi bentuk jamak

2.2.1 Kesalahan Hukum D-M

- Hukum D-M ialah hukum tentang cara kata-kata disusun supaya frasa nama dapat dibentuk.
- "D" bermaksud unsur atau perkara yang "diterangkan".
- "M" bermaksud unsur atau perkara yang "menerangkan".
- Hukum D-M perlu dipatuhi supaya frasa nama dalam ayat dapat dibentuk dengan sempurnanya.

Contoh:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Dalam sesuatu frasa nama, unsur yang **d**iterangkan (D), iaitu yang menjadi fokus mestilah mendahului unsur yang **m**enerangkannya (M). Namun begitu, terdapat beberapa istilah yang telah menjadi kelaziman dan terkecuali daripada Hukum D-M ini.	• Yee Seng Restoran • pendingin jentera • Kaza Kafe Siber • Menteri Perdana • Canselor Naib • pejabat ibu	• **Restoran Yee Seng** • **jentera pendingin** • **Kafe Siber Kaza** • **Perdana Menteri** • **Naib Canselor** • **ibu pejabat**

Contoh Penggunaan dalam Ayat:

No.	Salah	Betul
1.	**Yee Seng Restoran** terletak di persimpangan Jalan Megah.	**Restoran Yee Seng** terletak di persimpangan Jalan Megah.
2.	Tunku Abdul Rahman merupakan **Menteri Perdana** yang berwibawa.	Tunku Abdul Rahman merupakan **Perdana Menteri** yang berwibawa.

2.2.2 Kesalahan dari Segi Bentuk Jamak

- Frasa nama jamak ialah frasa yang melibatkan konsep tunggal atau jamak.

Contoh:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Frasa nama tidak boleh digandakan selepas kata bilangan yang membawa maksud jamak.	• semua **pelajar-pelajar** • kedua-dua buah **kereta-kereta** • beberapa **masalah-masalah** • pelbagai jenis **sayur-mayur** • banyak **pepohon** kelapa	• semua **pelajar** • kedua-dua buah **kereta** • beberapa **masalah** • pelbagai jenis **sayur** • banyak **pohon** kelapa/ **pepohon** kelapa

2.	Frasa nama yang mendukung maksud jamak tidak perlu digandakan.	• **generasi-generasi** muda • **rakyat-rakyat** Malaysia • **susunan-susunan** buku • gugusan **pulau-pulau** • **kaum-kaum** petani	• **generasi** muda • **rakyat** Malaysia • **susunan** buku • gugusan **pulau** • **kaum** petani
3.	Kata nama di bahagian subjek tidak perlu digandakan jika unsur predikatnya terbina daripada kata adjektif yang digandakan atau sebaliknya.	• **Baju-baju** yang dijual di pusat beli-belah itu **cantik-cantik**.	• **Baju** yang dijual di pusat beli-belah itu **cantik-cantik**. **ATAU** • **Baju-baju** yang dijual di pusat beli-belah itu **cantik**.

Contoh Penggunaan dalam Ayat:

No.	Salah	Betul
1.	**Semua pelajar-pelajar** diminta untuk berlari di padang.	**Semua pelajar** diminta untuk berlari di padang.
2.	**Susunan buku-buku** di rak itu kelihatan rapi.	**Susunan buku** di rak itu kelihatan rapi.
3.	**Generasi-generasi muda** kini semakin malas bersenam.	**Generasi muda** kini semakin malas bersenam.
4.	**Kaum-kaum petani** sedang mengusahakan tanaman padi di bendang.	**Kaum petani** sedang mengusahakan tanaman padi di bendang.

2.3 Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri

Contoh:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kesalahan penggunaan kata "**kami**" dan "**kita**" a. **Kita** bererti "anda dengan saya" atau "anda dengan kami" iaitu orang yang kita ajak bercakap disertakan.	"**Kami** mesti mematuhi peraturan sekolah," kata Chong Beng kepada rakan sekelasnya	"**Kita** mesti mematuhi peraturan sekolah," kata Chong Beng kepada rakan sekelasnya.
	b. **Kami** bererti "saya dan dia" atau "saya dan mereka" apabila bercakap dengan orang kedua, iaitu orang yang kita ajak bercakap. Orang kedua yang kita ajak bercakap ini tidak disertakan dalam konteks tersebut	"**Kita** hendak melaporkan kemalangan jalan raya, encik," kata Karim dan Mohan kepada pegawai polis itu.	"**Kami** hendak melaporkan kemalangan jalan raya, encik," kata Karim dan Mohan kepada pegawai polis itu.
2.	Elakkan penggunaan "**aku**" apabila bercakap dengan a. seseorang yang belum mesra dengan anda b. seseorang yang lebih tua umurnya c. seseorang yang perlu dihormati Walau bagaimanapun, apabila berdoa kepada Tuhan, "**aku**" **WAJIB** digunakan untuk menggambarkan keakraban manusia dengan Tuhan.	"**Aku** hendak bermain gasing," kata Husin kepada bapanya. "Kepada Engkaulah **saya** berdoa," kata abang sewaktu membaca doa.	"**Saya** hendak bermain gasing," kata Husin kepada bapanya. "Kepada Engkaulah **aku** berdoa," kata abang sewaktu membaca doa.

3.	Kata “**beliau**” digunakan untuk orang yang dihormati.	**Dia** merupakan Wakil Rakyat kawasan ini.	**Beliau** merupakan Wakil Rakyat kawasan ini.
4.	Kata ganti nama diri orang hanya boleh digunakan untuk manusia.	a) Novel itu berjudul “Salina”. **Ia** ditulis oleh A. Samad Said. b) Kucing-kucing itu sangat lembut bulunya. **Mereka** juga berwarna putih.	a) Novel itu berjudul “Salina”. **Novel itu** ditulis oleh A. Samad Said. b) Kucing-kucing itu sangat lembut bulunya. **Kucing-kucing itu** juga berwarna putih.
5.	Kata “**mereka**” tidak perlu digandakan kerana kata “**mereka**” sudah bermakna jamak.	Guru disiplin mendenda **mereka-mereka** yang datang lewat.	Guru disiplin mendenda **mereka** yang datang lewat.
6.	Kata “**ia**” tidak boleh hadir di belakang kata sendi nama atau kata kerja transitif aktif.	a) Saya berasa seronok dapat berkawan dengan **ia**. b) Kami menyisih **ia** kerana tidak tahan dengan perangainya.	a) Saya berasa seronok dapat berkawan dengan**nya**. b) Kami menyisih**nya** kerana tidak tahan dengan perangainya.
7.	Kata ganti nama diri ketiga **“ia” hanya digunakan untuk merujuk manusia.** Kata ganti nama diri ketiga “**ia**” dan “**nya**” tidak boleh digabungkan.	**Kucing itu** sangat comel. **Ia** berbulu lebat. **Perabot itu** sangat mahal. **Ia** diimport dari Itali. **Ianya** kawan saya. **Ia** berasal dari negeri Melaka.	**Kucing itu** sangat comel. **Kucing itu** berbulu lebat. **Perabot itu** sangat mahal. **Perabot itu** diimport dari Itali. **Ia** kawan saya. **Ia** berasal dari negeri Melaka.

2.4 Kata Banyak Makna

- Kata banyak makna ialah kata yang mempunyai lebih daripada satu makna.

	Kata Banyak Makna	Maksud	Contoh Ayat
1.	**bidang**	a. penjodoh bilangan bagi benda yang luas (seperti tanah atau permaidani) b. kegiatan yang diceburi c. ukuran panjang (kira-kira lima hasta)	a. Puan Salmah membeli dua **bidang** permaidani baharu di kedai itu. b. Lee Ying telah menceburi **bidang** seni lakon sejak berusia 10 tahun. c. Tali yang panjangnya lima **bidang** itu digunakan untuk mengikat kotak besar itu.
2.	**bintang**	a. salah satu cakerawala (beribu-ribu banyaknya) yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam b. pingat (tanda kebesaran atau jasa) c. orang yang terkemuka (terkenal) dalam lapangan sukan (filem)	a. Kamala suka melihat **bintang** yang berkelipan di langit. b. Encik Hamid dikurniai **bintang** kehormatan kerana sering membantu pelajar-pelajar miskin. c. **Bintang** filem yang terkenal itu akan berlakon di luar negara.

3.	**bujang**	a. tidak berpasangan b. orang (laki-laki atau perempuan) yang sudah dewasa (sudah boleh berkahwin) c. bersendiran	a. Justin yang masih **bujang** itu tidak mahu berkahwin dengan gadis pilihan orang tuanya. b. Gadis kampung yang **bujang** itu dirisik oleh anak penghulu. c. Puan Khalijah membeli sebuah katil **bujang** untuk anak bongsu yang meningkat usia remaja.
4.	**calon**	a. orang yang dicadangkan untuk menjadi bakal pemegang sesuatu jawatan (seperti bakal pegawai atau guru) b. orang yang dicadangkan supaya dipilih menjadi wakil rakyat (ketua atau pengerusi) c. orang yang akan menduduki peperiksaan atau ujian	a. Pengurus itu mencadangkan Li Shun sebagai **calon** penyelia syarikat pembinaan. b. Rakesh Sanjay yang merupakan **calon** bebas di kawasan Klang telah memenangi pilihan raya. c. Semua **calon** Menengah Rendah Tiga akan menduduki Peperiksaan Bersama pada bulan November.

5.	**cap**	a. bekas atau kesan (tanda, gambar, tandatangan) yang dibuat dengan cap b. tanda yang berupa gambar (untuk barang dagangan)	a. Surat perjanjian jual beli rumah mesti ada **cap** peguam. b. Nenek saya suka membeli sardin **cap** ayam untuk memasak gulai.
6.	**celik**	a. (berkenaan mata) terbuka b. sedar (insaf) c. boleh melihat, tidak buta	a. Mata kakak Shila **celik** sepanjang malam setelah minum secawan kopi. b. Setelah diberi kaunseling oleh Cikgu Jamilah, baru **celik** mata Suraya akan perbuatannya. c. Walaupun nenek Khalid sudah berusia, matanya masih **celik**.
7.	**cerah**	a. terang (berkenaan hari, bulan, lampu atau langit) b. jernih (berkenaan kaca) c. tidak hitam, agak putih (berkenaan kulit)	a. Bapa Daneng memasang lampu baharu supaya ruang tamu kelihatan **cerah**. b. Batu permata yang berharga itu disimpan di dalam peti kaca yang **cerah**. c. Baju merah itu sesuai dipakai oleh wanita yang berkulit **cerah**.

8.	**cocok**	a. sesuai benar, sepadan b. setuju, bersefahaman, sepakat c. serasi	a. Baju biru muda itu amat **cocok** dengan warna kulit adik yang gelap. b. Kedua-dua kumpulan sukan sudah **cocok** untuk bertanding dalam acara tarik tali. c. Ubat batuk yang dibeli di farmasi itu tidak **cocok** dengan adik Sanjeet.
9.	**rasa**	a. perihal sesuatu yang dikecap oleh lidah b. keadaan hati terhadap sesuatu c. anggapan tentang baik buruk (salah benar), pendapat, fikiran	a. Nenek Limah tidak suka makan kuih akok kerana **rasa**nya manis. b. "Kalau ikut **rasa** hatiku, aku tidak mahu menyertai kem motivasi di Gua Tempurung," kata Linda kepada Nur Lisa. c. Saya **rasa** Yew Meng dan Lai Jun tidak harus bertelingkah atas perkara remeh-temeh.
10.	**tahan**	a. tidak berubah keadaannya, tidak lekas rosak b. sanggup menderita sesuatu, tabah menanggung (kesusahan) c. mencukupi, memadai (pada makanan atau bekalan)	a. Jam tangan yang dibeli oleh Nasha **tahan** lama. b. Walaupun hidup dalam kesusahan, Rita tetap **tahan** menanggungnya. c. Pak Yusri membeli dua bungkus beras yang hanya **tahan** untuk dua minggu kerana ahli keluarganya banyak.

Contoh Penggunaan Kata Banyak Makna:

Melisa, **bintang** filem yang berusia 60-an masih aktif berlakon. **Bidang** lakonan sudah sebati dalam hidupnya. Melisa masih **bujang** kerana sibuk berlakon. Beliau juga amat **celik** akan ilmu kesihatan diri. Beliau selalu menyapu losen pelindung ultralembayung pada anggota badan setiap hari supaya kulitnya **cerah**. Beliau suka memakai pakaian berfesyen yang **cocok** dengan kulitnya yang cerah itu. Untuk mencergaskan badannya, beliau juga sering berjoging di sekitar tasik yang berhampiran dengan rumahnya setiap pagi. Selain senaman, beliau amat mementingkan amalan pemakanan seimbang supaya badannya **tahan** lasak untuk melakukan pelbagai aktiviti harian. Beliau **rasa** kesihatan asas kebahagiaan hidup seseorang.

2.5 Kata Hampir Sama Makna

- Kata hampir sama makna merupakan himpunan beberapa perkataan yang mengandungi maksud yang hampir sama.

Contoh:

	Kata	Maksud	Contoh Ayat
1.	**berbuai**	terayun sama ada ke hadapan dan ke belakang atau ke kiri dan ke kanan	Daun-daun di pohon itu **berbuai** ditiup angin yang silir-semilir.
2.	**bergegar**	bergerak ke atas ke bawah atau ke depan ke belakang dengan cepat dan kuat, bergoncang	Letupan bom di kawasan lapang itu menyebabkan rumah-rumah di sekitarnya **bergegar**.
3.	**bergoyang**	berayun-ayun, bergerak-gerak	Lampu gantung di beranda rumah itu **bergoyang** ditiup angin ketika hujan lebat.
4.	**berkocak**	bergoncang (air dalam bekas atau sungai)	Air kolam itu **berkocak** apabila dilempari batu oleh sekumpulan remaja.
5.	**berhamburan**	bertaburan merata-rata (ke sana sini)	Ibu mengutip beras yang **berhamburan** daripada guni yang bocor itu.

6.	**berkeliaran**	berjalan (bergerak, bersiar-siar) merata-rata atau ke sana sini, merayau	Lembu peliharaan Pak Kadir **berkeliaran** di padang itu.
7.	**berserakan**	tidak tersusun atau tidak kemas, bertaburan	Natasha sedang mengemas pakaian adiknya yang **berserakan** di dalam bilik.
8.	**bertempiaran**	berlari ke sana ke mari dengan tidak tentu arah atau haluan	Budak-budak yang sedang mencuri buah rambutan itu lari **bertempiaran** apabila disergah oleh pak cik saya.

Contoh Penggunaan Kata Hampir Sama Makna:

Kenzo dan isterinya, Mitsuko duduk di bawah sebatang pokok di kebunnya. Mereka selesa di situ kerana tiupan angin yang sepoi-sepoi bahasa itu menyebabkan daun pokok **berbuai**. Mereka memerhatikan lembu peliharaan mereka dibiarkan **berkeliaran** untuk meragut rumput. Kemudian, Mitsuko menyapu daun kering yang **berserakan** dengan sebatang penyapu lidi sebelum pulang.

Ketika keluarga Kenzo sedang makan malam di rumah, tiba-tiba rumah mereka **bergegar**. Lampu neon di ruang makan turut **bergoyang** beberapa kali. Mereka pun keluar dari rumah untuk melihat keadaan. Mereka nampak jiran sebelah turut berada di luar rumah. Nun dari jauh, mereka mendengar jeritan penduduk yang tinggal berhampiran dengan gunung berapi. Penduduk lari **bertempiaran** meninggalkan rumah mereka. Rupa-rupanya, gunung berapi yang aktif itu meletus. Letusan gunung berapi telah menyebabkan abu dan batu **berhamburan** dari kawah. Keadaan pada masa itu menjadi huru-hura.

5. SASTERA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. memahami cerpen Kecekalan Seorang Insan dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Prosa Moden

Baca petikan cerpen berikut dengan telitinya.

Kecekalan Seorang Insan

Kehijauan flora yang tumbuh melata menyegarkan pandangan mata. Bayu dingin terus bertiup sepoi-sepoi bahasa, menerobos hutan rimba yang telah menjadi latar kehidupan Mas Lina lebih dua dekad ini. Mas Lina membiarkan udara nyaman menyapa tubuhnya sambil dihangatkan oleh cahaya mentari subuh yang telah pun meninjau sedikit dari ufuk timur.

Waktu inilah Mas Lina bangun untuk melakukan senaman fizikal sambil menghirup udara segar saban hari. Suara Dr. Sunjeet dua puluh tahun yang lalu masih terngiang-ngiang di telinga Mas Lina.

"Kamu hanya ada beberapa bulan untuk hidup. Penyakit kamu tidak dapat diubati kerana sudah tahap tiga," kata Dr. Sunjeet.



“Saya akan berikan ubat untuk mengurangkan kesakitan. Ingat makan dua biji kapsul sebanyak tiga kali dalam sehari. Tapi kamu mesti mengubah gaya hidup yang lebih sihat dan berfikiran positif. Cara ini sekurang-kurangnya dapat membantu kamu untuk menangani penyakit kamu,” katanya lagi.

Riak muka Mas Lina berubah pucat lesi dan tertunduk membiarkan air matanya membasahi pipinya apabila mendengar kata-kata doktor tersebut. Dia begitu sedih atas masalah kesihatan yang menghantuinya. Namun begitu, kesedihan sebegini hanya dialah yang merasainya kerana **luka di tangan nampak berdarah, luka di hati siapa tahu.**

“Alangkah malangnya nasibku! Mengapakah Tuhan menghukumku sebegini?” bisik hatinya yang sebak itu.

Sejak hari itu, Mas Lina terpaksa melepaskan kerjaya profesional yang bergaji besar. Dia bertekad untuk melawan penyakit. Rakan karibnya, Rania bercadang agar dia berpindah ke Kampung Limbawang di Sabah, iaitu kampung halaman Rania kerana suasana di sana lebih nyaman dan bebas daripada pencemaran. Mas Lina mengikut Rania ke Kampung Limbawang untuk menjalani kehidupan baharu.

“Lina, awak boleh mendapat tunjuk ajar daripada ibu bapa aku untuk menanam sayur-sayuran atau menternak ayam di Kampung Limbawang. Selain itu, hasil hutan juga senang diperoleh di pinggir kampung ini. Tambahan pula, awak boleh mengamalkan pemakanan yang lebih sihat dan menjaga kesihatan fizikal dan mental,” kata Rania.

Kini, dua puluh tahun telah berlalu. Lina amat bersyukur kerana masih hidup sihat. Dia terus menjalani kehidupan yang bebas dan tenang. Corak pemakanan yang lebih sihat sudah sebati dalam kehidupannya. Malah, aktiviti fizikal dan mental turut diutamakan dalam kehidupan hariannya.

Tina Tin




Peribahasa	Maksud
buah yang manis berulat di dalamnya	tutur kata yang baik tetapi mengandungi maksud jahat di sebaliknya
nasi sudah menjadi bubur	perbuatan yang sudah terlanjur dan tidak dapat diubah lagi






Bahan Rangsangan



UNIT 2

PESAN DOKTOR



1. MEMBACA DAN MEMAHAMI

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan jenis rencana (Kesan-kesan Pengambilan Suplemen dalam Pemakanan Kita) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

董總 DONG ZONG


Baca petikan di bawah dengan telitinya.

Kesan-kesan Pengambilan Suplemen dalam Pemakanan Kita

Oleh: Melisa Tina

Belakangan ini, kita sering mendengar atau membaca pelbagai jenis **suplemen** yang dipromosikan sama ada melalui media cetak ataupun media sosial. Promosi suplemen amat menarik perhatian orang ramai untuk membelinya demi kesihatan diri. Namun begitu, sebelum seseorang membeli suplemen, dia harus meneliti bahan ramuannya dan memastikan produk itu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Persoalannya, apakah kesan-kesan pengambilan suplemen dalam pemakanan kita?





Salah satu kesan dalam pengambilan suplemen ialah suplemen dapat meningkatkan imunisasi badan seseorang. Apabila seseorang mempunyai imunisasi, tahap kesihatan seseorang akan meningkat. Contohnya, golongan kanak-kanak atau remaja yang tidak suka makan buah-buahan atau sayur-sayuran harus mengambil suplemen seperti vitamin A dan vitamin C supaya mereka memperoleh **nutrien** dan zat yang diperlukan. Oleh hal yang demikian, imunisasi badan seseorang dapat ditingkatkan.

Selain itu, pengambilan suplemen dapat meningkatkan tahap fizikal seseorang khususnya atlet. Hal ini dikatakan demikian kerana suplemen dapat membekalkan nutrien yang mencukupi kepada atlet. Contohnya, jaguh bina badan negara seperti Datuk Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah menggunakan suplemen untuk meningkatkan stamina supaya tahap fizikalnya lebih **tegap**, dan berotot. Pendek kata, suplemen yang diambil oleh seseorang atlet dapat membantu mereka untuk menguatkan badan supaya dapat menjalani latihan lasak sebelum menyertai sebarang pertandingan.

Sebaliknya, pengambilan suplemen juga memudaratkan kesihatan seseorang. Hal ini berlaku kerana sesetengah pengilang menggunakan bahan ramuan yang dilarang dalam produk mereka sehingga mengundang pelbagai **komplikasi**. Dalam hal ini, seseorang tidak seharusnya termakan janji-janji manis daripada peniaga maya yang mempromosikan produk mereka, bak kata peribahasa, **buah yang manis berulat di dalamnya** kerana mereka suka menggunakan taktik **testimoni** pelanggan yang dikatakan berjaya menggunakan produk mereka. Tegasnya, pengambilan suplemen akan menjejaskan kesihatan seseorang jika diambil tanpa mematuhi nasihat yang disyorkan oleh pakar kesihatan.

董總 DONG ZONG

Kesimpulannya, setiap insan harus bijak memilih suplemen yang berkualiti dan betul-betul memberikan manfaat kepada kesihatan diri. Sehubungan dengan itu, seseorang hendaklah mendapatkan nasihat daripada doktor sebelum mengambil suplemen supaya tidak mendatangkan sebarang **kemudaratan** kepada diri sendiri.

(dipetik dan disesuaikan daripada https://www.ipendidikan.my/kesan-pengambilan-makanan-tambahan.html)



董總 DONG ZONG

Kosa Kata

1. **suplemen**: makanan tambahan 保健品
2. **nutrien**: zat makanan 营养素
3. **tegap**: kukuh dan kuat 结实
4. **komplikasi**: penyakit baharu atau perkembangan baharu pada sesuatu penyakit yang menjadikan lebih rumit untuk dirawat dan diubati 并发症
5. **testimoni**: pernyataan sebenar sebagai bukti keberkesanan sesuatu produk 见证
6. **kemudaratan**: kerugian/ kebahayaan 危害

2. Mendengar dan Bertutur



Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat-maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman rencana tersebut dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

2.2 Aktiviti Berkumpulan

Berdasarkan petikan akhbar, bincangkan soalan-soalan yang berikutnya dan bentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.

董總 DONG ZONG

Para penyelidik bertumpu pada kadar sakit dan kematian daripada tiga jenis penyakit kronik yang membabitkan pemakanan daging, iaitu barah kolorektal, diabetes jenis 2, dan penyakit jantung koronari.	Penyakit jantung, strok, hipertensi, diabetes, kanser dan osteoporosis merampas kebahagiaan kehidupan sebilangan besar manusia.
Penyakit akibat diet meningkat membabitkan pengambilan daging merah	Enam penyakit kronik rampas kebahagiaan hidup

a) Selain pemakanan daging, apakah punca-punca lain yang menyebabkan tiga jenis penyakit kronik berlaku?

b) Bagaimanakah penyakit kronik memberikan kesan-kesan negatif kepada masyarakat secara amnya?



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:


1. merumus bahan grafik jenis carta pai dengan mengolah maklumat yang berkaitan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menulis perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup rumusan secara terancang dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks.

3.1 Rumusan Jenis Carta Pai

3.1.1 Cara-cara Menulis Rumusan Jenis Carta Pai

- Perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup ditulis dalam perenggan yang berbeza.

Kaji carta pai di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis satu rumusan tentang ***keadaan berat badan kanak-kanak di Kuala Lumpur.*** *Panjang rumusan anda hendaklah* ***tidak melebihi 100 patah perkataan.***



(dipetik dan disesuaikan daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-ppr-alami-masalah-kekurangan-zat-unicef-169207)

Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	Carta pai menunjukkan keadaan berat badan kanak-kanak di Kuala Lumpur.	• ditulis dalam satu ayat • ditulis berdasarkan arahan soalan dan tajuk bahan yang diberikan
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Sebanyak 65 peratus kanak-kanak di Kuala Lumpur mempunyai berat badan yang normal. Sebanyak 20 peratus kanak-kanak di Kuala Lumpur mengalami masalah berat badan yang berlebihan. Sebanyak lapan peratus kanak-kanak di Kuala Lumpur mengalami masalah kurang berat badan. Sebanyak tujuh peratus kanak-kanak di Kuala Lumpur mengalami masalah berat badan yang melampau.	• ditulis berdasarkan maklumat-maklumat dalam bahan grafik carta pai
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Kanak-kanak mengalami masalah kurang berat badan diakibatkan oleh isu kemiskinan keluarga. Sebaliknya, pengambilan makanan yang berlebihan kandungan kalorinya pula menjadi punca kanak-kanak mempunyai berat badan yang berlebihan.	• isi tersirat ialah maklumat yang tidak dinyatakan dalam bahan grafik carta pai • tulis **dua** isi tersirat yang berkaitan dengan isi tersurat sama ada **punca**, **usaha**, **kesan atau apa-apa sahaja**.
Perenggan keempat (Penutup)	Kesimpulannya, semua pihak haruslah menangani masalah berat badan kanak-kanak di Kuala Lumpur supaya dapat meningkatkan kualiti kesihatan golongan ini.	• mesti ada cadangan dan harapan • contoh: "Kesimpulannya, ...harus...agar/ supaya ..."

(xxx patah perkataan)

董總 DONG ZONG


4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membetulkan kesalahan frasa kerja dalam ayat dengan tepatnya mengikut konteks;
2. membetulkan kesalahan frasa adjektif dengan tepatnya mengikut konteks;
3. membetulkan kesalahan kata banyak makna dalam ayat dengan tepatnya mengikut konteks;
4. membetulkan kesalahan kata hampir sama makna dengan tepatnya mengikut konteks.

4.1 Frasa Kerja

- Frasa kerja ialah sekumpulan perkataan yang unsur utamanya terdiri daripada kata kerja dan merupakan satu daripada unsur binaan utama dalam ayat.
- Binaan frasa kerja terbahagi kepada dua jenis berikut;



4.1.1 Frasa Kerja Transitif

- Frasa kerja Transitif ialah frasa kerja yang mengandungi kata kerja transitif, iaitu yang mesti diikuti oleh objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya.

Contoh:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Golongan kata lain tidak boleh hadir selepas kata kerja transitif kecuali kata nama atau frasa nama.	Encik Halim telah **mendiami di** Taman Ara Damansara sejak tahun 2000.	Encik Halim telah **mendiami** Taman Ara Damansara sejak tahun 2000.
2.	Kata hubung pancangan relatif **yang** tidak boleh bertukar ganti dengan kata hubung pancangan komplemen **bahawa**.	Mereka mengatakan **yang** Atan terlibat dalam kemalangan semalam.	Mereka mengatakan **bahawa** Atan terlibat dalam kemalangan semalam.
3.	Kata kerja transitif lazimnya memerlukan imbuhan awalan ***meN-***.	Ibu sedang **cuci** pinggan mangkuk di dapur.	Ibu sedang **mencuci** pinggan mangkuk di dapur.
4.	Kata kerja transitif yang berapitan ***meN-…-kan*** dan ***meN-…i*** mempunyai pelbagai makna.	a. Para pelajar **menghadiahkan Cikgu Salmah sejambak bunga**. objek sipi objek tepat b. Para pelajar **menghadiahi sejambak bunga** kepada Cikgu Salmah. satu objek sahaja	a. Para pelajar **menghadiahi Cikgu Salmah sejambak bunga**. b. Para pelajar **menghadiahkan sejambak bunga** kepada Cikgu Salmah.

Contoh Penggunaan Kata Kerja Transitif yang Berapitan *meN-…-kan* dan *meN-…i*			
No.	**Kata Kerja Transitif**	**Salah**	**Betul**
1.	membeli	Ibu **membelikan** sebuah buku cerita untuk adik.	Ibu **membeli** sebuah buku cerita untuk adik.
2.	membelikan	Ibu **membeli** adik sebuah buku cerita.	Ibu **membelikan** adik sebuah buku cerita.
3.	menaikkan	Pengawas **menaiki** bendera ketika lagu kebangsaan dimainkan.	Pengawas **menaikkan** bendera ketika lagu kebangsaan dimainkan.
4.	menaiki	Pelajar-pelajar **menaikkan** bas ke sekolah setiap hari.	Pelajar-pelajar **menaiki** bas ke sekolah setiap hari.
5.	menenggelamkan	Tentera Jepun telah **menenggelami** sebuah kapal perang pihak musuh.	Tentera Jepun telah **menenggelamkan** sebuah kapal perang pihak musuh.
6.	menenggelami	Banjir kilat telah **menenggelamkan** kawasan bendang itu.	Banjir kilat telah **menenggelami** kawasan bendang itu.
7.	mencemarkan	Pekerja-pekerja kilang telah **mencemari** sungai dengan membuang sisa toksik ke dalamnya.	Pekerja-pekerja kilang telah **mencemarkan** sungai dengan membuang sisa toksik ke dalamnya.
8.	mencemari	Sampah sarap telah **mencemarkan** sungai itu.	Sampah sarap telah **mencemari** sungai itu.
9.	memasukkan	Murid-murid **memasuki** buku ke dalam beg.	Murid-murid **memasukkan** buku ke dalam beg.
10.	memasuki	Pencuri itu **memasukkan** rumah Pak Ali semalam.	Pencuri itu **memasuki** rumah Pak Ali semalam.
11.	mengirimkan	Ibu **mengirimi** salam kepada pak Su.	Ibu **mengirimkan** salam kepada pak Su.
12.	mengirimi	Ayah **mengirimkan** adik yuran pengajiannya.	Ayah **mengirimi** adik yuran pengajiannya.

董總 DONG ZONG

4.1.2 Frasa Kerja Tak Transitif

Frasa kerja tak transitif ialah frasa kerja yang tidak mempunyai objek, tetapi mungkin diikuti oleh pelengkap. Hal ini berlaku kerana kata kerja tak transitif ada dua jenis, iaitu kata kerja tak transitif tanpa pelengkap dan kata kerja tak transitif berpelengkap. Terdapat pelbagai bentuk kesalahan umum yang berkaitan dengan frasa kerja tak transitif.

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata kerja tak transitif berapitan ***beR-…-kan*** tidak boleh diikuti dengan kata sendi nama.	a. Pak Halim **bermandikan dengan** peluh selepas berkebun.	a. Pak Halim **bermandikan** peluh selepas berkebun.
2.	Kata kerja tak transitif berpelengkap wajib diikuti pelengkap.	a. Pengemis itu tidur **bertilamkan**. b. Masita **menjadi**.	a. Pengemis itu tidur **bertilamkan** surat khabar. (pelengkap: surat khabar) b. Masita **menjadi** guru sandaran di Sekolah Kebangsaan Hulu Banting. (pelengkap: guru sandaran di Sekolah Kebangsaan Hulu Banting)

董總 DONG ZONG

3.	Lazimnya, kata kerja tak transitif berimbuhan ***beR-***, ***beR-…-an***, ***teR-***, dan ***meN-*** perlu diikuti oleh kata sendi nama.	a. Datuk Budin **bercerita** kisah pendudukan Jepun di Tanah Melayu b. Rumah datuk saudara Nazrin **berhampiran** Bukit Bentong. c. Pasukan itu akan **berdepan** pasukan luar negara yang lebih handal. d. Masyarakat Jepun **terdedah** kesan radioaktif. e. Kereta peronda polis **membelok** kanan Jalan Megah.	a. Datuk Budin **bercerita tentang** kisah pendudukan Jepun di Tanah Melayu. kata sendi nama b. Rumah datuk saudara Nazrin **berhampiran dengan** Bukit Bentong. kata sendi nama c. Pasukan itu akan **berdepan dengan** pasukan luar negara yang lebih handal. kata sendi nama d. Masyarakat Jepun **terdedah kepada** kesan radioaktif. kata sendi nama e. Kereta peronda polis **membelok ke** kanan Jalan Megah. kata sendi nama

董總 DONG ZONG

4.2 Frasa Adjektif

- Frasa Adjektif ialah susunan perkataan yang terbina daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif sebagai kata intinya.
- Kesalahan umum frasa adjektif dapat dilihat daripada dua aspek, iaitu:

Aspek-aspek kesalahan frasa adjektif yang terbina daripada **kata adjektif terbitan**

Aspek-aspek kesalahan frasa adjektif yang terbina daripada **kata adjektif tunggal**

董總 DONG ZONG

4.2.1 Aspek-aspek Kesalahan Frasa Adjektif yang Terbina daripada Kata Adjektif Tunggal

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata adjektif jenis perasaan tidak boleh menerima imbuhan akhiran ***-kan***, sebaliknya perlu diikuti dengan kata sendi nama **akan**.	a. Walaupun sudah lama terpisah, Salleh masih **sayangkan** isteri dan anak-anaknya. b. Pak Itam **amat minat** seniman agung P. Ramlee.	a. Walaupun sudah lama terpisah, Salleh masih **sayang akan** isteri dan anak-anaknya. b. Pak Itam **amat minat akan** seniman agung P. Ramlee.
2.	Binaan frasa adjektif tidak boleh melebihi darjah penghabisan.	Makanan yang dimasak oleh ibu **amat sungguh lazat sekali**.	Makanan yang dimasak oleh ibu **amat sungguh lazat**. **ATAU** Makanan yang dimasak oleh ibu **sungguh lazat sekali**.

3.	Kata nafi **bukan** tidak boleh mendahului kata adjektif melainkan frasa adjektif tersebut mengandungi dua maklumat yang bertentangan.	a. Rambut adik bongsu Nurlisa **bukan** pendek. b. Wanita itu **tidak** cantik **tetapi** pandai bergaya.	a. Rambut adik bongsu Nurlisa **tidak** pendek. b. Wanita itu **bukan** cantik **tetapi** pandai bergaya.

4.2.2 Aspek-aspek Kesalahan Frasa Adjektif yang Terbina daripada Kata Adjektif Terbitan

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata adjektif yang berimbuhan awalan ***teR-*** yang bermaksud **paling** tidak perlu berdampingan dengan kata penguat lagi.	Chun Kiat mendapat tempat **terakhir sekali** di dalam kelasnya.	Chun Kiat mendapat tempat **terakhir** di dalam kelasnya.
2.	Terdapat juga kata adjektif yang berimbuhan awalan ***teR-*** yang boleh didahului kata penguat **paling** kerana imbuhan awalan ***teR-*** tidak membawa maksud **paling**.	Tokoh sasterawan itu **paling kenal** di negara kita.	Tokoh sasterawan itu **paling terkenal** di negara kita
3.	Kata adjektif yang berimbuhan awalan ***se-*** yang membawa maksud **sama dengan** tidak perlu diikuti oleh kata sendi nama **dengan** selepasnya.	Siew Mei **secantik dengan** adik bongsu Su Ling.	Siew Mei **secantik** adik bongsu Su Ling.
4.	Kata adjektif berimbuhan apitan ***ke-…-an*** yang membawa maksud memiliki sifat **seperti** tidak perlu lagi diikuti oleh kata sendi nama **seperti** sebelumnya.	Perangai datuk Eman **seperti keanak-anakan** sahaja.	Perangai datuk Eman **keanak-anakan** sahaja.

董總 DONG ZONG

5.	Kata adjektif berimbuhan apitan ***ke-…-an*** yang membawa maksud **seakan-akan** atau **agak** tidak perlu lagi diikuti oleh kata penguat **agak**.	Warna langsir yang dibeli oleh ibu **agak kekuning-kuningan**.	Warna langsir yang dibeli oleh ibu **kekuning-kuningan**.
6.	Kata adjektif ganda berentak yang mendukung maksud **kesangatan** tidak perlu lagi disertai kata penguat.	Majlis kenduri itu **sangat hiruk-pikuk** dengan suara saudara-mara.	Majlis kenduri itu **hiruk-pikuk** dengan suara saudara-mara.

4.3 Kata Banyak Makna

Kata banyak makna ialah kata yang mempunyai lebih daripada satu makna.

	Kata Banyak Makna	Maksud	Contoh ayat
1.	**cukup**	a. sampai jumlahnya b. genap c. lumayan atau tidak lebih dan tidak kurang	a. "Kanopi ini tidak **cukup** untuk menampung tetamu yang akan hadir dalam majlis kenduri itu," kata Encik Khalid. b. Pada 18 November ini **cukup**lah dua tahun usia Lydia. c. Pendapatan Encik Sadat **cukup** untuk menampung keluarganya.
2.	**gelap**	a. tiada cahaya, kelam atau tidak terang b. tidak atau belum jelas benar tentang sesuatu perkara c. haram atau tidak sah	a. Apabila hari **gelap**, barulah ibu dan ayah pulang dari kebun. b. Bagi saya, perkara itu masih **gelap** lagi. c. Barangan seludup yang dijual di pasar **gelap** itu telah disita oleh pihak polis.

董總 DONG ZONG

3.	**habis**	a. tidak berbaki b. selesai, berakhir, tamat	a. Wang saku yang diberikan oleh ibunya telah **habis** dibelanjakan. b. Setelah **habis** makan sepinggan nasi kerabu pada pagi itu, Aisyah pun pergi ke sekolah.
4.	**halus**	a. tidak kasar, sangat kecil b. tidak kesat, lembut, licin c. baik, bersopan santun	a. Cikgu Aminah menghadapi kesukaran untuk membaca tulisan pelajarnya yang sangat **halus** itu. b. Nurin menjaga kulit muka sehingga kelihatan **halus** seperti kulit bayi. c. Puan Latifah bersyukur kerana anak-anaknya sentiasa mengamalkan budi pekerti yang **halus**.
5.	**hampa**	a. kecewa b. tidak ada hasil atau sia-sia c. tidak berisi (padi)	a. Zaki sungguh **hampa** kerana keputusan peperiksaannya kurang memuaskan. b. Pak Mat pulang dari hutan setelah beberapa hari berburu dengan tangan **hampa**. c. Hani akan membantu ayahnya mengasingkan padi yang **hampa** jika dia ada masa lapang.
6.	**jarang**	a. tidak rapat b. tidak lebat c. tidak padat	a. Gadis itu memakai baju yang **jarang** tenunannya. b. Rambut nenek semakin **jarang** kerana gugur dengan banyaknya. c. Penduduk di kawasan pedalaman itu semakin **jarang** kerana penghijrahan muda-mudi ke bandar.

董總 DONG ZONG

7.	**jernih**	a. tidak keruh b. manis dan berseri (air muka) c. tidak huru-hara	a. Pembuangan sampah sarap telah menyebabkan air Sungai Galoh tidak **jernih** lagi. b. Muka adik begitu **jernih** pada hari ini kerana dia akan menerima sebuah basikal baharu daripada ayah. c. Para pelancong suka makan angin ke New Zealand kerana suasana politik di sana amat **jernih**.
8.	**laku**	a. terjual b. dikehendaki orang untuk sesuatu tujuan tertentu c. sah	a. Kuih-muih yang dibuat oleh Mak Cik Leha **laku** sekali. b. Songket tenunan Mak Limah sangat **laku** dalam kalangan pelancong asing. c. Wang kertas yang terkoyak itu tidak **laku** lagi.
9.	**senyap**	a. tidak kedengaran apa-apa b. diam c. tidak sibuk (perniagaan)	a. Berita tentang serangan gajah di kawasan pinggir kampung sudah **senyap**. b. Budak lelaki itu duduk dengan **senyap**nya semasa menonton rancangan kartun. c. Perniagaan restoran abang saya semakin **senyap** sejak banyak restoran baharu dibuka.
10.	**tawar**	a. tidak masin b. tidak mujarab c. hilang kemarahan	a. Kuah sayur sawi ini **tawar** sedikit. b. Semua mantera dan jampinya **tawar** belaka. c. Kemarahan ayah yang meruap-ruap tadi kini **tawar** jadinya setelah dipujuk oleh ibu.

董總 DONG ZONG

Contoh Penggunaan Kata Banyak Makna:

Pada awal pagi, Puan Hamidah menyediakan sarapan untuk anak-anaknya sebelum menjual nasi kerabu di pasar pagi. Anak sulungnya, Hafiz suka makan roti bakar manakala dua orang anak perempuan suka minum air Milo dan telur rebus.

"Hafiz, sarapan sudah siap. Panggil kedua-dua orang adik awak makan sarapan. Setelah **habis** makan, kemaskan meja makan," pesan Puan Hamidah.

"Ya, mak. Hari masih **gelap** lagi. Cepatnya mak hendak berniaga," kata Hafiz.

"Oh, pagi ini, ada seorang pelanggan telah memesan 100 bungkus nasi kerabu. Dia hendak membawa bungkusan nasi kerabu ke pejabat. Jadi, mak mesti ke tapak pasar pagi awal sedikit. Nanti pelanggan itu lewat sampai ke pejabat," kata ibu.

"Aku mendapat rezeki yang memuaskan hari ini. Jualan nasi kerabu juga **laku**. Keuntungan ini **cukup** untuk membawa anak-anak balik ke kampung halaman. Lagipun, aku **jarang** balik ke sana." Bisik hati Puan Hamidah dengan air muka yang **jernih**.

Perniagaan nasi kerabu Puan Hamidah tidak pernah **senyap** kerana masakannya enak. Dia tidak berasa **hampa** dengan keputusannya menjalankan perniagaan sendiri di perantauan. Dia amat bersyukur kerana doanya tidak pernah **tawar** selama ini.

董總 DONG ZONG

4.4 Kata Hampir Sama Makna

- Kata hampir sama makna merupakan himpunan beberapa perkataan yang mengandungi maksud yang hampir sama.

Contoh:

	Kata	Maksud	Contoh Ayat
1.	**melalui**	mengikuti	Beberapa orang budak berasa takut ketika **melalui** jalan yang sunyi dan gelap itu.
2.	**mengharungi**	menempuh (lautan)	Sanjet dan kawannya berjaya **mengharungi** Lautan China Selatan dengan kapal layar mereka.

3.	**menyeberangi**	pergi ke seberang sana	Setiap hari, Roya **menyeberangi** sungai dengan sampan untuk ke sekolah.
4.	**meredah**	menempuh (bahaya, hutan, padang pasir)	Pak Mail **meredah** hutan untuk mencari akar kayu.
5.	**melanggar**	merempuh	Kereta api itu telah **melanggar** seorang budak yang bermain di landasan itu.
6.	**merempuh**	menempuh dengan paksa	Pihak polis **merempuh** masuk ke rumah sewa yang dihuni oleh para pendatang haram.
7.	**menyerbu**	melanggar	Tentera Jepun telah **menyerbu** kubu pertahanan Pasir Panjang pada waktu malam.
8.	**menyondol**	menolak dengan menundukkan kepala atau dengan muncung	Kerbau peliharaan Pak Yusuf itu **menyondol** budak yang sedang bermain-main di padang itu.
9.	**memegang**	memaut dengan tangan	Adik Adam **memegang** beg baharu yang dibeli oleh ibu.
10.	**menggenggam**	memegang sesuatu di dalam tangan yang dikepalkan	Datuk saya **menggenggam** beras untuk diberikan kepada ayam-ayam ternakannya.
11.	**menyentuh**	mengenai sedikit	Setiap pelawat yang mengunjungi pusat pameran itu tidak dibenarkan **menyentuh** barang-barang yang dipamerkan.
12.	**meraba**	menyentuh kerana hendak mencari sesuatu	Saloma **meraba** kanta sesentuhnya yang terjatuh di atas lantai bilik air itu.

董總 DONG ZONG

Contoh Penggunaan Kata Hampir Sama Makna:

Pada hujung minggu, Nizam mengikut datuknya **meredah** hutan yang berdekatan dengan rumah mereka. Datuknya **memegang** sebilah parang untuk mencantas pokok-pokok kecil ketika **melalui** denai.

“Datuk, jauhnya perjalanan ini. Bilakah kita hendak sampai? Banyaknya nyamuk dan serangga di sini,” keluh Nizam.

“Sabarlah, Zam. Sebentar lagi, kita akan sampai,” kata datuk.

“Datuk, tunggu sekejap. Ada pokok renek yang unik ini,” kata Nizam.

“Nizam tidak boleh **menyentuh** pokok itu. Nanti tangan awak gatal,” pesan datuk.

“Baiklah, datuk,” kata Nizam.

“Ayuh, terus berjalan. Datuk hendak cepat ni. Nanti datuk hendak ke pekan membeli barang keperluan,” kata datuk.

Tidak lama kemudian, mereka tiba di kawasan air terjun. Datuk mencabut beberapa batang pokok renek. Pokok tersebut ditanam untuk dijadikan jamu. Datuk **menggengam** tanah lalu memasukkannya ke dalam beg plastik bersama-sama pokok itu. Selepas itu, mereka pun beredar dari situ.

董總 DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami sajak yang Kucari Tak Dijumpai berdasarkan maksud yang dibaca.

5.1 Puisi Moden

Baca sajak berikut dengan telitinya.

Sajak yang Kucari Tak Dijumpai

Tidak kucari
Kebobrokan dan kesakitan yang dibenci
tidak sesekali
ia datangnya semula jadi
oh bukan, bukan
bukannya semula jadi
tapi dek kududuk sepanjang hari
menghadap komputer yang diribai
makan dan minum tak tentu hari
sukan dan riadah makin dijauhi.



董總
DONG ZONG



Yang kucari tak dijumpai
kesihatan dan keafiatan yang diidami
dijelmakan pula pada tubuh lusuh ini
penyakit-penyakit moden yang tidak kucari
bisul, kudis dan infeksi
bukannya semula jadi
tapi dek setibanya rumah kubaring tidak mandi
kuku panjang kusimpan di sisi
basuh kaki dan tangan tak jadi amali
kuman dan virus menjadi teman sejati.

O kesihatan
datanglah kembali
dikau yang dirindui
semakin kutangisi
semakin disesali.

Teo Wei Sing

董總 DONG ZONG

Rangkap	Maksud
Tidak kucari kebobrokan dan kesakitan yang dibenci tidak sesekali ia datangnya semula jadi oh bukan, bukan bukannya semula jadi tapi dek kududuk sepanjang hari menghadap komputer yang diribai makan dan minum tak tentu hari sukan dan riadah makin dijauhi.	Keperitan yang disebabkan oleh penyakit yang dideritai oleh penyajak tidak sekali-kali diminta oleh penyajak. Penyajak yang pada asalnya berpendapat bahawa penyakitnya datang secara semula jadi menyedari bahawa sebenarnya penyakitnya berpunca daripada tabiatnya yang duduk sepanjang hari untuk menggunakan komputer, amalan pemakanan yang tidak menentu, serta pengabaiannya pada aktiviti sukan dan riadah.
Yang kucari tak dijumpai kesihatan dan keafiatan yang diidami dijelmakan pula pada tubuh lusuh ini penyakit-penyakit moden yang tidak kucari bisul, kudis dan infeksi bukannya semula jadi tapi dek setibanya rumah kubaring tidak mandi kuku panjang kusimpan di sisi basuh kaki dan tangan tak jadi amali kuman dan virus menjadi teman sejati.	Kesihatan tubuh badan yang menjadi idaman penyajak tidak berjaya diperolehnya lebih-lebih lagi pada ketika tubuhnya yang kini menjadi semakin lemah. Penyakit-penyakit moden seperti bisul, kudis dan infeksi bukannya berlaku secara semula jadi tetapi disebabkan oleh tabiat buruk penyajak yang mengabaikan amalan kebersihan. Sebagai contoh, penyajak terus berbaring setibanya di rumah tanpa membersihkan dirinya. Kuku dibiarkan panjang, kaki dan tangan pula tidak dibasuh. Sebagai akibatnya, penyajak dijangkiti kuman dan virus.

董總 DONG ZONG



Rangkap	Maksud
O kesihatan datanglah kembali dikau yang dirindui semakin kutangisi semakin disesali.	Penyajak berharap agar kesihatannya pulih kembali. Kesihatan yang baik amat dirindui oleh penyajak. Penyajak begitu sedih dan amat menyesali sikapnya yang mengabaikan aspek kesihatan dan kebersihan selama ini.



TEMA 2

LITERASI BAHASA DAN KOMUNIKASI

Peribahasa	Maksud
lulus jarum, lulus kelindan	kalau kehendak pertama itu tercapai, kehendak-kehendak lain akan menurut
air dalam karang menonggok, setanggi campur kemenyan, gula tertumpah pada kanji	usaha yang berhasil baik

董總 DONG ZONG

Bahan Rangsangan

Pertandingan pidato dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan menggunakan bahasa kebangsaan kita.



Sertailah Pertandingan Mengarang Bahasa Melayu untuk meningkatkan kreativiti anda.

UNIT 3

MARI SEMARAKKAN KARNIVAL BAHASA

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan (Karnival Bahasa Melayu) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, dan maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

董總 DONG ZONG

Karnival Bahasa Melayu

Mengikut Kamus Dewan, karnival merujuk pesta besar-besaran yang biasanya disertai oleh perarakan, acara meriah, dan sebagainya. Setiap tahun pasti ada pelbagai karnival diadakan untuk mencapai objektif dan sasaran kelompok tertentu. Antara karnival yang diadakan di negara kita ialah Karnival Rukun Negara, Karnival Sukan, Karnival Permainan Tradisional dan Karnival Bahasa.

Secara umum, karnival bahasa berfokus pada aspek pengukuhan bahasa termasuklah bahasa ibunda, bahasa kebangsaan dan bahasa antarabangsa. Secara spesifik, Karnival Bahasa Melayu lebih bermatlamat untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Karnival Bahasa Melayu giat dijalankan terutamanya semasa **pelancaran** Bulan Bahasa Kebangsaan.

Karnival Bahasa Melayu sering diadakan di sekolah yang **menyasarkan** kelompok pelajar sama ada pada peringkat sekolah rendah atau menengah. Karnival Bahasa Melayu peringkat kebangsaan pula menyasarkan kelompok masyarakat yang lebih luas dengan membuka penyertaan kepada masyarakat secara umum. Sejajar dengan matlamat **penganjuran** Karnival Bahasa Melayu, pelbagai aktiviti diadakan untuk mewujudkan ruang dan peluang bagi kelompok sasaran menguasai bahasa Melayu.

Acara **lazim** yang sering diadakan semasa Karnival Bahasa Melayu ialah pertandingan bercerita, pidato, deklamasi sajak, berbalas pantun, mengarang, bahas dan banyak lagi. Setiap pertandingan perlu memenuhi **kriteria** pemarkahannya. Namun begitu, aspek penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu menjadi keutamaan.

Sebagai intiha, melalui Karnival Bahasa Melayu, kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan sahaja dapat ditingkatkan, malah matlamat pihak kerajaan untuk memartabatkan dan seterusnya **mengantarabangsakan** bahasa Melayu juga dapat direalisasikan satu demi satu, bak kata peribahasa, **lulus jarum, lulus kelindan**. Oleh sebab itu, marilah kita bersama-sama untuk memberikan sambutan yang baik kepada penganjuran Karnival Bahasa Melayu kerana bahasa jiwa bangsa, iaitu bahasa Melayu melambangkan **identiti** bangsa Malaysia.

董總
DONG ZONG

Kosa Kata

1. **pelancaran**: perihal memulakan sesuatu rancangan 推展
2. **menyasarkan**: menujukan 瞄向
3. **penganjuran**: perihal menganjurkan 主办
4. **lazim**: biasa 普遍
5. **kriteria**: ukuran untuk menentukan nilai sesuatu 标准
6. **mengantarabangsakan**: menjadikan sesuatu bersifat antarabangsa 迈向国际化
7. **identiti**: sifat-sifat yang terdapat pada seseorang atau sesuatu yang mengasingkannya daripada yang lain 特性

2. Mendengar dan Bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman berita yang bertajuk "Kemeriahan Berganda dalam Karnival Bitara Bahasa Negara". Kemudian, jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Hasilkan sebuah poster berhubung dengan Karnival Bahasa Melayu yang bakal diadakan di sekolah anda. Maklumat seperti hari, tarikh, masa, tempat, acara pertandingan serta objektif karnival diadakan mesti dinyatakan dalam poster. Kemudian, bentangkan hasil poster di depan kelas.

Contoh poster (1)

Contoh poster (2)

董總 DONG ZONG

3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis perbincangan secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks serta aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Perbincangan

- Karangan jenis ini bertujuan untuk membincangkan sesuatu tajuk atau pernyataan.

3.1.1 Contoh Karangan Jenis Perbincangan

Dewasa ini, masih terdapat segelintir rakyat Malaysia yang tidak dapat bertutur dalam bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Isu ini telah menjadi tajuk utama yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan.

Bincangkan manfaat-manfaat penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia.

董總 DONG ZONG

Pendahuluan	Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa melambangkan identiti sesebuah bangsa. [**ayat rangsangan**] Sejajar dengan slogan Bahasa Jiwa Bangsa, pelbagai usaha telah diambil oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat. [**ayat rangsangan**] Inisiatif kerajaan mewajibkan rakyat Malaysia mempelajari bahasa Melayu sejak bangku sekolah telah merealisasikan impian yang murni ini. [**ayat rangsangan**] Sebenarnya, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia ada banyak manfaatnya. [**ayat arahan – kata kunci soalan**]

Isi 1	Antara manfaat penguasaan bahasa Melayu termasuklah perpaduan dapat diperkukuh di negara kita. [**ayat topik**] Tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan merupakan agen penyatuan bangsa berbilang kaum di negara kita. [**ayat huraian**] Contohnya, rakyat Malaysia berbilang kaum dapat berkomunikasi dengan semua kaum di platform media sosial, di tempat kerja dan di pasar raya secara lancar. [**ayat contoh**] Kesannya, masalah perselisihan faham atau konflik antara kaum dapat dielakkan. (**ayat kesan**) Jelaslah bahawa, penguasaan bahasa Melayu dapat menyatupadukan masyarakat majmuk di negara kita kerana bahasa Melayu wahana integrasi bangsa Malaysia. [**ayat penegas**]
Isi 2	Selain itu, penguasaan bahasa Melayu juga dapat melancarkan urusan harian kita. [**ayat topik**] Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa rasmi di negara kita. [**ayat huraian**] Dalam erti kata yang lain, bahasa Melayu merupakan medium komunikasi utama di pejabat-pejabat kerajaan. [**ayat huraian**] Contohnya, kita boleh berurusan dengan pegawai yang bertugas di balai polis dan di pejabat imigresen secara petah melalui penggunaan bahasa Melayu. [**ayat contoh**] Kesannya, urusan atau tugasan dapat kita sempurnakan dan tidak perlu bertangguh-tangguh. (**ayat kesan**) Sudah terang lagi bersuluh bahawa penguasaan bahasa Melayu dapat mempermudah urusan sehari-hari kita. [**ayat penegas**]
Isi 3	Sekiranya ditinjau dari aspek yang lain, penguasaan bahasa Melayu juga membolehkan kita menguasai pelbagai jenis ilmu. [**ayat topik**] Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar sistem pendidikan kita. [**ayat huraian**] Sejajar dengan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, guru-guru menggunakan bahasa Melayu ketika mengajar di sekolah. [**ayat contoh**] Lantaran itu, pelajar-pelajar akan berjaya menguasai ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. [**ayat contoh**] Kesannya, kecemerlangan akademik pelajar-pelajar akan merealisasikan impian mereka. (**ayat kesan**) Tegasnya, penguasaan bahasa Melayu dapat melahirkan insan yang berilmu. [**ayat penegas**]

Penutup	Kesimpulannya, pihak kerajaan dan pihak swasta haruslah bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk menyemaikan semangat cinta akan bahasa Melayu dalam sanubari setiap rakyat Malaysia. [**ayat cadangan**] Untuk mencapai tujuan yang murni ini, sikap mementingkan diri sendiri ibarat enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing perlulah dikuburkan agar bahasa Melayu bukan sahaja akan terus dibudayakan dalam kehidupan harian malahan tidak akan pupus ibarat tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. [**ayat harapan**]

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti kesalahan frasa sendi nama dan membetulkannya mengikut konteks;
2. mengenal pasti kesalahan kata hubung dan membetulkannya mengikut konteks;
3. menggunakan kata yang betul dan tepat mengikut konteks.

4.1 Frasa Sendi Nama

- Frasa sendi nama ialah satu binaan yang terdiri daripada satu kata sendi nama diikuti dengan satu kata atau frasa nama.
- Frasa sendi nama berfungsi sebagai predikat ayat, unsur keterangan frasa nama, unsur keterangan frasa kerja dan unsur keterangan frasa adjektif.

4.1.1 Kesalahan Frasa Sendi Nama yang Terbentuk daripada Dua Kata Sendi Nama Secara Berturutan

Dua kata sendi nama tidak boleh wujud secara berturutan dalam ayat yang sama kerana menyebabkan kelewahan bahasa.

Contoh Penggunaan Ayat:

No	Salah	Betul
1.	**Sejak dari** kegagalan dalam peperiksaan, saya mengulang kaji pelajaran setiap malam.	**Sejak** kegagalan dalam peperiksaan, saya mengulang kaji pelajaran setiap malam.
2.	Encik Tan berusaha dengan gigihnya **demi untuk** keluarganya.	Encik Tan berusaha dengan gigihnya **demi** keluarganya.
3.	**Selain daripada** kawasan air terjun, pasukan pengakap juga ke kawasan puncak gunung itu.	**Selain** kawasan air terjun, pasukan pengakap juga ke kawasan puncak gunung itu.
4.	Pameran buku itu akan dilanjutkan **hingga ke** minggu depan.	Pameran buku itu akan dilanjutkan **hingga** minggu depan.
5.	Kerjasama yang erat sesama penduduk kampung **umpama bagai** aur dengan tebing.	Kerjasama yang erat sesama penduduk kampung **umpama** aur dengan tebing.

4.1.2 Kesalahan Frasa Sendi Nama Setara yang Menggunakan Kata Hubung Gabungan

Kata sendi nama "**ke**" wajib diulangi selepas kata hubung gabungan seperti dan, tetapi dan atau.

Contoh Penggunaan dalam Ayat:

No	Salah	Betul
1.	Puan Aisyah bukan **ke** Perlis **tetapi** Terengganu.	Puan Aisyah bukan **ke** Perlis **tetapi ke** Terengganu.
2.	Kamu hendak **ke** pusat beli-belah **atau** rumah kawan kamu?	Kamu hendak **ke** pusat beli-belah **atau ke** rumah kawan kamu?
3.	Kereta api itu akan **ke** utara **atau** selatan?	Kereta api itu akan **ke** utara **atau ke** selatan?
4.	Kereta yang hilang kawalan itu bergerak **ke** kiri **dan** kanan jalan sebelum terbabas.	Kereta yang hilang kawalan itu bergerak **ke** kiri **dan ke** kanan jalan sebelum terbabas.

董總 DONG ZONG

4.1.3 Kesalahan Binaan Frasa Sendi Nama Setara dengan Kata Sendi Nama *dari* dan *ke*

Apabila frasa sendi nama setara dibina dengan menggunakan kata sendi nama **dari** dan **ke**, maka bentuk frasa nama yang mengikuti kata sendi nama tersebut hendaklah serupa.

No	Salah	Betul
1.	Kita haruslah menjaga keindahan alam sekitar **dari masa ke semasa**.	Kita haruslah menjaga keindahan alam sekitar **dari semasa ke semasa**./ **dari masa ke masa**.
2.	Bilangan pelajar di sekolah swasta semakin bertambah **dari tahun ke setahun**.	Bilangan pelajar di sekolah swasta semakin bertambah **dari setahun ke setahun**./ **dari tahun ke tahun**.
3.	Amalan menabung haruslah dibudayakan **dari sehari ke hari** dalam kehidupan kita.	Amalan menabung haruslah dibudayakan **dari sehari ke sehari** dalam kehidupan kita./ **dari hari ke hari**.
4.	Usaha yang berterusan **dari detik ke sedetik** amatlah diperlukan untuk memajukan diri.	Usaha yang berterusan **dari sedetik ke sedetik** amatlah diperlukan untuk memajukan diri./ **dari detik ke detik**.

董總 DONG ZONG

Contoh Penggunaan Frasa Sendi Nama:

Ibu Ai Fang menanyainya **tentang sebab** dia **ke perpustakaan**. Ai Fang menjelaskan bahawa dia bukan **ke perpustakaan** tetapi **ke rumah Jamiliah** kerana dia ingin berlatih **dengan Jamiliah**. **Menurut Ai Fang**, latihan **tentang cara bercerita di hadapan audiens** penting untuk memupuk keyakinan diri. Ibu Ai Fang bersetuju **dengan pandangan** Ai Fang dan memberitahunya bahawa latihan **dari semasa ke semasa** penting agar Ai Fang lancar bercerita nanti.

4.2 Kata Hubung

- Kata hubung bertugas untuk menghubungkan dua ayat atau lebih untuk menjadi bentuk ayat berlapis yang dikenali sebagai ayat majmuk.

4.2.1 Kesalahan Penggunaan Kata Hubung dalam Ayat

No		Salah	Betul
1.	Salah satu kata hubung terbentuk daripada frasa sendi nama, iaitu **oleh sebab**. Kesalahan yang sering berlaku ialah penggunaan "**oleh kerana**". Binaan "**oleh kerana**" menyalahi binaan frasa sendi nama kerana kata "**kerana**" merupakan kata hubung dan bukannya kata nama.	Saya tidak dapat menyertai ekspedisi mendaki gunung itu **oleh kerana** kaki saya tercedera.	Saya tidak dapat menyertai ekspedisi mendaki gunung itu **oleh sebab** kaki saya tercedera. **ATAU** Saya tidak dapat menyertai ekspedisi mendaki gunung itu **kerana** kaki saya tercedera.
2.	Kata hubung keterangan syarat tidak boleh digunakan secara berturutan dalam ayat kerana hal ini akan menyebabkan kelewahan bahasa.	**Jika sekiranya** masalah ini masih berterusan, Azman pasti akan tertekan.	**Jika/ Sekiranya** masalah ini masih berterusan, Azman pasti akan tertekan.
3.	Penggunaan kata hubung keterangan harapan (**agar** dan **semoga**) dalam ayat harus didahului dengan ayat induk.	**Semoga** anda sihat dan sejahtera.	**Saya berdoa semoga** anda sihat dan sejahtera.

董總 DONG ZONG

Contoh Kesalahan Penggunaan Kata Hubung dan Pembetulannya

Penggunaan bahasa rojak di negara kita semakin leluasa oleh kerana pengguna bahasa semakin lalai. Golongan ini sering berkomunikasi untuk menggunakan campuran pelbagai bahasa. Jika sekiranya masalah ini tidak dibendung, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terjejas. Semoga usaha pragmatik dapat dilaksanakan supaya mengembalikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara kita.

Pembetulan

Penggunaan bahasa rojak di negara kita semakin leluasa **oleh sebab** pengguna bahasa semakin lalai. Golongan ini sering berkomunikasi **dengan** menggunakan campuran pelbagai bahasa. **Sekiranya** masalah ini tidak dibendung, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terjejas. Kita berdoa **semoga** usaha pragmatik dapat dilaksanakan **untuk** mengembalikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara kita.

董總 DONG ZONG

4.3 Penggunaan Kata yang Tepat

No	Kosa kata	Maksud	Contoh ayat
1.	**rasmi**	disahkan oleh kerajaan atau yang berkuasa	Encik Halim terpaksa membatalkan percutian keluarganya ke Pulau Langkawi kerana ada urusan **rasmi** di syarikatnya.
2.	**resmi**	sifat semula jadi	Kita harus meneladani **resmi** padi, semakin berisi semakin tunduk.
3.	**seloroh**	gurau senda	Mereka tersenyum-senyum mendengar **seloroh** itu.
4.	**seluruh**	segenap, seantero	Kempen Bahasa Jiwa Bangsa telah dilancarkan di **seluruh** negara bagi memartabatkan penggunaannya.
5.	**insentif**	sesuatu yang diberikan atau ditawarkan sebagai dorongan atau galakan	Pelbagai **insentif** diperuntukkan oleh kerajaan untuk menggalakkan generasi muda menceburi sektor pertanian.
6.	**intensif**	dengan giat dan sungguh-sungguh	Atlet negara telah menjalani latihan **intensif** untuk menghadapi pertandingan Sukan Olimpik.
7.	**tembok**	dinding yang dibuat daripada batu bata	**Tembok** besar itu terpaksa diruntuhkan untuk memberikan laluan kepada pembinaan jambatan.
8.	**tembuk**	berlubang	Kasut itu dibuangnya kerana tapaknya telah **tembuk**.

董總 DONG ZONG

9.	**tempoh**	waktu, masa	Ketua kelas menjelaskan bahawa **tempoh** untuk menghantar laporan kelas kepada guru tingkatan sudah tamat.
10.	**tempuh**	meredah, berjalan masuk ke hutan rimba dan lain-lain dengan susah payah	Perlu kami **tempuh** jalan yang bengkang-bengkok sebelum tiba di kem ini.
11.	**tepok**	lumpuh disebabkan oleh sesuatu penyakit	Kaki dan tangan kanan lelaki itu **tepok** sejak diserang penyakit sakit jantung.
12.	**tepuk**	perbuatan menamparkan kedua-dua belah tapak tangan	Bahu lelaki itu akan saya **tepuk** sambil memanggil namanya.

Contoh Penggunaan Kata Yang Tepat:

Bengkel Penulisan Bahasa Melayu haruslah dilancarkan secara **rasmi** oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memperkasakan penggunaan bahasa Melayu terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Bengkel ini haruslah dilaksanakan secara **intensif** untuk **tempoh** seminggu di **seluruh** negara melalui kerjasama daripada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) untuk memastikan tanggapan negatif segelintir masyarakat tidak menjadi **tembok** penghalang kepada generasi muda untuk menguasai bahasa Melayu. Selain itu, pihak kerajaan juga disyorkan agar menghulurkan **insentif** kepada pengkarya agar lebih banyak karya yang bermutu dihasilkan di samping untuk memberikan galakan kepada generasi muda untuk berkarya.

董總 DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami jalan cerita prosa tradisional (Peminangan Puteri Gunung Ledang) dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Prosa Tradisional

Baca prosa tradisional berikut dengan telitinya.

Peminangan Puteri Gunung Ledang

Maka Tun Mamat pun hairanlah mendengar rencana taman itu, seraya berjalan ke tengah taman itu. Maka Tun Mamat pun bertemu dengan sebuah balai, semua perkakasnya tulang dan atapnya rambut; di atas balai itu ada seorang perempuan tua, baik rupanya, menyampai kain pendukung, empat orang perempuan muda-muda mengadap dia. Maka ia bertanya pada Tun Mamat, katanya, "Orang mana kamu ini, dan hendak ke mana kamu?" Maka kata Tun Mamat, "Kami ini orang Melaka, nama hamba Tun Mamat, dititahkan oleh Sultan Mahmud Syah meminang Puteri Gunung Ledang, Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini, tiada boleh naik, akan hamba disuruhnya; dan tuan hamba, siapa nama tuan hamba?"



Maka sahut perempuan itu, "Nama hamba Dang Raya Rani, hambalah pengetua Puteri Gunung Ledang; nantilah hamba di sini, biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba itu kepada tuan puteri."

Setelah ia berkata, maka kelimanya lenyaplah; ada kadar sesaat maka kelihatan pula seorang perempuan tua, bongkok belakangnya berlipat tiga. Maka ia berkata pada Tun Mamat, "Adapun segala kata tuan hamba itu sudahlah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada tuan Puteri Gunung Ledang; akan titah tuan puteri, "Jikalau raja Melaka hendakkan aku, perbuatkanlah aku jambatan emas satu dan jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang itu. Akan peminangannya hati nyamuk tujuh dulang; hati kuman tujuh dulang; air mata setempayan, air pinang muda setempayan; darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau ada sedemikian kabullah tuan puteri akan kehendak raja Melaka itu." Setelah sudah ia berkata demikian lenyaplah ia. Pada suatu riwayat, orang tua yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang, merupakan dirinya seperti orang tua.

(dipetik daripada Sulalatus Salatin Sejarah Melayu (Edisi Pelajar), Penyelenggara: A. Samad Ahmad, DBP, 2008)

董總 DONG ZONG



↻ Animasi Puteri Gunung Ledang

董總
DONG ZONG

Peribahasa	Maksud
berkuah sama menghirup, bersambal sama mencolek	bersama-sama dalam senang dan susah
membaca jambatan ilmu	amalan membaca dapat membantu kita menambahkan ilmu pengetahuan.





Bahan Rangsangan



Dengan adanya bahan sastera maya ini, saya dapat menikmati pelbagai genre sastera tanpa batasan waktu dan ruang.



Sebagai penulis sastera, saya dapat menghasilkan karya dan meluaskan lingkungan peminat saya dalam alam maya.

UNIT 4 INDAH SASTERA CANTIK BAHASA

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenali format e-mel;
2. membaca petikan e-mel (Sastera Maya) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
3. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan berikut dengan telitinya.

董總 DONG ZONG

Sastera Maya

Daripada:	sitiazalina@gmail.com
Kepada:	elinawong@gmail.com
Perkara:	Penghasilan Karya Sastera Maya



Salam sejahtera Elina,

Apa khabar saudari? Saya berharap agar saudari dan keluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Semenjak saudari berpindah ke Brunei, kita tidak **berputus-putus** saling menghantar e-mel. Saya amat bersyukur kerana persahabatan kita umpama **berkuah sama menghirup, bersambal sama mencolek** walaupun sudah berjauhan. Tujuan saya **berutus** surat dengan saudari kali ini adalah untuk berkongsi dengan saudari tentang karya sastera **maya**.

Baru-baru ini, guru penasihat Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya telah berkongsi ilmu dengan ahli persatuan tentang karya sastera maya atau sastera siber. Seiring dengan ledakan teknologi informasi, dunia sastera kini tidak lagi terbatas dalam bentuk cetakan. Laman web khusus yang digelar e-sastera diwujudkan untuk memberikan ruang yang lebih luas kepada “komuniti sastera”. Karyawan-karyawan mempunyai pembaca dan pengikut mereka yang tersendiri dalam dunia maya.

Di Malaysia, terdapat laman utama yang menyediakan ruangan yang bukan sahaja menggalakkan penghasilan karya sastera malahan meluaskan perkongsian hasil sastera. Antaranya, termasuklah laman www.pustakamaya.net, www.KaryaNet.com.my dan www.esastera.com. Saya difahamkan bahawa KaryaNet tajaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mewujudkan tiga ruang utama untuk mengembangkan bahasa dan sastera kebangsaan iaitu laman bahasa, laman sastera dan laman kanak-kanak dengan matlamatnya untuk melahirkan masyarakat celik huruf, bermaklumat dan seterusnya berpengetahuan luas. Walaupun hanya berlaku di dunia maya, amalan membaca dalam pelbagai **genre** tetap mampu menambahkan pengetahuan seseorang kerana **membaca jambatan ilmu**.

Sampai di sini sahaja untuk kali ini, saya akan berkongsi dengan saudari karya sastera maya yang telah saya baca. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudari.

Sahabatmu,

Azalina



Kosa Kata

1. **berputus-putus**: tidak terus berturut-turut 断断续续
2. **berutus**: berkirim surat (berita, khabar) 互相通讯
3. **maya**: berkaitan dengan komputer dan Internet 虚幻的
4. **genre**: jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu 文学作品的(类型)



董總 DONG ZONG

2. Mendengar dan Bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman yang bertajuk "Cara-cara Memupuk Minat Membaca Buku". Kemudian, jawab soalan di dalam buku aktiviti.

Cara-cara memupuk minat membaca buku

董總 DONG ZONG



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Bahagikan pelajar kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan mencari maklumat berkait dengan salah satu teknik membaca yang berkesan. Kemudian, bentangkan teknik tersebut di depan kelas.

Teknik-teknik membaca yang berkesan

- Teknik *Skimming* dan *Scanning*
- Teknik KWLH:-
  K (know)
  W (want)
  L (learned)
  H (how)
- Teknik SQ3R:-
  S (*survey*)
  Q (*question*)
  R (*read*)
  R (*recite*)
  R (*review*)

董總 DONG ZONG





3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. merumus bahan grafik dengan mengolah maklumat yang berkait dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menulis perenggan isi tersirat rumusan secara terancang dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks.

3.1 Rumusan Jenis Jadual

3.1.1 Cara-cara Menulis Perenggan

- Perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup ditulis dalam perenggan yang berbeza.

3.1.2 Contoh Rumusan Jenis Jadual

董總 DONG ZONG

Kaji jadual berikut dengan telitinya. Kemudian, tulis satu rumusan tentang ***sebab-sebab rakyat Malaysia membeli buku*** *berdasarkan jadual tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah* ***tidak melebihi 100 patah perkataan****.*

Sebab-sebab Rakyat Malaysia Membeli Buku

Sebab	Peratusan
gemar membaca	48
belajar dan bekerja	20
penawar stres	18
hadiah	14

(dipetik dan disesuaikan daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/klwbc-2020-malaysia-malas-atau-rajin-membaca-249478)

Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	Jadual menunjukkan sebab-sebab rakyat Malaysia membeli buku.	• ditulis dalam satu ayat • ditulis berdasarkan arahan soalan dan tajuk bahan yang diberikan
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Sebanyak 48 peratus rakyat Malaysia membeli buku kerana mereka gemar membaca. Sebanyak 20 peratus rakyat Malaysia membeli buku untuk tujuan belajar dan bekerja. Sebanyak 18 peratus rakyat Malaysia membeli buku untuk mengatasi masalah stres. Sebanyak 14 peratus rakyat Malaysia membeli buku untuk dijadikan hadiah.	• ditulis berdasarkan maklumat-maklumat dalam bahan grafik jadual • tulis empat isi tersurat sahaja
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Sebilangan rakyat Malaysia suka membaca kerana amalan membaca dipupuk sejak kecil. Selain itu, golongan ini juga gemar membaca kerana galakan daripada guru-guru di sekolah.	• maklumat yang tidak dinyatakan dalam bahan grafik jadual • tulis isi tersirat yang berkaitan dengan sebab mereka suka membaca atau apa-apa sahaja yang relevan • tulis dua isi tersirat sahaja
Perenggan keempat (Penutup)	Kesimpulannya, rakyat Malaysia harus banyak membeli buku agar dapat melahirkan rakyat Malaysia yang celik ilmu.	• mesti ada cadangan dan harapan "Kesimpulannya, harus... ...agar/ supaya ..."

4. TATABAHASA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menggunakan kata arah dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. menggunakan kata bantu dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
3. menggunakan penjodoh bilangan dengan betulnya dan tepat mengikut konteks.

4.1 Kata Arah

- Kata arah ialah perkataan yang hadir sebelum frasa nama dan sesudah kata sendi nama dalam frasa sendi nama untuk menunjukkan hala atau jurusan.
- Terdapat beberapa kesalahan penggunaan kata arah.

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata sendi nama **di** dan **ke** mesti ditulis terpisah daripada kata arah.	Ibu meletakkan beberapa pinggan biskut **diatas** meja.	Ibu meletakkan beberapa pinggan biskut **di atas** meja.
2.	Kata arah **sisi** bermaksud di sebelah (kiri atau kanan) sesuatu, di samping (bersama-sama) manakala **tepi** bermaksud bahagian yang luar sekali.	a. Kami berkhemah di **sisi** kolam. b. Azman berdiri di **tepi** ibunya ketika mereka menunggu bas di perhentian bas.	a. Kami berkhemah di **tepi** kolam. b. Azman berdiri di **sisi** ibunya ketika mereka menunggu bas di perhentian bas.
3.	Kata arah **di samping** bermaksud di sebelah (kiri atau kanan), sisi manakala kata arah **ke samping** membawa maksud ke sebelah (kiri atau kanan), sisi.	a. Mereka sentiasa bermain **ke samping** sungai itu. b. Budak yang nakal itu menolak Aiman **di samping**.	a. Mereka sentiasa bermain **di samping** sungai itu. b. Budak yang nakal itu menolak Aiman **ke samping**.

4.	**Di antara** merujuk ruangan dan jarak manakala kata sendi **antara** tidak melibatkan ruang dan jarak.	Jambatan yang dibina **antara** kedua-dua buah negeri itu dapat mengeratkan hubungan **di antara** penduduk.	Jambatan yang dibina **di antara** kedua-dua buah negeri itu dapat mengeratkan hubungan **antara** penduduk.
5.	**Di atas** bermaksud di sebelah atas manakala **atas** bermaksud berdasarkan, berasaskan.	Beberapa ekor burung merpati hinggap **atas** dahan pokok itu.	Beberapa ekor burung merpati hinggap **di atas** dahan pokok itu.
6.	Frasa sendi nama **di dalam** bermaksud tempat yang boleh dilihat secara fizikal ruang dalamnya manakala kata sendi nama **dalam** bermaksud yang berkaitan dengan atau terbatas pada lingkungan sesuatu yang bersifat abstrak.	Kamalia masih lagi membuat latihan **dalam** biliknya walaupun hari sudah lewat malam.	Kamalia masih lagi membuat latihan **di dalam** biliknya walaupun hari sudah lewat malam.

董總
DONG ZONG

4.2 Kata Bantu

- Kata bantu ialah bentuk kata yang bertugas menambah makna pada frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dengan menimbulkan makna tambahan dari segi aspek waktu dan ragam perasaan.
- Binaan kata bantu terbahagi kepada dua jenis berikut:

Kata bantu
- Kata bantu aspek
- Kata bantu ragam

- Terdapat beberapa kesalahan penggunaan kata bantu.

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata bantu ragam **hendak** bermaksud keinginan yang timbul kerana adanya ajakan atau pelawaan manakala **mahu** bermaksud berniat untuk melakukan sesuatu.	Faizal tidak **hendak** mendengar nasihat Siti.	Faizal tidak **mahu** mendengar nasihat Siti.
2.	Kata bantu aspek **baru** tidak sama dengan kata adjektif baharu.	Anak Kamiliah **baharu** tiba di rumah.	Anak Kamiliah **baru** tiba di rumah.
3.	Kata bantu ragam **boleh** membawa maksud kebenaran dan keupayaan untuk membuat sesuatu manakala **dapat** hanya membawa maksud keupayaan.	**Dapat**kah saya pergi ke tandas?	**Boleh**kah saya pergi ke tandas?
4.	Kata bantu aspek masa lampau seperti **baru**, **telah**, **pernah** dan **sudah** merujuk perkara yang telah berlalu atau berlaku.	Damian **akan** berumah tangga sejak 10 tahun yang lalu.	Damian **sudah** berumah tangga sejak 10 tahun yang lalu.
5.	Kata bantu aspek **masa sekarang** seperti **sedang**, **mula** dan **masih** merujuk perkara yang sedang berlaku.	Jojo **pernah** tidur walaupun ibunya telah beberapa kali mengejutkannya.	Jojo **masih** tidur walaupun ibunya telah beberapa kali mengejutkannya.
6.	Kata bantu aspek **masa hadapan** seperti **akan** dan **belum** merujuk perkara yang belum berlalu atau berlaku.	Lai Seng berjanji kepada Cikgu Ratifah bahawa dia **telah** rajin menelaah pelajaran pada masa akan datang.	Lai Seng berjanji kepada Cikgu Ratifah bahawa dia **akan** rajin menelaah pelajaran pada masa akan datang.

董總 DONG ZONG

4.3 Penjodoh Bilangan

- Penjodoh bilangan ialah kata yang digunakan di antara kata bilangan dengan kata nama.
- Penjodoh bilangan digunakan untuk mengelaskan atau membilang sesuatu benda mengikut bentuk, rupa, saiz, dan sebagainya.

No.	Penjodoh Bilangan	Maksud	Contoh Ayat
1.	**tingkat**	lapis daripada sesuatu benda (binaan dll) yang berbentuk bersusun-susun (bertindih-tindih, berlapis-lapis)	Beberapa **tingkat** bangunan pencakar langit itu telah terbakar pagi tadi.
2.	**cekak**	ukuran yang besarnya ditentukan oleh lingkaran (bulatan) yang dibuat dengan mempertemukan ibu jari dengan jari lain	Puan Jamilah memilih beberapa **cekak** sirih yang dijual di gerai itu.
3.	**laras**	bahagian senjata api yang berbentuk seperti paip (pembuluh) tempat laluan keluar peluru apabila senjata api itu ditembak	Pengawal keselamatan itu membawa se**laras** senapang patah ketika bertugas di premis perniagaan itu.
4.	**timbun**	himpunan sesuatu yang bertindih-tindih, longgok, tompok(an)	Beberapa **timbun** tanah di kawasan perumahan itu telah dibersihkan setelah mendapat aduan daripada penduduk tempatan.
5.	**genggam**	banyak yang dipegang dalam kepalan tangan	Danesh membaling beberapa **genggam** batu ke arah kolam air terjun itu.
6.	**berkas**	ikatan atau susunan	Petani itu memberikan beberapa **berkas** kayu api kepada jirannya yang telah uzur itu.

董總 DONG ZONG

7.	**papan**	keping	Kamsiah membeli beberapa **papan** petai di gerai yang didirikan di tepi jalan itu.
8.	**tompok**	a. longgokan yang kecil, timbunan b. tidak rata (warna dan lain-lain), setempat-setempat, berbintik-bintik besar	a. Pak Khairin membeli beberapa **tompok** anak ikan di pasar pagi. b. Vanesh cuba membersihkan beberapa **tompok** kari yang melekat pada seluarnya di tandas.
9.	**pintu**	bangunan dan rumah	Terdapat sepuluh **pintu** rumah banglo dibina di puncak bukit itu.
10.	**pangsa**	petak atau bahagian-bahagian dalam buah-buahan dan lain-lain.	Sui Mei kenyang setelah makan dua **pangsa** durian di gerai buah-buahan itu.

董總
DONG ZONG

Contoh Penggunaan Penjodoh Bilangan:

Puan Suriani bersiap sedia ke pasar pagi. Dia membawa se**buah** bakul. Di gerai Pak Daim, Puan Suriani membeli dua **cekak** sayur sawi dan se**tompok** cili padi. Puan Surianti amat gembira membeli sayur di gerai Pak Daim kerana anak Pak Daim sering memberikan sayur percuma kepada Puan Suriani. Untuk kali ini, Puan Suriani mendapat dua **papan** petai percuma. Selepas itu, Puan Suriani ke gerai Pak Cik Hoh. Puan Suriani makan beberapa **pangsa** durian kampung. Puan Suriani suka ke gerai Pak Cik Hoh kerana harga buah-buahan di gerainya berpatutan.

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami Pantun Bahasa Melayu Bahasaku dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Puisi Tradisional

Baca pantun berikut dengan telitinya.

Pantun Bahasa Melayu Bahasaku

Anak kucing dikejar tebuan,
    Terlompat-lompat tika disengat;
Bahasa Melayu bahasa perpaduan,
    Semangat muhibah terjalin erat.

董總 DONG ZONG

BMX Super basikal unik,
    Dibawa bersama sentiasa dituntun;
Bahasa Melayu bahasa akademik,
    Pembekal ilmu masyarakat bertamadun.


Kek lapis pelbagai aneka,
    Sungguh enak pelbagai rasa;
Bahasa Melayu bahasa lingua franca,
    Digunakan masyarakat pelbagai bangsa.



Pensel adik jatuh berdetik,
Pensel patah tinggalkan kesan;
Bahasa Melayu bahasa politik,
Pencetus idea penjana wawasan.

Pak Hattan memakai sarung,
Singgah di kedai makan laksa;
Bahasa Melayu bahasa terulung,
Tanpa bahasa hilanglah bangsa.

Nukilan Wong Nai Kung



Rangkap	Maksud
Anak kucing dikejar tebuan, Terlompat-lompat tika disengat; Bahasa Melayu bahasa perpaduan, Semangat muhibah terjalin erat.	Bahasa Melayu mampu menyatupadukan rakyat negara Malaysia sehingga mewujudkan kemesraan dan persahabatan yang erat antara penutur bahasa.
BMX Super basikal unik, Dibawa bersama sentiasa dituntun; Bahasa Melayu bahasa akademik, Pembekal ilmu masyarakat bertamadun.	Bahasa Melayu juga mendukung tugas sebagai bahasa akademik. Bahasa Melayu mampu digunakan untuk menjelaskan segala bidang. Banyak kajian dan perbincangan peringkat pendidikan tinggi dikendalikan dalam bahasa Melayu.
Kek lapis pelbagai aneka, Sungguh enak pelbagai rasa; Bahasa Melayu bahasa lingua franca, Digunakan masyarakat pelbagai bangsa.	Kepentingan dan keistimewaan bahasa Melayu telah mendorong penggunaannya dalam segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, budaya dan norma hidup.
Pensel adik jatuh berdetik, Pensel patah tinggalkan kesan; Bahasa Melayu bahasa politik, Pencetus idea penjana wawasan.	Dalam bidang politik, bahasa Melayu juga digunakan secara meluas. Ahli-ahli politik mampu mengutarakan pendapat dan cadangan melalui penggunaan bahasa Melayu untuk mencapai wawasan.
Pak Hattan memakai sarung, Singgah di kedai makan laksa; Bahasa Melayu bahasa terulung, Tanpa bahasa hilanglah bangsa.	Bahasa Melayu merupakan bahasa yang sangat penting. Bahasa Melayu mampu membentuk bangsa Malaysia yang dinamik.

TEMA 3

PENGIKTIRAFAN NEGARA DAN KEPELBAGAIAN WARISAN

Peribahasa	Maksud
patah tumbuh hilang berganti	seseorang ketua atau sebagainya yang meninggal dunia digantikan dengan orang lain
katak di bawah tempurung	orang yang teramat cetek pengetahuannya

Bahan Rangsangan

Hau Ling, pandainya kamu meniup seruling. Awak belajar daripada siapa?

Oh, saya belajar meniup seruling daripada datuk saya!

董總 DONG ZONG



UNIT 5 WARNA-WARNI BUDAYA ALAT MUZIK TRADISIONAL PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA

1. MEMBACA DAN MEMAHAMI

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenali petikan jenis fakta;
2. membaca petikan jenis fakta (Usaha Memelihara Alat Muzik Tradisional Pelbagai Kaum di Malaysia) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
3. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

董總 DONG ZONG

Usaha Memelihara Alat Muzik Tradisional Pelbagai Kaum di Malaysia

Negara kita mempunyai alat muzik tradisional yang unik kerana masyarakat kita terdiri daripada berbilang kaum. Namun begitu, alat muzik tradisional pelbagai kaum yang merupakan warisan seni budaya negara kian dilupakan oleh generasi pada hari ini. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilaksanakan untuk memelihara alat muzik tradisional berbilang kaum di negara kita.





Antara usaha yang perlu dilaksanakan untuk memelihara alat muzik tradisional pelbagai kaum termasuklah ibu bapa harus **mendedahkan** pelbagai jenis alat muzik tradisional kepada anak-anak sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak dapat mengenali warisan nenek moyang. Contohnya, ibu bapa boleh menghantar anak-anak untuk menghadiri kelas muzik tradisional Cina seperti erhu atau mengikuti kelas muzik tradisional Melayu seperti gamelan, kompang dan rebana. Oleh hal yang demikian, ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak mengenali alat muzik tradisional.

Selain itu, aktiviti kebudayaan yang berkaitan seni muzik tradisional di sekolah harus aktif dijalankan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum. Dalam hal ini, pihak sekolah harus memberikan dorongan kepada para pelajar untuk menyertai aktiviti tersebut yang membolehkan mereka mendekati warisan muzik tradisional. Misalnya, persembahan muzik tradisional seperti persembahan angklung atau sape boleh dianjurkan di sekolah supaya pelajar-pelajar mengenali seni warisan tersebut. Tegasnya, aktiviti kebudayaan yang disertai oleh para pelajar membolehkan mereka mengetahui dan menghargai alat muzik tradisional serta menyematkan sifat cinta akan muzik tradisional dalam hati mereka.

Seterusnya, generasi tua yang terlibat dalam pembuatan alat muzik tradisional harus mewariskannya kepada generasi muda. Usaha ini penting kerana generasi muda dapat meneruskan warisan pembuatan alat muzik tradisional nenek moyang. Contohnya,

董總 DONG ZONG

seperti peribahasa **patah tumbuh hilang berganti**, Zulhelmizan Mustafa, iaitu anak jati dari Pendang, Kedah telah menjadi pengganti kepada nenek moyangnya sekali gus mewarisi seni pembuatan alat muzik tradisional keluarganya itu seperti serunai, seruling, dan gendang. Sudah terang lagi bersuluh, seni pembuatan alat muzik tradisional harus diwariskan kepada generasi muda agar warisan tersebut tidak **tenggelam** ditelan zaman.

Bertitik tolak dari situ, pihak kerajaan juga perlu **mempopularkan** alat muzik tradisional di negara kita. Dalam hal ini, Kraftangan Malaysia telah berusaha untuk meneruskan kelangsungan seni tersebut dengan menganjurkan **festival** seperti Langkawi Craft Musical Fest 2021 supaya para pengunjung berpeluang untuk menyaksikan pembuatan alat muzik tradisional secara dekat. Melalui program yang berkonsepkan alunan semula jadi, bunyi-bunyian yang unik dapat **diketengahkan** kepada para pengunjung sebagai warisan seni yang bernilai. Pendek kata, pihak kerajaan hendaklah memartabatkan alat muzik tradisional bagi memastikan identiti bangsa Malaysia tidak lenyap ditelan arus kemodenan.

Kesimpulannya, warisan alat muzik tradisional pelbagai kaum wajar **dikomersialkan** di seluruh negara agar keistimewaannya dapat **ditonjolkan** kepada masyarakat terutamanya generasi muda. Lagipun, generasi muda dapat menghayati muzik tradisional nenek moyang walaupun negara kita sudah **melangkah** ke alaf modenisasi.

董總 DONG ZONG

Kosa Kata

1. **mendedahkan**: membawa kepada pengetahuan umum 揭露
2. **tenggelam**: hilang/ lenyap 消失
3. **mempopularkan**: menjadikan sesuatu disukai ramai 使普及化
4. **festival**: kegiatan berupa kempen secara bersiri, biasanya secara tahunan, dengan konsep dan tujuan yang tersendiri 节日
5. **diketengahkan**: diutarakan 被提出意见
6. **dikomersialkan**: dijadikan sesuatu sebagai barang dagangan 被商业化
7. **ditonjolkan**: diperlihatkan 展现
8. **melangkah**: maju ke peringkat atau tahap yang lebih tinggi atau lebih baik 跨过

2. Mendengar dan Bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman audio dengan telitinya dan jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Berdasarkan gambar-gambar yang disediakan, bincangkan soalan-soalan yang berikut dan bentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.

			
kaum Melayu	kaum Cina	kaum India	kaum Sikh

		
suku kaum Dusun	suku kaum Mah Meri	suku kaum Iban

a) Pilih salah satu gambar tersebut, kumpulkan maklumat tentang alat muzik tradisional yang digunakan dalam upacara adat.

b) Bagaimanakah masyarakat di Malaysia memelihara seni warisan muzik tradisional?



3. MENULIS

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis fakta secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Fakta

- Karangan jenis fakta ialah jenis penulisan yang menerangkan, menjelaskan atau menghuraikan sesuatu perkara atau isu dengan fakta yang benar, tepat, dan logik.

3.1.1 Contoh Karangan Jenis Fakta

- Masyarakat peribumi seperti orang asli dan suku kaum di Malaysia kaya dengan warisan budaya. Huraikan kepentingan mengetengahkan keunikan muzik tradisional kepada masyarakat dan negara.

Pendahuluan	Negara kita kaya dengan budaya dan adat resam yang berbeza kerana masyarakat terdiri daripada berbilang kaum termasuklah orang asli seperti Jakun atau Semai di Semenanjung Malaysia, suku etnik Iban, dan Penan di Sarawak serta Bajau, atau Kadazan di Sabah. (**ayat rangsangan**) Keunikan budaya dan adat resam mereka seperti muzik tradisional perlu dilestarikan dan diperkasakan supaya tidak hilang ditelan zaman. Oleh itu, muzik tradisional yang merupakan khazanah negara perlu dipertahankan dan diketengahkan kerana mendatangkan pelbagai kepentingan kepada individu, masyarakat, dan juga negara.(**ayat arahan – kata kunci soalan**)

董總 DONG ZONG

Isi 1	Sebenarnya, alat muzik tradisional memainkan peranan penting sebagai lambang keagungan masyarakat peribumi di negara tercinta ini.(**ayat topik**) Hal ini dikatakan demikian kerana alat muzik tradisional mencerminkan budaya, nilai spiritual dan hubungan dengan alam semula jadi.(**ayat huraian**) Contohnya, sompoton dimainkan oleh kaum Kadazan-Dusun di Sabah dalam upacara tradisional.(**ayat contoh**) Tegasnya, alat muzik tradisional masyarakat peribumi perlu dipelihara supaya lambang keagungan muzik mereka diketahui umum.(**ayat penegas**)
Isi 2	Selain itu, seni warisan muzik tradisional yang dimartabatkan dapat memperkaya warisan budaya negara.(**ayat topik**) Masyarakat bandar akan berpeluang untuk menyaksikan persembahan alat muzik tradisional yang melambangkan salah satu identiti bangsa Malaysia.(**ayat huraian**) Contohnya, tarian sewang dan penggunaan alat muzik unik seperti tungtong (buluh) dan jule (biola) yang merupakan satu-satu tarian yang dipersembahkan oleh suku kaum Mahmeri di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey dalam upacara mengubati penyakit atau upacara tuai.(**ayat contoh**) Tegasnya, seni warisan muzik tradisional masyarakat peribumi dapat mempelbagaikan warisan budaya tanah air.(**ayat penegas**)
Isi 3	Seterusnya, muzik tradisional juga berperanan sebagai alat hiburan masyarakat peribumi.(**ayat topik**) Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan masyarakat peribumi masih tinggal di kawasan pedalaman yang belum membangun lagi.(**ayat huraian**) Contohnya, suku kaum Che Wong tinggal di kawasan pinggir di daerah Raub manakala suku kaum Kintak tinggal di daerah Grik tidak mempunyai rangkaian Internet untuk menghubungkan mereka dengan media sosial.(**ayat contoh**) Oleh hal yang demikian, persembahan tarian mereka dengan iringan muzik tradisional merupakan wadah yang menghiburkan hati semasa waktu senggang.(**ayat penegas**)

Isi 4	Di samping itu, seni pembuatan alat muzik dan permainan alat muzik tradisional masyarakat peribumi boleh dijadikan platform untuk menarik kedatangan para pelancong asing.(**ayat topik**) Hal ini dikatakan demikian kerana para pelancong asing suka melihat keunikan pembuatan alat muzik serta mendengar alunan muzik yang mengiringi upacara-upacara adat.(**ayat huraian**) Contohnya, para pelancong asing yang bercuti di Sabah dan Sarawak kerana teruja dan takjub akan permainan alat muzik tradisional seperti sape, sompoton, sundatang, babadon, suling, bungkau, dan bangau yang mengiringi tarian Sumazau dan tarian Melanggang dalam Tadau Kaamantan. (**ayat contoh**) Sesungguhnya, kedatangan pelancong asing dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara.(**ayat penegas**)
Penutup	Kesimpulannya, seni warisan budaya masyarakat peribumi memang memainkan peranan penting untuk memelihara identiti bangsa Malaysia.(**ayat kesimpulan**) Lantaran itu, kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk mempromosikan seni warisan mereka agar kebudayaan yang unik terus berkekalan walaupun sudah meniti zaman modenisasi.(**ayat cadangan**) Kita juga tidak mahu seni tersebut terus terkubur di muzium orang asli sahaja sebaliknya terus dikekalkan kerana seni tersebut juga berkait dengan cara hidup dan sosiobudaya orang asli yang dapat diperlihatkan oleh masyarakat Malaysia secara amnya.(**ayat harapan**)

董總 DONG ZONG

4. TATABAHASA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti dan membetulkan kesalahan penggunaan kata penguat dalam ayat dengan betulnya mengikut konteks;
2. mengenal pasti dan membetulkan kesalahan penggunaan kata penegas dalam ayat dengan betulnya mengikut konteks;
3. menggunakan penjodoh bilangan dengan betulnya mengikut konteks.

4.1 Kesalahan Penggunaan Kata Penguat

- Kesalahan lazimnya berlaku dalam penggunaan kata penguat bersama-sama kata adjektif.

Contoh:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata penguat hadapan tidak boleh diletakkan di belakang kata adjektif.	• pelik **agak** • licik **begitu** • enak **kurang** • ringan **lebih** • kurus **paling**	• **agak** pelik • **begitu** licik • **kurang** enak • **lebih** ringan • **paling** kurus
2.	Kata penguat belakang tidak boleh diletakkan di hadapan kata adjektif.	• **benar** rapat • **betul** nakal • **sekali** nyaman • **nian** indah	• rapat **benar** • nakal **betul** • nyaman **sekali** • indah **nian**
3.	Kata penguat hadapan dan kata penguat belakang tidak boleh hadir serentak.	• **paling** jelas **sekali** • **paling** aman **nian** • **terlalu** masam **sekali** • **cukup** terkenal **sekali** • **teramat** sedih **sekali** • **tersangat** indah **sekali**	• **paling** jelas/ jelas **sekali** • **paling** aman/ aman **nian** • **terlalu** masam/ masam **sekali** • **cukup** terkenal/ terkenal **sekali** • **teramat** sedih/ sedih **sekali** • **tersangat** indah/ indah **sekali**

董總 DONG ZONG

4.	Imbuhan awalan **teR-** yang diimbuhkan pada kata adjektif sudah menyatakan makna **paling**, maka tidak boleh hadir bersama-sama kata penguat lain.	• **ter**baik **sekali** • **sangat ter**tinggi • **paling ter**cantik • **ter**pandai **nian** • **ter**mahal **sekali**	• **ter**baik/ baik **sekali** • **sangat** tinggi/ **ter**tinggi • **paling** cantik**/ ter**cantik • **ter**pandai/ pandai **nian** • **ter**mahal**/** mahal **sekali**

PERHATIAN

Kekeliruan: Imbuhan *teR*- dan kata penguat boleh hadir serentak sekiranya kata dasarnya **BUKAN** kata adjektif.

Contoh: paling terkemuka
sangat terkenal
ternama sekali
amat tersusun sekali

Contoh Kesalahan dalam Ayat:

No.	Salah	Betul
1.	Perangai pemuda yang duduk bersila itu **pelik agak.**	Perangai pemuda yang duduk bersila itu **agak pelik.**
2.	Udara di kawasan pedalaman **sekali nyaman**.	Udara di kawasan pedalaman **nyaman sekali.**
3.	Jus limau kasturi itu **terlalu masam sekali** tanpa madu lebah.	Jus limau kasturi itu **terlalu masam** tanpa madu lebah.
4.	Gunung Kinabalu merupakan gunung **tertinggi sekali** di Malaysia.	Gunung Kinabalu merupakan gunung **tertinggi** di Malaysia.
5.	Norliza **teramat sedih sekali** atas pemergian ibunya.	Norliza **teramat sedih** atas pemergian ibunya.

董總 DONG ZONG

4.2 Kesalahan Penggunaan Kata Penegas

Contoh Kesalahan dalam Ayat:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Maksud **sahaja** dan **hanya** adalah sama. Maka, hanya salah satu boleh digunakan untuk menegaskan sesuatu kata atau frasa.	**Hanya** Siew Mei **sahaja** yang lulus dalam peperiksaan itu.	**Hanya** Siew Mei yang lulus dalam peperiksaan itu. **ATAU** Siew Mei **sahaja** yang lulus dalam peperiksaan itu.
2.	Kata penegas **pun** membawa makna **juga**, maka mesti ditulis terpisah daripada kata yang berdampingan dengannya.	Dia **telahpun** meninggalkan negara ini semalam.	Dia **telah pun** meninggalkan negara ini semalam.
3.	Partikel penegas **-lah**, dan **-kah** hadir dalam predikat ayat. Walau bagaimanapun predikat yang menerima partikel ini mesti dibawa ke hadapan ayat.	• Guru Geografi kelas awak siapa**kah**? • Murid yang tertinggi dalam kelas itu dia**lah**. • Buku Bahasa Inggeris engkau itu**lah**.	• Siapa**kah** guru Geografi kelas awak? • Dia**lah** murid yang tertinggi dalam kelas itu. • Itu**lah** buku Bahasa Inggeris engkau.
4.	Kata penegas seperti **juga** dan **sahaja** dibubuh pada kedudukan yang salah dalam ayat.	• Aaron mengucapkan **juga** tahniah kepada pemain yang mengalahkan itu. • Saya tidak mahu apa-apa **sahaja**, cuma kopi.	• Aaron **juga** mengucapkan tahniah kepada pemain yang mengalahkan itu. **ATAU** Aaron mengucapkan tahniah kepada pemain yang mengalahkan itu **juga**. • Saya tidak mahu apa-apa, cuma kopi **sahaja**

4.3 Penjodoh Bilangan

- Penjodoh bilangan ialah perkataan yang terletak di antara kata bilangan dengan kata nama atau frasa nama.
- Kata nama yang menerima penjodoh bilangan bersifat konkrit dan dapat dihitung

	Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh
1.	**carik**	• benda yang dicabik dan lazimnya dikoyak secara memanjang	 kain  kertas
2.	**cebis**	• benda yang dipotong atau dikoyak kecil-kecil	 kain  kertas

董總 DONG ZONG

3.	**gugus**	• benda yang berkelompok dan buah-buahan bertangkai	 langsat  pulau
4.	**gumpal**	• kumpulan kain, rambut, darah, awan dan lain-lain yang bergulung-gulung, berbuku-buku atau berkelompok tebal	 kapas  rambut

董總 DONG ZONG

5.	**hidangan**	• benda atau minuman yang disajikan	 kuih  lauk  jus buah-buahan
6.	**jemput**	• benda yang diambil dengan hujung jari	 nasi

董總 DONG ZONG

7.	**kepal**	• benda yang dikepal dengan tangan hingga membentuk gumpalan	 tanah  nasi
8.	**kepul**	• kumpulan asap, awan dan sebagainya yang tebal	 asap  awan

董總
DONG ZONG

9.	**puntung**	• lebihan seperti rokok dan kayu yang sebahagian besarnya sudah terbakar	 rokok  kayu
10.	**susun**	• himpunan benda yang teratur	 atap  buku

11.	**urat**	• benda yang bergelang halus dan panjang	 gelang  rambut

Contoh penggunaan Penjodoh Bilangan:

1. Beberapa **kepul** awan kelihatan cerah di langit pada hari ini.
2. "Wah, terdapat beberapa **gugus** anggur di atas meja!" bisik Aiman dengan girangnya.
3. Penduduk kampung menggunakan enam **susun** atap genting untuk membaiki bumbung rumah Pak Cik Rahmat.
4. Ketiga-tiga **hidangan** masakan tradisional itu merupakan air tangan ibu Liza.
5. Budak lelaki itu hanya makan beberapa **jemput** nasi lemak kerana terlalu pedas.
6. Mak Cik Leha mengambil beberapa **kepal** nasi dari periuk itu.
7. Beberapa **cebis** roti terlontarkan ke dalam kolam itu sebagai makanan ikan.
8. Pak Man mengutip berpuluh-puluh **puntung** rokok di taman rekreasi.
9. Pekerja itu memasukkan beratus-ratus **carik** kain ke dalam beg plastik untuk dihantar ke pusat kitar semula.
10. Ayah Halim menggunakan beberapa **gumpal** kapas untuk menghentikan pendarahan di kaki anak bongsunya yang terpijak paku.

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. memahami jalan cerita cerpen Pesta Tarian Burung Enggang dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Prosa Moden

Baca cerpen berikut dengan telitinya.

Pesta Tarian Burung Enggang

Suku kaum Kenyah tinggal di rumah panjang yang terletak di Apo Kayan. Kawasan petempatan mereka berbukit bukau. Kegiatan utama mereka ialah bercucuk tanam selain memburu binatang di hutan. Cara kehidupan mereka dipengaruhi oleh alam semula jadi. Mereka amat percaya akan tanda-tanda alam, iaitu setiap keanehan alam akan memberikan makna tersirat.

董總
DONG ZONG



Pada musim menuai, para penghuni rumah panjang bekerjasama untuk menuai hasil tanaman mereka. Setelah itu, mereka menyambut pesta menuai iaitu Lepa Ajau atau U'o Ajau secara meriah. Dalam pesta tersebut, Tarian Burung Enggang atau Tarian Datun Julud merupakan tarian yang wajib dipersembahkan.

"Tok, siapakah yang mencipta Tarian Datun Julud? tanya Lucia kepada Tok Lawai.

"Tarian ini dicipta oleh raja Kenyah," jawab Tok Lawai.

"Tok, boleh ceritakan serba sedikit tarian tersebut?" tanya Lucia dengan hati yang girang.

"Tarian yang diberi nama bersempena dengan burung enggang di hutan itu dicipta untuk melambangkan kebahagiaan dan rasa syukur kepada mahadewa atas kelahirannya cucunya. Selepas peristiwa tersebut, tarian ini terus diminati oleh masyarakat ini," kata Tok Lawai.

"Lucia, suruh kakak kamu untuk membantu kumpulan penari Tarian Datun Julud membuat persiapan. Mak hendak melihat ayah dan kumpulannya berlatih memainkan alat muzik sape, gendang, dan gong," pesan Puan Sulin Baya Kallang.

"Baiklah, mak!" kata Lucia.

董總
DONG ZONG





Beberapa minit kemudian, Lucia pergi ke ruai untuk mendengar alunan muzik yang merdu lagi mengasyikkan. Alunan muzik tersebut akan dimainkan ketika persembahan Tarian Datun Julud. Penari-penari pula memakai baju adat. Bulu burung enggang diikat pada hiasan kepala penari yang bermotifkan burung enggang. Penari memulakan tarian dengan bergerak secara spontan untuk mencontohi burung enggang yang sedang terbang sambil memegang kipas tangan yang diperbuat daripada bulu burung enggang yang melambangkan sayap burung tersebut.

“Cepat tolong Puan Usun menghidangkan makanan dan minuman di sudut ruai,” pesan Pak Ngau kepada Lucia yang tersentak daripada asyikan muzik.

“Baiklah, pak!” kata Lucia lalu bergegas ke dapur untuk membantu kaum wanita yang sibuk menyediakan juadah tradisi.

Suasana di rumah panjang memang riuh kerana pelbagai persiapan dibuat untuk memastikan pesta menuai berjalan dengan lancarnya.

Tina Tin

Peribahasa	Maksud
serumpun bagai serai, selubang bagai tebu	bersatu hati dalam segala hal
halilintar membelah bumi, halilintar membelah udara	sangat kuat bunyinya

Bahan Rangsangan

董總 DONG ZONG

Mak, cantiknya pelangi itu!



Mimi, jangan tunjuk pelangi dengan jari, ya! Mengikut kepercayaan kaum tertentu, jari kita akan putus.



UNIT 6

PANTANG LARANG USAH DILUPAKAN

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan jenis cerita (Upacara Sewang Suku Kaum Temiar) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

Upacara Sewang Suku Kaum Temiar

董總 DONG ZONG

Suku kaum Temiar tinggal di Kampung Kaloi. Kampung Kaloi terletak di kawasan pedalaman yang dikelilingi oleh hutan sekunder. Kehidupan suku kaum Temiar masih bergantung pada sumber hutan. Mereka juga bercucuk tanam secara kecil-kecilan.

Pada waktu senja, semua penduduk Kampung Kaloi berkumpul di rumah Tok Balak, masing-masing duduk **bersila** untuk menanti Tok Balak **mempengerusikan** mesyuarat.

"Ada satu perkara penting yang hendak saya sampaikan. Sebanyak lima orang **mahasiswa** akan tiba di kampung kita petang besok untuk menyaksikan upacara sewang. Kenderaan pacuan empat roda mereka akan tiba di hadapan Dewan Adat," kata Tok Balak.

Tepat pada pukul empat petang, kumpulan mahasiswa itu tiba di Dewan Adat dan disambut dengan **tangan terbuka** oleh Jimi Along, anak buah Tok Balak.

"Bang, apakah **fungsi** Dewan Adat?" tanya Su Mee yang begitu teruja dengan pondok itu.

“Dewan Adat berfungsi sebagai rumah ibadat kami yang menganuti kepercayaan animisme, dan sebagai dewan penyembahan,” jawab Jimi Along.

Kelihatan beberapa orang wanita membuat persiapan seperti membuat ***tempok*** yang dianyam daripada daun palas dan ada kala dihiasi bunga *charax* di balai adat.

“Besok, upacara sewang akan berlangsung. Banyak peraturan dan pantang larang yang perlu kita ikuti sepanjang upacara itu berlangsung supaya tidak melanggar adat. Saya beri setiap orang sebuah *tempok*. Kalian mesti memakai *tempok* semasa upacara tersebut berlangsung,” pesan Jimi Along.

“Kenapakah kita perlu memakai *tempok*?” tanya Suresh kepada Jimi Along.

“Pemakaian *tempok* dapat melindungi seseorang daripada dimasuki semangat jahat,” jawab Jimi Along.

“Bolehkah kami merakam video semasa upacara sewang berlangsung?” tanya Suresh lagi.

“Sebenarnya, mengikut tradisi kami, ketika upacara ini berlangsung, kalian tidak dibenarkan merakam atau mengambil gambar. Tetapi kali ini, Tok Balak benarkan kalian berbuat demikian kerana kalian perlu menyiapkan tugasan. Syaratnya ialah kalian tidak boleh menggunakan **lampu denyar**.”

董總
DONG ZONG

Kemudian, Jimi Along membawa Suresh, Junid, Su Mee, Julia Aris, dan Zheng Yang ke inap desa yang disediakan untuk beristirahat selepas mereka melalui perjalanan jauh ke sini.





Pada keesokan harinya, sebelum upacara sewang bermula, abang Jimi Along, iaitu Sani Along memberitahukan bahawa Tok Balak akan memainkan peranan sebagai dukun yang berkebolehan untuk berkomunikasi dengan **makhluk halus**. Tambahan pula, semua orang yang hadir tidak dibenarkan keluar dari Dewan Adat kerana banyak makhluk halus sedang mengelilingi dewan ini sementara menunggu giliran untuk menyertai upacara ini. Jika ada sesiapa yang melangkah keluar dari dewan ini, mereka mungkin akan jatuh sakit akibat gangguan makhluk halus.

Setelah mendengar pesanan Sani Along, riak ketakutan kelihatan pada wajah Su Mee dan Julia Aris. Hati mereka **berdegup** dengan kencangnya.

"Usahlah takut. Saya, Junid, dan Suresh tenang saja. Itulah pantang larang mereka. Tak ada apa-apa yang akan berlaku jika kita mematuhi larangan tersebut," kata Zheng Yang untuk mengurangkan **keresahan** rakan-rakannya.

Kosa Kata

1. **bersila**: duduk dengan kaki berlipat dan bersilang 盘膝而坐
2. **mempengerusikan**: mengendalikan mesyuarat 主持
3. **mahasiswa**: penuntut di universiti 大学生
4. **tangan terbuka**: ikhlas dan suka hati menerima seseorang 真诚
5. **fungsi**: peranan 功能
6. ***tempok***: sejenis hiasan kepala yang digunakan oleh suku kaum Temiar 一种少数民族的头饰
6. **lampu denyar**: lampu kilat 闪光灯
7. **makhluk halus**: makhluk seperti jin dan syaitan yang hidup dalam alam ghaib 幽灵
8. **berdegup**: berbunyi seperti bunyi denyutan jantung yang keras 心跳声
9. **keresahan**: kegelisahan 忧虑

2. Mendengar dan Bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.



2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman rencana dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

董總 DONG ZONG



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Secara berkumpulan, senaraikan sekurang-kurangnya tiga pantang larang yang pernah diamalkan oleh ahli kumpulan. Kemudian, bincangkan pantang larang tersebut dari segi kesesuaiannya pada zaman ini serta kesan-kesan pengamalannya lalu membentangkannya di hadapan kelas.

	
Gunakan pen dakwat merah untuk menandatangani nama.	Anak dara duduk di tangga.
	
Potong kuku pada waktu malam.	Bermain seruling pada waktu malam.

3. MENULIS

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. merumus bahan grafik jenis graf bar dengan mengolah maklumat yang berkaitan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menghasilkan rumusan yang mengandungi perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup secara terancang.

3.1 Rumusan Jenis Graf Bar

3.1.1 Menulis Rumusan Jenis Graf Bar dengan Lengkap


- Perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup ditulis dalam perenggan yang berbeza.

3.1.2 Contoh Rumusan Jenis Graf Bar

Kaji graf bar di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis satu rumusan tentang ***bilangan penduduk mengikut negeri pada tahun 20□□*** *berdasarkan graf bar tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah* ***tidak melebihi 100 patah perkataan****.*

董總 DONG ZONG

Bilangan Penduduk Mengikut Negeri pada Tahun 20□□



(dipetik dan disesuaikan daripada https://dagangnews.com/article/penduduk malaysia-2024-dianggar-341-juta-lelaki-melebihi-perempuan-pada-nisbah-111-100-dosm-39448)

Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	Graf bar menunjukkan bilangan penduduk mengikut negeri pada tahun 20□□.	• ditulis dalam satu ayat • ditulis berdasarkan arahan soalan dan tajuk bahan yang diberikan
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Pada tahun 20□□, negeri Selangor mempunyai jumlah penduduk yang paling banyak, iaitu sebanyak 7.4 juta orang. Negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai jumlah penduduk yang kedua terbanyak, iaitu sebanyak 4.2 juta orang. Negeri Sabah mempunyai jumlah penduduk sebanyak 3.7 juta orang. Negeri Perak pula mempunyai jumlah penduduk sebanyak 2.6 juta orang.	• ditulis berdasarkan maklumat-maklumat dalam graf bar • tulis empat isi tersurat
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Negeri Selangor mempunyai jumlah penduduk terbanyak kerana terdapat banyak peluang pekerjaan. Di negeri Perak, kebanyakan penduduk berhijrah ke kota besar kerana terdapat banyak kemudahan asas yang lengkap.	• maklumat yang tidak dinyatakan dalam graf bar • tulis dua isi tersirat yang berkaitan dengan punca yang tidak dinyatakan dalam graf bar tersebut atau apa-apa yang relevan
Perenggan keempat (Penutup)	Kesimpulannya, pembangunan yang seimbang perlu dirancang supaya jurang kepadatan penduduk dapat diseimbangkan. (xxx patah perkataan)	• ditulis dalam satu ayat • mesti ada cadangan dan harapan • “Kesimpulannya, harus... ...agar/ supaya ...”

董總 DONG ZONG

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membetulkan kesalahan kata nafi dalam ayat dengan tepat mengikut konteks;
2. membetulkan kesalahan kata pemeri dalam ayat dengan tepat mengikut konteks;
3. menggunakan imbuhan sisipan kata nama dengan betulnya mengikut konteks;
4. menggunakan imbuhan sisipan kata adjektif dengan betulnya mengikut konteks.

4.1 Kata Nafi

- Kata nafi ialah perkataan yang hadir sebelum frasa untuk menjadi unsur nafi predikat, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

4.1.1 Kesalahan Kata Nafi

Contoh:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata nafi "**bukan**" digunakan untuk menidakkan (menafikan) frasa nama. Kata nafi "**bukan**" ialah unsur nafi bagi frasa nama dan frasa sendi nama.	Buku Sejarah itu **tidak** **kepunyaan adik Salmah**. (frasa nama)	Buku Sejarah itu **bukan** kepunyaan adik Salmah.
2.	Kata nafi "**bukan**" digunakan untuk menidakkan frasa sendi nama. Kata nafi "**tidak**" ialah unsur nafi bagi frasa kerja dan frasa adjektif. Kata nafi "**bukan**" ialah unsur nafi bagi frasa nama dan frasa sendi nama. Kata nafi "**bukan**" boleh hadir di hadapan frasa kerja dan frasa adjektif untuk mendukung maksud pertentangan maklumat.	Aiman dan Karim **tidak** **daripada keluarga kaya**. (frasa sendi nama)	Aiman dan Karim **bukan** daripada keluarga kaya.

董總 DONG ZONG

3.	Kata nafi **tidak** digunakan untuk menidakkan frasa adjektif.	Rumah datuk saya **bukan** **jauh dari Banting**. frasa adjektif	Rumah datuk saya **tidak** jauh dari Banting.
4.	Kata nafi **tidak** digunakan untuk menidakkan frasa kerja.	Mesyuarat ini hanya untuk ahli sahaja dan **bukan** **terbuka kepada orang luar**. frasa kerja	Mesyuarat ini hanya untuk ahli sahaja dan **tidak** terbuka kepada orang luar.
5.	Kata nafi **bukan** hanya boleh digunakan di hadapan **frasa adjektif** untuk mendukung maksud pertentangan maklumat [**tetapi**]	Pemuda itu **tidak** **kaya tetapi suka menunjuk-nunjuk**. frasa adjektif	Pemuda itu **bukan** kaya **tetapi** suka menunjuk-nunjuk.
6.	Kata nafi **bukan** hanya boleh digunakan di hadapan **frasa kerja** untuk mendukung maksud pertentangan maklumat. [**tetapi**]	Bapa saudara Laila **tidak** **menghidap penyakit kencing manis tetapi menghidap penyakit sendi**. frasa kerja	Bapa saudara Laila **bukan** menghidap penyakit kencing manis **tetapi** menghidap penyakit sendi.

董總 DONG ZONG

4.2 Kata Pemeri

- Kata pemeri merupakan unsur yang menjadi pemerihal atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.

4.2.1 Kesalahan Kata Pemeri

Contoh:

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata pemeri "**ialah**" merupakan unsur yang menjadi pemerihal bagi frasa predikat dan unsur penghubung antara frasa subjek dengan frasa predikat, dan **hadir di hadapan kata nama atau frasa nama**.	• Encik Lim **adalah** **pengetua Sekolah Menengah Sri Melur**. → frasa nama	• Encik Lim **ialah** **pengetua Sekolah Menengah Sri Melur**.
	Kata pemeri "**ialah**" juga boleh digunakan di hadapan kata/ frasa kerja atau kata/ frasa adjektif **yang berfungsi sebagai kata nama / frasa nama** dalam konteks penggunaannya.	• Kegemaran Alif **adalah** **membaca buku cerita**. → frasa nama • Warna yang paling saya gemari **adalah** **hijau zaitun**. → frasa nama	• Kegemaran Alif **ialah** **membaca buku cerita**. Frasa kerja "membaca buku cerita" dalam konteks ayat ini berfungsi sebagai frasa nama kerana merupakan nama aktiviti yang menjadi kegemaran Alif. • Warna yang paling saya gemari **ialah** **hijau zaitun**. Frasa adjektif "hijau zaitun" dalam konteks ayat ini berfungsi sebagai frasa nama kerana merupakan nama warna yang digemari oleh "saya".

董總 DONG ZONG

2.	Kata pemeri "**adalah**" bersifat kualitatif atau penyifatan dan hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.	• Dia percaya bahawa berita itu **ialah** **benar**. frasa adjektif • Arahan itu **ialah** **daripada guru disiplin**. frasa sendi nama	• Dia percaya bahawa berita itu **adalah** benar. • Arahan itu **adalah** daripada guru disiplin.
3.	Kata pemeri "**adalah**" tidak boleh diikuti oleh frasa kerja.	• Keputusannya itu **adalah** **bergantung pada kemampuan kewangan ibu bapanya**. frasa kerja • Kejadian banjir yang berlaku itu **adalah** disebabkan kegiatan manusia. • **Adalah** dimaklumkan bahawa permohonan tuan tidak berjaya.	• Keputusannya itu bergantung pada kemampuan kewangan ibu bapanya. • Kejadian banjir yang berlaku itu disebabkan kegiatan manusia. • Dimaklumkan bahawa permohonan tuan tidak berjaya.
4.	Kata pemeri "**adalah**" boleh diikuti oleh kata kerja yang berfungsi sebagai kata sendi nama.	• Perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu **ialah** **mengenai** masalah disiplin pelajar. ["mengenai" berfungsi sebagai kata sendi nama kerana boleh bertukar ganti dengan kata sendi nama "tentang".]	• Perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu **adalah** **mengenai** masalah disiplin pelajar.

董總 DONG ZONG

4.3 Imbuhan Sisipan

- Imbuhan yang hadir dalam sesuatu perkataan yang masuk secara menyisip.
- Imbuhan sisipan terdiri daripada sisipan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

4.3.1 Imbuhan Sisipan Kata Nama

- Imbuhan sisipan kata nama bercantum dengan kata dasar daripada golongan kata nama, kata kerja, kata adjektif untuk membentuk kata nama dengan maksud sesuatu yang mempunyai ciri yang terkandung dalam kata dasar.
- Imbuhan sisipan kata nama mempunyai tiga bentuk;

Imbuhan Sisipan Kata Nama

- *-el-*
- *-em-*
- *-er-*

董總 DONG ZONG

4.3.1.1 Imbuhan Sisipan Kata Nama *-el-*

- Imbuhan sisipan kata nama *-el-* bergabung dengan beberapa kata dasar untuk mendukung makna yang bercirikan kata dasarnya.

Contoh:

Kata dasar	Imbuhan sisipan	Kata terbitan
ganggang	*-el-*	g*el*anggang
jajah	*-el-*	j*el*ajah
kangkang	*-el-*	k*el*angkang
kembung	*-el-*	k*el*embung
kemumur	*-el-*	k*el*emumur
kupas	*-el-*	k*el*upas
tapak	*-el-*	t*el*apak
tunjuk	*-el-*	t*el*unjuk

Contoh dalam ayat:

1. Para pelajar bermain di **gelanggang** badminton yang baru siap dibina.
2. Kejayaan pelayar solo negara Australia melintasi Lautan Atlantik merupakan suatu **jelajah** yang bersejarah.
3. Tanah kebun getah yang dibeli oleh Pak Atan itu hanya seluas **kelangkang** kera.
4. Kulit adik yang terkena air panas semalam kini sudah menjadi **kelembung** dan bernanah.
5. Rambut adik perempuan yang jarang-jarang dibasuh amat tidak kemas dan penuh dengan **kelemumur**.
6. Kesan luka yang terkena duri ialah **kelupas** di tapak tangan kirinya.
7. **Telapak** kaki nenek saya luka kerana terpijak paku.
8. Anak-anak tidak digalakkan menggunakan jari **telunjuk** untuk menunjukkan sesuatu kepada seseorang yang kita hormati.



4.3.1.2 Imbuhan Sisipan Kata Nama *-em-*

- Imbuhan sisipan kata nama ***-em-*** bergabung dengan beberapa kata dasar untuk mendukung makna yang bercirikan kata dasarnya.

董總 DONG ZONG

Contoh:

Kata dasar	Imbuhan sisipan	Kata terbitan
kuncup	***-em-***	k*em*uncup
kuning	***-em-***	k*em*uning

Contoh dalam ayat:

1. Buah **kemuning** akan bertukar daripada warna hijau kepada warna merah atau jingga apabila masak.
2. Bunga **kemuncup** yang terlekat pada kaki seluar kami menyebabkan kaki kami gatal-gatal dan tidak selesa.

4.3.1.3 Imbuhan Sisipan Kata Nama *-er-*

- Imbuhan sisipan kata nama ***-er-*** bergabung dengan beberapa kata dasar untuk mendukung makna yang bercirikan kata dasarnya.

Contoh:

Kata dasar	Imbuhan sisipan	Kata terbitan
gigi	***-er-***	g*er*igi
godak	***-er-***	g*er*odak
kuping	***-er-***	k*er*uping
sabut	***-er-***	s*er*abut
suling	***-er-***	s*er*uling


Contoh dalam ayat:

1. **Gerigi** gergaji itu telah tumpul kerana memotong benda yang keras.
2. Bunyi **gerodak** terhasil apabila peti yang mengandungi batu digoyang atau digoncang.
3. Kulit kepala budak yang penuh dengan **keruping** amat menjijikkan.
4. Tukang jahit itu sedang membuang bulu-bulu dan **serabut** yang melekat pada jahitannya.
5. Adik Melisa pandai meniup **seruling** yang dibuat oleh datuk.

董總 DONG ZONG

4.3.2 Imbuhan Sisipan Kata Adjektif

- Imbuhan sisipan kata adjektif bercantum dengan kata dasar daripada golongan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif untuk membentuk kata adjektif dengan maksud sesuatu yang mempunyai ciri yang terkandung dalam kata dasar.
- Imbuhan sisipan kata adjektif mempunyai empat bentuk;



4.3.2.1 Imbuhan Sisipan Kata Adjektif *-el-*

- Imbuhan Sisipan Kata Adjektif ***-el-*** bergabung dengan beberapa kata dasar untuk mendukung makna yang bercirikan kata dasarnya.

Contoh:

Kata dasar	Imbuhan sisipan	Kata terbitan
geman	***-el-***	g***el***eman
gembung	***-el-***	g***el***embung
serak	***-el-***	s***el***erak

Contoh dalam ayat:

1. Kakak Limah **geleman** melihat ulat dalam burger daging itu.
2. Kulit tangan ibu **gelembung** kerana terkena minyak panas semasa menggoreng ikan bawal emas.
3. Swalayan merupakan satu cara makan dalam jamuan **selerak**.

4.3.2.2 Imbuhan Sisipan Kata Adjektif *-em-*

- Imbuhan sisipan kata adjektif ***-em-*** bergabung dengan beberapa kata dasar untuk mendukung makna yang bercirikan kata dasarnya.

Contoh:

Kata dasar	Imbuhan sisipan	Kata terbitan
gilang	***-em-***	g***em***ilang
guruh	***-em-***	g***em***uruh
ketot	***-em-***	k***em***etot
serbak	***-em-***	s***em***erbak

Contoh dalam ayat:

1. Masyarakat yang **gemilang** akan menyumbangkan tenaga untuk membangunkan negara.
2. Sorakan kemenangan daripada para pelajar sungguh **gemuruh** semasa acara sukan berlangsung.
3. Pokok itu **kemetot** kerana tidak cukup baja.
4. Bau minyak wangi yang begitu **semerbak** itu daripada salun kecantikan jiran saya.

4.3.2.3 Imbuhan Sisipan Kata Adjektif *-er-*

- Imbuhan sisipan kata adjektif *-er-* bergabung dengan beberapa kata dasar untuk mendukung makna yang bercirikan kata dasarnya.

Contoh:

Kata dasar	Imbuhan sisipan	Kata terbitan
godak	*-er-*	g*er*odak
kelip	*-er-*	k*er*(e)lip

Contoh dalam ayat:

1. Lampu **kerlip** di semua bangunan kedai semasa sambutan Tahun Baharu Cina.
2. Perut Aiman berbunyi **gerodak** kerana Aiman sudah sangat lapar.

4.3.2.4 Imbuhan Sisipan Kata Adjektif *-in-*

- Imbuhan sisipan kata adjektif *-in-* bergabung dengan beberapa kata dasar untuk mendukung makna yang bercirikan kata dasarnya.

Contoh:

Kata dasar	Imbuhan sisipan	Kata terbitan
sambung	*-in-*	s*in*ambung

Contoh dalam ayat:

1. Sastera Cina moden ialah sastera **sinambung** daripada sastera Cina klasik.

董總 DONG ZONG

5. SASTERA

Dalam bahagian ini, saya dapat:


1. memahami jalan cerita cerpen Raksasa Nian dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Prosa Moden

Baca cerpen berikut dengan telitinya.

Raksasa Nian

Pada zaman dahulu, seekor raksasa, iaitu Nian yang tinggal di dalam hutan sentiasa menyerang semua kampung di sekelilingnya. Menjelang Tahun Baharu Cina, semua penduduk kampung berasa amat takut kerana kedengaran raksasa Nian akan keluar dari tempat persembunyian untuk menyerang penduduk kampung lalu makan mereka.



Pada suatu hari, ketua kampung, Zhou Yang menghimpunkan semua penghuni untuk mengadakan mesyuarat di rumahnya bagi menyelesaikan masalah keselamatan mereka. Zhou Yang berpendapat bahawa permuafakatan yang diumpamakan peribahasa **serumpun bagai serai, selubang bagai tebu** amat penting dalam kehidupan bermasyarakat.

"Kita akan berpindah ke tempat yang lebih selamat besok agar tidak menjadi mangsa raksasa Nian. Jadi, kemaskan barang-barang penting malam ini. Sediakan kuda-kuda untuk mengangkut barang-barang keperluan," pesan Zhou Yang kepada penduduk yang hadir.

Pada keesokan harinya, semua penduduk bertolak dalam kumpulan agar mereka dapat saling membantu apabila menghadapi cabaran dalam perjalanan.

Setelah sehari suntuk perjalanan, mereka terjumpa orang tua yang berbongkok sabut dan bertongkatkan batang kayu duduk di atas bongkah kayu.

"Kalian dari mana? Banyaknya barang diangkut?" tanya orang tua sambil terbatuk-batuk.

"Kami hendak berpindah ke tempat baharu yang lebih selamat. Kampung halaman kami sering diserang oleh raksasa Nian," jawab Chen Hui, anak sulung ketua kampung.

"Sebenarnya, kalian tidak perlu berpindah. Untuk menghalau raksasa Nian, cat rumah kalian dengan warna merah, sediakan pelekat warna merah di depan pintu, bakar mercun dan palu gong yang menghasilkan bunyi bising. Cara ini dapat menghalau raksasa Nian dari kampung kalian."



Selepas mendengar nasihat orang tua itu, mereka berpatah balik ke kampung halaman. Apabila Tahun Baharu Cina seterusnya menjelang, penduduk kampung mengikut tunjuk ajar orang tua itu.

“Di manakah topi saya, Yue Ling? Saya hendak memantau keadaan kampung ini untuk memastikan sama ada segala persediaan yang dibuat itu siap atau tidak,” kata Zhao Yang kepada isterinya.

Pada Tahun Baharu Cina …

“Bakar mercun dan palu gong sekuat-kuat hati bersama-sama,” laung Chen Hui.

Pembakaran mercun bertalu-talu dan bunyi paluan gong yang nyaring diibarat **halilintar membelah bumi, halilintar membelah udara** telah berjaya menakutkan raksasa Nian lalu melarikan diri masuk ke dalam hutan belantara. Penduduk kampung berasa gembira kerana berjaya menghalau raksasa Nian. Sejak hari itu, penduduk kampung menyambut Tahun Baharu Cina dengan penuh keceriaan. Setiap Tahun Baharu Cina, penduduk akan mengikut petua orang tua itu yang diwariskan dari generasi kepada generasi. Petua tersebut telah dijadikan budaya masyarakat Cina hingga hari ini ketika sambutan Tahun Baharu Cina.

Tina Tin

董總 DONG ZONG



TEMA 4


JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Peribahasa	Maksud
biar berkelahi dahulu, jangan berkelahi kemudian	berbincang habis-habis sebelum berbuat sesuatu supaya tidak timbul masalah kemudian hari
mulut manis	pandai berkata-kata

董總
DONG ZONG



Bahan Rangsangan



Kes-kes penipuan di alam maya semakin meningkat. Banyak yang menjadi mangsa tanpa mengira umur dan jantina.

Oleh sebab itu, semua lapisan masyarakat perlu sangat berhati-hati supaya tidak mudah terperdaya.

UNIT 7 FIKIR DAHULU SEBELUM BERTINDAK

1. Membaca dan Memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenali format berita;
2. membaca petikan jenis berita (Internet: Fikir Dulu Sebelum "klik") secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
3. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

董總 DONG ZONG

Internet: Fikir Dulu Sebelum "klik"

Kuala Lumpur, 15 September - Berfikirlah dahulu dengan rasional dan bukannya mengikut emosi ketika **melayari** Internet bagi memastikan tangan tidak mudah "klik" pada sesuatu sehingga memberikan impak negatif kepada diri sendiri. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menganjurkan kempen "Klik Dengan Bijak" (KDB) untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang penggunaan Internet yang **beretika**, positif, dan selamat.



Ketua Bahagian Jangkauan dan Penglibatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Eneng Faridah Iskandar berkata kira-kira 17.5 juta orang pengguna Internet di negara ini perlu menekankan aspek keselamatan, **berwaspada** dan bertanggungjawab ketika berada di alam maya. Beliau berkata bahawa untuk lebih selamat sewaktu melayari Internet, pengguna perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang jenayah siber, cara jenayah ini dilakukan dan langkah yang perlu diambil sekiranya **terjebak** dalam jenayah seumpama itu.

Pengguna perlu berwaspada ketika menerima apa-apa maklumat daripada Internet dengan menyiasat dan **meneliti** sumber maklumat itu untuk memastikan maklumat itu adalah sahih dan bukannya palsu. Pengguna Internet juga perlu bertanggungjawab terhadap apa-apa sahaja maklumat yang disebarkan dan dikongsikan di alam maya. Ketika berada di alam maya, sesetengah netizen cepat **melatah** dan memberikan komen negatif tanpa berfikir bahawa tindakan mereka boleh meninggalkan kesan buruk. Sekiranya pengguna Internet menjumpai maklumat yang dikatakan menghina atau **menghasut**, membuat laporan polis merupakan tindakan terbaik dan bukan menyebarkannya dalam laman sosial.

"Sekiranya kita menyebarkan isu itu, akibatnya ialah tindakan ini boleh mengapi-apikan masyarakat dan mengakibatkan situasi bertambah buruk. Walaupun pada asalnya sesuatu kes itu tidak berat, kes itu boleh menjadi berat disebabkan oleh impak media sosial. Situasi ini bukan sahaja terhad kepada jenayah siber tetapi jenayah lain juga," kata Eneng Faridah Iskandar. Umpama peribahasa **biar berkelahi dahulu, jangan berkelahi kemudian**, kita haruslah berbincang dahulu sebelum bertindak bukan sahaja di alam nyata tetapi juga di alam maya.

(dipetik dan diubah suai daripada Sinar Harapan - https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-clippings/internet-fikir-dulu-sebelum-klik)



Kosa Kata

1. **melayari**: mencari dan mendapatkan maklumat 浏览
2. **beretika**: bermoral 有道德的
3. **berwaspada**: berhati-hati 警惕的
4. **terjebak**: terperangkap 已掉入圈套
5. **meneliti**: memeriksa sesuatu secara cermat 仔细检查
6. **melatah**: mengeluarkan perkataan dengan tidak sengaja kerana terperanjat 因吃惊而说话
7. **menghasut**: membangkitkan kemarahan seseorang terhadap orang lain 煽动



2. MENDENGAR DAN BERTUTUR

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman berita bertajuk "Awasi Scam/ Penipuan". Kemudian, jawab soalan di dalam buku aktiviti.



董總 DONG ZONG





2.2 Aktiviti Berkumpulan

Cari maklumat dalam surat khabar yang berkaitan dengan kes-kes penipuan menerusi alam maya. Kemudian, bentangkan kes tersebut dan nyatakan pengajaran yang dapat diperoleh daripada laporan berita tersebut.

Contoh keratan akhbar yang berkaitan dengan kes penipuan di alam maya dalam bentuk kod QR.



↰ 14490 kes penipuan dalam talian enam bulan pertama tahun ini






↰ Trend "*scammer*" sasar mangsa berpendidikan berpendapatan tinggi





↰ Tak ambil tahu isu semasa punca terjebak "*love scam*"



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis berita secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Berita

Karangan jenis ini bertujuan untuk melaporkan sesuatu peristiwa atau kejadian.

3.1.1 Contoh Karangan Jenis Berita

Baru-baru ini, Pertandingan Melukis dan Mewarna Poster bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan telah diadakan. Selaku wartawan Kelab Seni Kreatif Sekolah Menengah Wawasan Jaya, tulis berita mengenai pertandingan tersebut untuk dimuatkan dalam majalah sekolah anda.

董總 DONG ZONG

Tajuk	**Pupuk Semangat Patriotisme Melalui Pertandingan Melukis dan Mewarna Poster Hari Kebangsaan**
Pendahuluan	Kuala Lumpur, 20 Julai – Sekolah Menengah Wawasan Jaya yang berlokasi di sini hari ini telah menganjurkan pertandingan melukis dan mewarna bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan.
Isi 1	Guru Pendidikan Seni Visual, Encik Sia Sieng King memaklumkan bahawa aktiviti yang dianjurkan ini dapat menanam semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Melalui aktiviti ini, mereka dapat mengingati peristiwa bersejarah, iaitu pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka. Bukan itu sahaja, aktiviti ini juga dapat meningkatkan kemahiran melukis dan mewarna para pelajar.

Isi 2	"Seperti tahun-tahun sebelum ini, pertandingan ini mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelajar-pelajar. Dua kategori telah dipertandingkan, iaitu kategori Menengah Rendah dan kategori Menengah Tinggi. Untuk pertandingan kali ini, sebanyak 73 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini." Hadiah yang ditawarkan amat mewah, iaitu termasuklah sebuah komputer riba bernilai RM3000.
Isi 3	"Penghasilan poster Hari Kebangsaan ini juga memperkukuh perpaduan kaum dalam kalangan pelajar melalui penghasilan karya kreatif yang mengandungi elemen-elemen perpaduan dan budaya," kata pengerusi Kelab Seni Kreatif Sekolah Menengah Wawasan Jaya. Pada masa yang sama, pertandingan yang dianjurkan ini juga dapat mencungkil bakat baharu dalam bidang seni lukis.
Penutup	Pertandingan melukis dan mewarna ini tamat pada pukul 2:00 petang. Warga sekolah berasa amat gembira kerana berpeluang untuk mendekatkan diri dengan seni kreatif di samping dapat merasai erti kemerdekaan yang sebenarnya. Ibu bapa yang hadir turut memuji kejayaan pihak penganjur mengelolakan aktiviti yang cukup bermanfaat untuk generasi muda.

董總 DONG ZONG

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menggunakan kata ganda dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. menggunakan kata majmuk dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
3. menggunakan imbuhan sisipan kata kerja dengan betulnya dan tepat mengikut konteks.

4.1 Kata Ganda

Kata ganda ialah kata yang mengalami proses penggandaan sama ada melalui penggandaan penuh, penggandaan separa atau penggandaan berentak.

4.1.1 Penggandaan Penuh

Penggandaan penuh ialah proses mengulang keseluruhan kata dasar, sama ada kata dasar berbentuk tunggal atau berimbuhan.

Contoh Kata atau Frasa:

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Semua perkataan yang mengalami penggandaan penuh dieja dengan menggunakan tanda sempang (-).	kerusi kerusi	**kerusi-kerusi**
		peserta peserta	**peserta-peserta**
		besar besar	**besar-besar**
2.	Penggandaan juga membawa maksud tidak tentu.	apa apa	**apa-apa**
		bila bila	**bila-bila**
		agak agak	**agak-agak**
3.	Imbuhan ***ber-…-an*** membawa maksud jamak. Oleh itu, kata nama yang hadir bersama-sama tidak perlu digandakan.	daun-daun yang berguguran	**daun yang berguguran**
4.	Kata adjektif ganda seperti "besar-besar" sudah membawa maksud jamak. Oleh itu, kata nama seperti "rumah" yang hadir bersama-sama tidak perlu digandakan.	Rumah-rumah di kawasan itu besar-besar.	**Rumah di kawasan itu besar-besar.** **ATAU** **Rumah-rumah di kawasan itu besar.**

董總 DONG ZONG

5.	Kata ganda yang membawa maksud kesangatan tidak memerlukan kata penguat.	sangat cantik-cantik	**cantik-cantik** **ATAU** **sangat cantik**
6.	Jika maksud jamak telah ada dalam ayat, penggandaan tidak diperlukan lagi.	dua orang polis-polis	**dua orang polis**
		beberapa naskhah majalah-majalah	**beberapa naskhah majalah**
		para guru-guru	**para guru**
		semua pelajar-pelajar	**semua pelajar**
		banyak pengunjung-pengunjung	**banyak pengunjung**

4.1.2 Penggandaan Separa

Penggandaan separa ialah proses yang mengulangi sebahagian daripada kata dasar. Kata dasar boleh merupakan kata tunggal atau kata berimbuhan.

董總
DONG ZONG

Contoh Kata atau Frasa:

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata ganda separa tunggal tidak perlu dieja dengan tanda sempang.	ke-kuda	**kekuda**
		be-bola	**bebola**
		je-jari	**jejari**
2.	Kata ganda separa yang sudah bermaksud jamak tidak perlu digandakan.	pepohon-pepohon/ dedaun-dedaun	**pepohon** **dedaun**
3.	Perubahan pada huruf pertama kata dasar ketika proses pengimbuhan perlu juga dilakukan pada huruf pertama kata tersebut setelah tanda sempang dalam sesuatu kata ganda separa	menangis-tangis	**menangis-nangis**
		menguis-kuis	**menguis-nguis**
		memotong-potong	**memotong-motong**

4.	"Berkali-kali" sudah bermaksud berulang kali. "Memanggil-manggil" juga bermaksud berulang kali. Oleh itu, hanya salah satu unsur yang memerlukan penggandaan	Hisyam memanggil-manggil neneknya berkali-kali.	Hisyam **memanggil-manggil** neneknya. **ATAU** Hisyam memanggil neneknya **berkali-kali**.
5.	Kata ganda yang membawa maksud saling berbalasan tidak memerlukan perkataan **saling**.	saling tolong-menolong	**tolong-menolong** **ATAU** **saling menolong**
		saling hormat-menghormati	**hormat-menghormati** **ATAU** **saling menghormati**

4.1.3 Penggandaan Berentak

Penggandaan berentak ialah proses yang mengulang kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar.

Contoh Kata atau Frasa:

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Semua kata ganda berentak dieja dengan tanda sempang (-).	sayur mayur	**sayur-mayur**
		gunung ganang	**gunung-ganang**
2.	Kata ganda berentak yang membawa maksud kesangatan tidak memerlukan kata penguat.	sangat licin-licau	**sangat licin** **ATAU** **licin-licau**
		sangat bengkang-bengkok	**sangat bengkok** **ATAU** **bengkang-bengkok**
		sangat kaya-raya	**sangat kaya** **ATAU** **kaya-raya**

董總 DONG ZONG

3.	Kata ganda berentak yang membawa maksud jamak tidak memerlukan kata bilangan.	Pelbagai jenis lauk-pauk	**pelbagai jenis lauk** **ATAU** **lauk-pauk**
4.	Perkataan-perkataan ini tidak dikategorikan sebagai kata ganda kerana kedua-dua perkataan tersebut boleh berdiri sendiri dan mempunyai maksud yang berkaitan. Oleh itu, binaan sedemikian merupakan frasa atau rangkai kata dan tidak perlu dieja dengan tanda sempang (-).	lemah-longlai	**lemah longlai**
		sampah-sarap	**sampah sarap**
		semak-samun	**semak samun**
		sangkut-paut	**sangkut paut**
		jerit-pekik	**jerit pekik**

董總 DONG ZONG

4.2 Kata Majmuk

Kata majmuk dapat dibahagikan kepada tiga kelompok, iaitu rangkai kata bebas, istilah khusus dan yang membawa maksud kiasan, iaitu simpulan bahasa.

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Jika ejaan kata majmuk tidak berangkai, perkataan pertama sahaja yang diulang.	bilik mesyuarat-bilik mesyuarat	**bilik-bilik mesyuarat**
		balai raya-balai raya	**balai-balai raya**
		kertas kerja-kertas kerja	**kertas-kertas kerja**
		Timbalan Menteri Pertahanan-Timbalan Menteri Pertahanan	**Timbalan-timbalan Menteri Pertahanan**
		penolong pegawai tadbir-penolong pegawai tadbir	**penolong-penolong pegawai tadbir**
		pesuruh-pesuruhjaya	**pesuruhjaya-pesuruhjaya**
		kaki botol-kaki botol	**kaki-kaki botol**
		setia-setiausaha	**setiausaha-setiausaha**

2.	Kata majmuk yang menerima awalan atau akhiran kekal dieja terpisah.	menemuramah	**menemu ramah**
		bersatupadu	**bersatu padu**
		direkabentuk	**direka bentuk**
		dayaserapan	**daya serapan**
3.	Kata majmuk yang berimbuhan apitan, dieja secara bercantum.	menguat kuasakan	**menguatkuasakan**
		pengambil alihan	**pengambilalihan**
		penyalah gunaan	**penyalahgunaan**

4.3 Kata Kerja Berimbuhan Sisipan dan Penggunaannya

- Imbuhan sisipan ialah imbuhan yang hadir dalam sesuatu perkataan yang masuk secara menyisip. Contohnya, ***-el-***, ***-em-*** dan ***-er-***.
- Dalam bahasa Melayu, tidak ada sisipan yang dapat membentuk kata kerja. Namun demikian, perkataan yang terdiri daripada kata nama dan kata adjektif yang mengandungi sisipan dapat dijadikan kata kerja melalui proses pengimbuhan kata kerja.

董總 DONG ZONG

Sisipan	Awalan	Kata dasar	Kata terbitan	Contoh ayat
-el-	*meng-*	g***el***etar	menggeletar	Badan Rodiah **menggeletar** setelah berendam di dalam air kolam itu berjam-jam lamanya.
	men-	j***el***ajah	menjelajah	Beberapa orang jurutera telah **menjelajah** ke beberapa buah negara untuk melihat seni bina bangunan pencakar langit.
	ber-	s***el***erak	berselerak	Viton dimarahi oleh ibunya kerana membiarkan alat mainannya **berselerak** di atas lantai.

-er-	*ber-*	s***er***abut	berserabut	Fikiran Cikgu Ho **berserabut** ketika memikirkan masalah yang dihadapi oleh anak-anak muridnya yang miskin.
	ber-	g***er***igi	bergerigi	Pelajar-pelajar itu sangat berhati-hati ketika menggunakan gergaji yang **bergerigi** tajam itu.
-em-	*ber-*	g***em***uruh	bergemuruh	Kedengaran bunyi tepukan yang **bergemuruh** di dalam stadium itu sebaik sahaja pemain bola sepak itu berjaya menjaringkan gol pertama untuk pasukan mereka.
	ber-an	g***em***erlap	bergemerlapan	Beberapa butir permata yang **bergemerlapan** itu memukau para pengunjung pameran itu.
	-	s***em***erbak	-	Bunga mawar yang baru berkembang itu **semerbak** baunya di halaman rumah Puan Maslinda.

董總 DONG ZONG

5. SASTERA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami jalan cerita Si Luncai dengan Labu-labunya dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan;
2. mengenal pasti tema, persoalan, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran dengan memberikan respons yang betul dan rasional.

5.1 Prosa Moden

Baca cerita Si Luncai dengan Labu-labunya dengan telitinya.

Si Luncai dengan Labu-labunya

Maka sembah Si Luncai, “Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, tiadalah apa-apa hasrat, patik hanya hendak menghadap duli yang maha mulia”.

Tetapi, tiba-tiba Si Luncai menangis teresak-esak sehingga raja menjadi hairan. Raja bertanyakan sebab dia menangis. Jawapannya, apabila Si Luncai melihat benjolan pada tengkuk raja itu, ia teringat kepada ayahnya. Raja amat murka mendengar Si Luncai menyamakannya dengan ayah Si Luncai. Maka, baginda memberikan isyarat kepada hulubalang untuk menangkap Si Luncai. Si Luncai diikat dan dimasukkan ke dalam guni. Si Luncai telah dijatuhi hukuman oleh raja supaya dibuang ke tengah laut.



Hulubalang raja pun bersiaplah membawa Si Luncai ke dalam perahu untuk dibawa ke tengah laut. Maka perahu tersebut dikayuh oleh hulubalang ke tengah laut. Dari dalam guni, Si Luncai dapat melihat beberapa biji labu air terdapat di dalam perahu tersebut. Tiba-tiba, Si Luncai mendapat satu idea yang bernas.

Setelah beberapa lama hulubalang mengayuh sampan, Si Luncai mengajak mereka menyanyi sebuah lagu. "Kasihan aku melihat kamu semua letih mengayuh. Mahukah kamu jika aku mengajarkan sebuah lagu untuk menghilangkan penat kamu semua?" kata Si Luncai.

"Diamlah kamu, sebentar lagi kamu akan dicampak ke dalam laut ini," kata salah seorang hulubalang yang mengayuh sampan itu.

Mendengar kata-kata itu, Si Luncai terus menyanyikan lagu tersebut. "Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Biarkan! Biarkan!

Apabila hulubalang-hulubalang itu mendengar Si Luncai bernyanyi, mereka mula tertarik dan mengikut Si Luncai menyanyi. Demikianlah lagu itu dinyanyikan berulang-ulang hinggalah mereka terleka. Melihat keadaan itu, Si Luncai keluar dari dalam guni. Dia mengisikan beberapa biji labu ke dalam guni itu. Kemudian, dia mengambil dua biji labu yang lain lalu terjun dari perahu. Si Luncai berenang ke tepian menggunakan pelampung labu air tersebut.

董總 DONG ZONG

Apabila sampai di tengah laut, hulubalang-hulubalang mencampakkan guni itu ke dalam laut. Pada sangkaan mereka, matilah Si Luncai. Sekembalinya ke istana, mereka memberitahu raja tentang kejadian ini.

Tiada sesiapa yang mengetahui bahawa Si Luncai sebenarnya telah berenang sampai di pesisiran pantai.

(dipetik dan diubah suai daripada Cerita Rakyat Si Luncai dengan labu-labunya)

↻ Si Luncai dengan Labu-labunya



Peribahasa	Maksud
bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi	tidak mungkin sesuatu akan terjadi sekiranya hanya ada komitmen daripada satu pihak
sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua	sepandai-pandai seseorang itu melakukan sesuatu, sekali pasti akan tersilap juga

Bahan Rangsangan

Sebagai pekerja, banyak amalan berintegriti yang dapat kita laksanakan dalam urusan pekerjaan seharian.

Kita haruslah jujur dan tulus ketika melaksanakan tugas yang telah diamanahkan kepada kita.

董總
DONG ZONG



UNIT 8 INTEGRITI TINGGI SAHSIAH TERPUJI

1. MEMBACA DAN MEMAHAMI

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan (Amalan Berintegriti Nilai Terpuji) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

Amalan Berintegriti Nilai Terpuji

Secara umumnya, integriti bermaksud kejujuran atau ketulusan. Integriti boleh dikatakan sebagai **cerminan** sikap, amalan dan tingkah laku individu yang jujur, amanah, ikhlas dan sentiasa patuh kepada peraturan dan undang-undang. Sebenarnya, dalam setiap tingkah laku, pasti ada perkara yang boleh **dinilai** untuk menentukan tahap integriti seseorang. Jika seseorang tidak berintegriti, seseorang itu mudah terlibat dengan rasuah, **penyelewengan** dan salah guna kuasa demi kepentingan peribadi masing-masing.



Bayangkan jika kes-kes seperti pecah amanah, **mengemukakan** akaun palsu atau membuat **tuntutan** palsu semakin berleluasa, sudah pasti visi kita untuk mencapai sebuah negara bangsa yang gemilang akan terhalang. Perbuatan tidak berintegriti bukan sahaja meninggalkan kesan buruk jangka pendek malahan juga meninggalkan kesan jangka panjang. Kestabilan ekonomi akan terjejas, keutuhan politik akan runtuh, dan kemurnian nilai-nilai sosial akan tercemar hanya disebabkan tiadanya integriti. Pendek kata, maruah dan nama baik negara **tergadai** sekiranya integriti diabaikan.

Atas kesedaran ini, amalan berintegriti tidak boleh dipandang ringan oleh mana-mana pihak. Kesedaran tentang kepentingan amalan berintegriti haruslah lahir daripada kesedaran dalaman setiap individu. Kesedaran dalaman yang kuat inilah yang akan mengawal dan seterusnya mengelakkan seseorang daripada terjebak dalam kancah ketidakjujuran. **Benteng** paling kuat datang daripada keimanan agama yang kukuh.

Tuntasnya, integriti ialah perbuatan mulia yang perlu kita amalkan sepanjang masa walaupun tidak **dipantau** oleh mana-mana pihak. Oleh sebab itu, sebelum ketiadaan integriti menjadi barah yang sukar dikawal, hentikanlah budaya **menghalalkan** cara yang salah. Marilah kita biasakan yang betul dan betulkan kebiasaan yang salah. Hasrat untuk



menghidupkan masyarakat berintegriti tidak akan tercapai jika tiada kerjasama semua pihak, umpama peribahasa **bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi**. Lantaran itu, marilah kita sama-sama menghidupkan kelestarian nilai integriti dalam masyarakat.

(diubah suai daripada https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=2268&cat=BKH)



董總 DONG ZONG

Kosa Kata

1. **cerminan**: gambaran 反映
2. **dinilai**: ditaksir 被估计
3. **penyelewengan**: penyimpangan 偏离正确方向
4. **mengemukakan**: menyampaikan 提呈
5. **tuntutan**: sesuatu yang dituntut 请款
6. **tergadai**: terkorban atau tercemar (prinsip dll) 受损(名誉)
7. **benteng**: pertahanan terhadap ancaman 防线
8. **dipantau**: diperhatikan 被监督
9. **menghalalkan**: membenarkan 许可

2. Mendengar dan bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman keratan akhbar bertajuk "Pelajar Beramanah Harapan Negara". Kemudian, jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.





2.2 Aktiviti Berkumpulan

Bahagikan pelajar kepada tiga kumpulan. Cari maklumat berdasarkan tugasan kumpulan dan bentangkan hasil dapatan di depan kelas.



Kumpulan 1
Kebaikan menyertai aktiviti kesukarelawanan

↶ Aktiviti sukarelawan bentuk belia berkualiti



Kumpulan 2
Kepentingan pelibatan dalam kegiatan khidmat komuniti

↶ Program sukarelawan mahasiswa wajar beri impak kepada masyarakat

董总 DONG ZONG



Kumpulan 3
Faedah melakukan kerja amal dalam masyarakat kita

↶ Banyak kepuasan buat kerja amal kebajikan

3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. merumus bahan grafik dengan mengolah maklumat yang berkaitan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menulis perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup rumusan secara terancang dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks.


3.1 Rumusan Jenis Graf Garis

3.1.1 Cara-cara Menulis Rumusan Jenis Graf Garis

- Perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup ditulis dalam perenggan yang berbeza.

DONG ZONG

Kaji graf garis di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis satu rumusan tentang ***kes buli pelajar di SMK Kampung Cahaya dari bulan Januari hingga April 20□□****. Panjang rumusan anda hendaklah* ***tidak melebihi 100 patah perkataan****.*



Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	Graf garis menunjukkan kes buli pelajar di SMK Kampung Cahaya dari bulan Januari hingga April 20□□.	• ditulis dalam satu ayat • ditulis berdasarkan arahan soalan dan tajuk bahan yang diberikan
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Sebanyak tujuh kes buli pelajar berlaku pada bulan Januari. Bilangan kes meningkat kepada sepuluh kes pada bulan Februari. Seterusnya, penurunan kes buli pelajar berlaku pada bulan Mac, iaitu hanya tiga kes dilaporkan. Walau bagaimanapun, empat kes buli pelajar berlaku pada bulan April.	• ditulis berdasarkan maklumat-maklumat dalam bahan grafik graf garis
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Kes buli pelajar berlaku berpunca daripada pengaruh rakan sebaya. Sehubungan dengan itu, pengawasan yang lebih ketat daripada ibu bapa diperlukan untuk mengelakkan kes ini semakin serius.	• maklumat yang tidak dinyatakan dalam bahan grafik graf garis • tulis isi tersirat yang berkaitan punca-punca kes buli pelajar berlaku atau langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya serta kesannya terhadap pelajar • tulis dua isi tersirat sahaja
Perenggan keempat (Penutup)	Kesimpulannya, pihak sekolah SMK Kampung Cahaya haruslah menangani kes buli pelajar supaya pelajar dapat belajar dalam suasana yang kondusif. (xxx patah perkataan)	• mesti ada cadangan dan harapan • Contoh:“Kesimpulannya, harus... ...agar/ supaya ...”

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menggunakan kata tanya dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. menggunakan imbuhan sisipan kata adjektif dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;

4.1 Kata Tanya

- Kata tanya ialah kata praklausa yang hadir untuk menyoal atau bertanyakan sesuatu.
- Kata tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat.
- Kata tanya terbahagi kepada dua jenis seperti yang berikut;



董總 DONG ZONG

4.1.1 Kesalahan Umum Kata Tanya Umum

Kata tanya umum ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu. Contohnya, berapa, bila, bagaimana dan mengapa.

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata tanya yang menggunakan partikel penegas ***-kah*** tidak boleh hadir di belakang ayat.	Air longkang ini sangat kotor **mengapakah**?	Air longkang ini sangat kotor **mengapa**?
		Harga nasi ayam ini **berapakah**?	Harga nasi ayam ini **berapa**?
		Awak akan bertolak ke Kuala Lumpur **bilakah**?	Awak akan bertolak ke Kuala Lumpur **bila**?
2.	Kata tanya yang menggunakan partikel penegas ***-kah*** mesti hadir di hadapan ayat.	**Mengapa** Saiful tidak datang ke sekolah?	**Mengapakah** Saiful tidak datang ke sekolah?
		Bagaimana awak datang ke sekolah?	**Bagaimanakah** awak datang ke sekolah?

4.1.2 Kesalahan Umum Kata Ganti Nama Diri Tanya

Kata ganti nama diri tanya ialah jenis kata nama yang berfungsi untuk menanyakan hal benda, perkara atau manusia. Contohnya, apa (merujuk benda atau perkara), siapa (merujuk orang), mana (merujuk benda atau orang).

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata tanya yang menggunakan partikel penegas ***-kah*** tidak boleh hadir di belakang ayat.	Lelaki yang berbaju merah itu **siapakah**?	Lelaki yang berbaju merah itu **siapa**?
		Basikal awak **manakah**?	Basikal awak **mana**?
2.	Kata tanya yang menggunakan partikel penegas ***-kah*** mesti hadir di hadapan ayat.	**Apa** yang sedang kamu baca itu?	**Apakah** yang sedang kamu baca itu?
		Siapa yang belum membayar yuran sekolah?	**Siapakah** yang belum membayar yuran sekolah?

4.2 Imbuhan Sisipan Kata Adjektif

Sisipan kata adjektif bercantum dengan kata dasar daripada golongan kata nama, kata kerja dan kata adjektif untuk membentuk kata nama. Bentuk ini amat terhad dan tidak produktif sifatnya. Sisipan kata adjektif mempunyai empat bentuk, iaitu ***-em-***, ***-er-***, ***-el-***, dan ***-in-***.

Sisipan	Kata dasar	Kata terbitan	Contoh ayat
-em-	guruh	g***em***uruh	Haikal berasa **gemuruh** apabila memasuki dewan peperiksaan.
	serbak	s***em***erbak	Bunga-bunga kemboja di sepanjang jalan itu **semerbak** baunya.
	ketot	k***em***etot	Sayur bayam itu **kemetot** kerana kekurangan baja.
-el-	gembung	g***el***embung	Kulit kaki adik **gelembung** kerana terpijak arang yang masih membara itu.
	serak	s***el***erak	Pelbagai jenis lauk tradisional dihidangkan dalam jamuan **selerak** itu.
	geman	g***el***eman	Ganesh geli-**geleman** apabila melihat lalat mengerumuni bangkai tikus itu.
-er-	kelip	K***er***(e)lip	Lampu **kerlip** yang berwarna-warni itu sangat cantik.
	godak	g***er***odak	Bunyi **gerodak** dari dalam perutnya itu menandakan Rachel sudah lapar.
-in-	sambung	s***in***ambung	Aktiviti penanaman pokok itu merupakan usaha yang **sinambung** daripada kempen "Cintailah Alam Sekitar".

董總 DONG ZONG

Contoh Penggunaan Imbuhan Sisipan Kata Adjektif:

Perasaan **gemuruh** terus menyelubungi kotak hati Mikael. Seorang demi seorang tetamu yang hadir dipandangnya dengan penuh teliti. Mata Mikael terus memerhatikan tetamu yang hadir. Dia ingin mencari seorang budak yang bersaiz **kemetot**. Nama budak itu Melvin. Melvinlah insan yang selalu menemani Mikael walaupun berlainan warna kulit dan agama. Dari jauh, kelihatan Melvin melambai-lambaikan tangannya ke arah Mikael. Mikael terus melemparkan senyumannya ke arah Melvin. Mikael memberanikan diri menaiki pentas yang dihiasi dengan lampu **kerlip** yang berwarna-warni. Selepas selesai sahaja membuat persembahan, bunyi **gerodak** dari dalam perut Mikael mulai kedengaran. Mikael segera berlari ke arah Melvin. "Jom, kita pergi makan!" ajak Mikael sambil melemparkan senyuman ke arah Melvin.

董總
DONG ZONG

5. SASTERA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami jalan cerita Surat dari Penjara dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan;
2. mengenal pasti tema, persoalan, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran dengan memberikan respons yang betul dan rasional.

5.1 Prosa Moden

Baca cerpen berikut dengan telitinya.

Surat dari Penjara

Anak-anakku,

Maafi abah. Abah tahu mungkin kamu semua tidak mahu memaafkan kesalahan abah tapi abah tetap ingin minta maaf daripada kalian semua. Abah sangat kesal atas dosa yang telah abah lakukan. Abah tidak salahkan sesiapa tetapi hanya menyalahkan diri sendiri. Sikap tamak abah telah menyebabkan abah buta mata, buta hati sehingga tidak sedar sudah terpesong jauh daripada landasan agama. Jangan ikut kesilapan besar abah lima tahun lepas.

董總

(Di pejabat)

"Encik, ambillah duit ini. Kita mudahkan kerja. Kita kongsikan kebaikan bersama."

"Maaf, saya tak boleh ambil duit ini."

"Tak apa, fikir baik-baik dulu. Esok saya belanja makan. Jumpa lagi."



(Di rumah)

“Rizal dapat tawaran belajar ke luar negara. Tapi dia tak nak sambung belajar sebab tiga orang adiknya masih belajar. Dia tak nak susahkan kita. Apatah daya kita bang?” isteri Azmi mengeluh.

(Di restoran mewah)

“Macam mana? Sedap tak makanan? Kalau suka saya boleh belanja lagi. Macam mana dengan tawaran saya semalam? Untuk menjadi kaya, kita harus berani merebut peluang. Dengan duit yang ada, banyak impian dapat dicapai.”

“Em…saya terima. Saya akan permudah urusan tuan.”

“Bagus! Saya akan kreditkan wang petang ini juga.”

Penerimaan wang untuk kali pertama itu telah membuatkan abah mula tamak. Sejak itu, abah tidak lagi keberatan untuk terus menerima habuan demi habuan sehingga lupa akan amanah yang perlu abah pikul. Wang yang disalurkan kepada abah semakin banyak apabila pangkat abah semakin tinggi. Tapi memang benar sebagaimana yang dikatakan oleh orang tua-tua, **sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua**. Kini, abah terpaksa berdepan dengan akibat daripada sikap tamak abah sendiri. Sudah hampir setengah tahun abah meringkuk di dalam penjara. Selama di sini, semakin abah melihat kejijikan dan kesilapan abah. Abah insaf dan berasa amat bersalah kepada keluarga. Abah malukan keluarga abah dengan perbuatan sendiri. Abah faham jika ibu kalian tidak rela menjenguk abah. Tapi abah tetap menguatkan semangat untuk menulis surat ini. Untuk kali terakhir, abah tinggalkan pesanan kepada kalian – jangan ulangi dosa abah lima tahun yang lepas. Maafi abah.

董總 DONG ZONG

Dengan setulus ikhlasnya

daripada seorang abah yang insaf



TEMA **5**

SAINS, TEKNOLOGI, DAN INOVASI

Peribahasa	Maksud
lubuk akal tepian ilmu	orang yang luas pengetahuan
rongkongan menghadap mudik	mudah mendapat rezeki



Bahan Rangsangan



Chen Hua, awak beli apa? Kecilnya alat ini!



Aku membeli kamera *vlog*. Aku hendak merakam pemandangan indah ketika bercuti nanti.

董總 DONG ZONG



UNIT 9 MASYARAKAT BOLEH

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenali format rencana;
2. membaca petikan jenis rencana (Bapa Pemacu Kilat USB Malaysia) secara mekanis dengan sebutan, intonasi, dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
3. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, dan maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

Bapa Pemacu Kilat USB Malaysia

Oleh: Melisa Tina

Tahukah anda bahawa Pua Khein-Seng juga dikenali sebagai Bapa Pemacu Kilat USB? Sebenarnya, pemacu kilat USB yang digunakan di seantero dunia pada hari ini merupakan hasil ciptaan anak watan Malaysia. Pua Khein-Seng merupakan **anak jati** Sekinchan, Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yoke Kuan dan meneruskan pelajaran di Sekolah Menengah Pin Hwa, Klang. Selepas tamat persekolahan, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Chiao Tung, Taiwan dalam jurusan **kejuruteraan** kawalan elektrikal. Selepas itu, beliau pulang ke tanah air dan bekerja di syarikat tempatan selama enam bulan.





Tidak lama kemudian, beliau kembali ke Taiwan dan menubuhkan Phison Electronics Corporation bersama-sama empat orang kawannya. Mereka yang dikatakan sebagai **lubuk akal tepian ilmu** ini telah berusaha untuk membuat revolusi dalam penyimpanan data dan pemindahan data di dalam komputer. Berkat daripada inovasi dan kreativiti mereka, mereka telah berjaya mencipta pemacu kilat USB yang pertama, iaitu sebuah peranti bersaiz kecil yang boleh dibawa ke mana-mana sahaja.

Pemacu Kilat USB telah menggantikan fungsi cakera padat (CD) dan disket yang banyak membawa **kelemahan** dari segi penyimpanan maklumat. Pua Khein-Seng dan kawan-kawannya bersemangat waja untuk mengembangkan teknologi cip bersepadu sehingga peringkat penghasilan produk dan menjadi **rakan kongsi** Toshiba dalam pemasaran ciptaan itu. Sejak pemacu kilat USB dilancarkan pada Jun 2001, jualannya begitu **laris** dan membawa keuntungan yang lumayan. Beliau turut membuka cawangan syarikat di tanah airnya walaupun sudah menetap di Taiwan.

董總 DONG ZONG

Natijahnya, ciptaan pemacu kilat telah banyak membawa manfaat kepada warga Malaysia dan juga negara-negara lain. Para pengguna komputer dapat memanfaatkan pemacu kilat USB dengan mudahnya. Lagipun, peranti ini boleh digunakan di mana-mana komputer atau komputer riba. Ciptaan beliau telah memudahkan proses penyimpanan data yang **berkapasiti** besar pada zaman teknologi maklumat. Contohnya, para pelajar boleh menyimpan **pembentangan** dan projek yang telah disiapkan dengan menggunakan pemacu kilat USB selepas menyiapkan tugasan mereka. Jelaslah bahawa, produk USB berjaya menggantikan disket dan CD berkat daripada kreativiti, inovasi, ketabahan, dan kegigihan Pua Khein-Seng.

Kosa Kata

1. **anak jati**: seseorang yang dilahirkan dan biasanya dibesarkan di sesuatu tempat (kampung, negeri) 在同一个地方（乡村，国家）出生与长大的人
2. **kejuruteraan**: kepandaian atau perbuatan mereka atau membuat jentera 工程
3. **kelemahan**: kekurangan 缺点
4. **rakan kongsi**: orang, pihak, syarikat dan sebagainya yang bersama-sama mengeluarkan modal, mengusahakan atau mengendalikan sesuatu perniagaan, perusahaan dan sebagainya 合伙人
5. **laris**: laku sekali 畅销
6. **berkapasiti**: berkemampuan untuk memuat sesuatu 容纳力
7. **pembentangan**: penerangan atau penghuraian 呈现

董總



2. Mendengar dan bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu



Dengar rakaman petikan tersebut dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

董總
DONG ZONG



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Perhatikan rajah di bawah, bincangkan langkah-langkah untuk mempromosikan produk buatan tempatan di dalam dan di luar negara. Kemudian, bentangkan hasil perbincangan tersebut di hadapan kelas.



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis rencana secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Rencana

- Karangan jenis ini membincangkan sesuatu tajuk yang menjadi isu semasa, sesuatu peristiwa, dan ketokohan seseorang.

Ciri-ciri Karangan Jenis Rencana

1. • ditulis untuk dimuatkan dalam majalah dan surat khabar
2. • tajuk dan nama penulis ditulis di bahagian atas karangan
3. • terdiri daripada tiga komponen, iaitu pendahuluan, isi, dan penutup
4. • mengemukakan pendapat atau cadangan, memaparkan data yang ditulis berdasarkan pemerhatian, pengalaman, dan pembacaan
5. • bahasa yang digunakan mesti mudah difahami, tepat, jelas dan gramatis

董總 DONG ZONG

3.1.1 Contoh Karangan Jenis Rencana

Anda diminta oleh guru untuk menulis rencana dalam majalah sekolah. Tajuk rencana anda ialah Manfaat Remaja Menguasai Ilmu Sains dan Teknologi.

Tajuk	**Manfaat Remaja Menguasai Ilmu Sains dan Teknologi**
Nama penulis	Oleh: Melisa Tina
Pendahuluan	Pada era globalisasi, sains dan teknologi amat penting dalam setiap aspek kehidupan masyarakat kita terutamanya golongan remaja. [**ayat rangsangan**] Dalam hal ini, golongan remaja yang merupakan generasi muda perlu menguasai bidang sains dan teknologi untuk membawa perubahan kepada tanah air agar negara lebih maju lagi. [**ayat rangsangan**] Sesungguhnya, penguasaan remaja dalam bidang sains dan teknologi banyak manfaatnya. [**ayat arahan – kata kunci soalan**]
Isi 1	Salah satu manfaat remaja menguasai ilmu sains dan teknologi ialah remaja yang mahir menggunakan aplikasi dan peranti teknologi dapat membantu mereka menangani pelbagai masalah dalam kehidupan seharian. [**ayat topik**] Hal ini dikatakan demikian kerana mereka yang mahir dalam penggunaan aplikasi untuk pembelajaran dan pendidikan akan mudah mengakses bahan pembelajaran interaktif yang lebih menarik. [**ayat huraian**] Contohnya, remaja dapat menyusun jadual pelajaran dan aktiviti pembelajaran dengan lebih berkesan dan menarik. [**ayat contoh**] Tegasnya, penguasaan remaja dalam ilmu sains dan teknologi telah menyenangkan mereka untuk melakukan tugas seharian. [**ayat penegas**]

Isi 2	Selain itu, remaja akan mudah mendapat peluang kerjaya yang lebih berkualiti dan berprestij selepas tamat pengajian di menara gading.[**ayat topik**] Hal ini bermakna remaja yang mahir dalam bidang tersebut akan memperoleh ganjaran yang baik dalam kerjaya mereka kelak.[**ayat huraian**] Contohnya, remaja yang mahir dalam bidang kejuruteraan mempunyai prospek kerjaya yang cerah selepas menamatkan pengajian mereka di universiti.[**ayat contoh**] Oleh itu, remaja yang mempunyai pengetahuan serta kemahiran sains dan teknologi yang kukuh dapat memperoleh kerjaya yang lebih baik kerana **rongkongan menghadap mudik**.[**ayat penegas**]
Isi 3	Seterusnya, remaja berpeluang untuk meneroka dan mengekspresikan kreativiti mereka apabila mereka berpengetahuan dalam ilmu sains dan teknologi.[**ayat topik**] Dengan pengetahuan tersebut, mereka dapat mencipta pelbagai produk melalui perisian kreatif yang tersedia.[**ayat huraian**] Kesannya, remaja yang memiliki pengetahuan ini teruja untuk menghasilkan inovasi baharu yang mampu memenuhi keperluan masyarakat.[**ayat kesan**] Oleh hal yang demikian, remaja yang menguasai ilmu sains dan teknologi dapat mencipta produk baharu tanpa bergantung pada bantuan negara lain seterusnya menyumbang kepada kemajuan dan kemandirian masyarakat.[**ayat penegas**]
Penutup	Kesimpulannya, penguasaan dalam bidang sains dan teknologi mendatangkan maslahat yang tidak ternilai kepada golongan remaja.[**ayat kesimpulan**] Lantaran itu, semua pihak terutamanya ibu bapa dan pihak sekolah perlu memberikan galakan yang sewajarnya kepada remaja untuk mendalami ilmu tersebut.[**ayat cadangan**] Kita berharap agar remaja yang kreatif dan inovatif dapat memberikan sumbangan demi pembangunan negara pada masa hadapan.[**ayat harapan**]

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti kesalahan kata bilangan dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. mengenal pasti kesalahan penggunaan penjodoh bilangan dengan betulnya dan tepat mengikut konteks.

4.1 Penggunaan Kata Bilangan

- Terdapat beberapa kesalahan penggunaan kata bilangan

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata bilangan tentu hendaklah diikuti oleh penjodoh bilangan sekiranya digunakan bersama-sama kata nama konkrit.	Dua burung merpati itu sedang mematuk sekoi.	Dua **ekor** burung merpati itu sedang mematuk sekoi.
2.	**Kata bilangan tentu** tidak boleh hadir berderetan dengan **kata bilangan pecahan**.	Linda Huda menunggu kawannya selama **tiga setengah jam** di hadapan pawagam.	Linda Huda menunggu kawannya selama **tiga jam setengah** di hadapan pawagam.
		"Harga sebungkus nasi ayam ini **sembilan setengah ringgit** sahaja," kata Surina kepada Yaris.	"Harga sebungkus nasi ayam ini **sembilan ringgit setengah** sahaja," kata Surina kepada Yaris.
3.	Apabila digunakan bersama-sama kata nama konkrit, kata bilangan tak tentu **tidak memerlukan** penjodoh bilangan **kecuali** **beberapa**.	Semua **orang** murid diminta berbaris di padang.	Semua murid diminta berbaris di padang.
		Beberapa bas sekolah sedang bertolak ke Melaka sekarang.	**Beberapa buah bas** sekolah sedang bertolak ke Melaka sekarang.

董總 DONG ZONG

4.	Kata bilangan tak tentu **para** tidak boleh digandakan kerana mengubah golongan dan maksud kata tersebut.	**Para-para** pelancong berpuas hati dengan suasana harmoni di Malaysia.	**Para** pelancong berpuas hati dengan suasana harmoni di Malaysia.
5.	Kata bilangan tak tentu **para** tidak boleh digunakan untuk merujuk sesiapa yang bertaraf sosial rendah.	**Para pencuri** telah diberkas oleh pihak polis kerana mencuri wang di kedai serbaneka.	**Semua pencuri** telah diberkas oleh pihak polis kerana mencuri wang di kedai serbaneka.
6.	Kata bilangan tak tentu **segala** tidak boleh digunakan untuk manusia.	**Segala** pelajar harus memakai pakaian sukan ketika bersenam.	**Semua** pelajar harus memakai pakaian sukan ketika bersenam.
7.	Kata bilangan pisahan **tiap-tiap** tidak boleh disingkatkan.	Pada **tiap** hari, adik saya bangun pada pukul enam pagi.	Pada **tiap-tiap** hari, adik saya bangun pada pukul enam pagi.
8.	Kata bilangan himpunan memerlukan penjodoh bilangan kecuali kata bilangan himpunan berakhiran ***–an*** seperti **puluhan**, **ratusan** dan **ribuan**.	**Berpuluh-puluh** ayam Pak Saidi telah dijual di pasar pagi.	**Berpuluh-puluh ekor** ayam Pak Saidi telah dijual di pasar pagi.
9.	Kata bilangan pecahan **setengah** tidak boleh disamaertikan dengan kata bilangan tak tentu **setengah-setengah** atau **sesetengah**.	**Setengah** remaja suka melayari laman sosial setiap hari.	**Sesetengah** remaja suka melayari laman sosial setiap hari. **ATAU** **Setengah -setengah** remaja suka melayari laman sosial setiap hari.

董總 DONG ZONG

10.	Kata bilangan tidak boleh diikuti dengan kata nama ganda yang bersifak jamak.	**Semua peserta-peserta** akan hadir di dewan sebelum pertandingan catur bermula.	**Semua peserta** akan hadir di dewan sebelum pertandingan catur bermula.
		Ketiga-tiga orang budak-budak sedang membersihkan bilik darjah.	**Ketiga-tiga orang budak** sedang membersihkan bilik darjah.
		Mak Limah menjual **berbagai-bagai kuih-muih** di pasar malam.	Mak Limah menjual **berbagai-bagai kuih** di pasar malam.
		Perhatian **Binaan frasa yang berikut semuanya betul kerana kata nama gandanya tidak bersifat jamak.** **Contoh:** Sesetengah kanak-kanak Beberapa ekor kura-kura Beratus-ratus ekor rama-rama Semua biri-biri Segala undang-undang	

董總 DONG ZONG

4.2 Penggunaan Penjodoh Bilangan

- Terdapat beberapa kesalahan penggunaan penjodoh bilangan.

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	**Angkatan** digunakan untuk kumpulan manusia seperti kapal perang atau tentera.	Se**gerombolan** tentera diarahkan berkawal di sempadan negara bagi menghalang pencerobohan pendatang asing ke negara.	Se**angkatan** tentera diarahkan berkawal di sempadan negara bagi menghalang pencerobohan pendatang asing ke negara.
2.	**Batang** digunakan untuk benda yang panjang.	Dia duduk di tepi se**buah** sungai.	Dia duduk di tepi se**batang** sungai.

3.	**Bidang** digunakan untuk benda yang luas dan terbentang.	Di ruang tamu rumahnya terbentang se**helai** permaidani yang sungguh cantik.	Di ruang tamu rumahnya terbentang se**bidang** permaidani yang sungguh cantik.
4.	**Buku** digunakan untuk benda yang berbongkah.	Emak membeli se**butir** benang dari kedai Pak Abu.	Emak membeli se**buku** benang dari kedai Pak Abu.
5.	**Butir** digunakan untuk benda yang bulat atau kecil.	Emak membeli beberapa **utas** mutiara dari kedai itu.	Emak membeli beberapa **butir** mutiara dari kedai itu.
6.	**Bungkus** digunakan untuk benda yang dibungkus.	Harga se**suap** nasi lemak itu ialah RM2.00.	Harga se**bungkus** nasi lemak itu ialah RM2.00.
7.	**Cucuk** digunakan untuk benda yang dicucuk.	Ayah telah membeli lima puluh **batang** sate untuk kami sekeluarga.	Ayah telah membeli lima puluh **cucuk** sate untuk kami sekeluarga.
8.	**Deret** digunakan untuk bangunan yang berderet dan bersambung antara satu dengan lain.	Dua **pangsa** kedai musnah dalam kebakaran petang semalam.	Dua **deret** kedai musnah dalam kebakaran petang semalam.
9.	**Gerombolan** digunakan untuk sekumpulan manusia jahat.	Se**gerombolan** polis sedang menjalani latihan kawad kaki.	Se**gerombolan** pengganas telah ditawan oleh pasukan keselamatan.
10.	**Kaki** digunakan untuk benda yang berkaki atau bertangkai.	Mila menggunakan se**batang** payung untuk berjalan dalam hujan.	Mila menggunakan se**kaki** payung untuk berjalan dalam hujan.
11.	**Kawan** digunakan untuk sekumpulan binatang.	Se**kumpulan** lembu sedang meragut rumput di padang.	Se**kawan** lembu sedang meragut rumput di padang.
12.	**Rumpun** digunakan untuk tumbuhan yang tumbuh berkelompok.	Pak Husin menanam beberapa **batang** serai di kebun sayurnya.	Pak Husin menanam beberapa **rumpun** serai di kebun sayurnya.

DONG ZONG

5. SASTERA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami Syair Sains dan Teknologi berdasarkan maksud yang dibaca.

5.1 Puisi Tradisional

Baca syair berikut dengan telitinya.

Sains dan Teknologi

Atas pemberian Yang Maha Esa,
Cahaya mentari menyapa muka,
Sumber tenaga flora dan fauna,
Umat sejagat hidup bahagia.

Hidup kayu biar berbuah,
Hidup manusia biar berjasa,
Aplikasi sains kian membudaya,
Kehidupan manusia kian sejahtera.

Era pendigitalan kini menerpa,
Merubah minda dan cara kerja,
Andai culas ketinggalanlah kita,
Kecerdasan buatan pengganti kita.


Makin pesat inovasi menjelma,
Makin banyak insan terperdaya,
Hemah dan hemat pegangan kita,
Selamat netizen di alam maya.

Komunikasi sedunia tiada sempadan,
Media sosial menjadi keperluan,
Maklumat tular meluas sebaran,
Fitnah dan khianat terus berpanjangan.

Teo Wei Sing



Rangkap	Maksud
Atas pemberian Yang Maha Esa, Cahaya mentari menyapa muka, Sumber tenaga flora dan fauna, Umat sejagat hidup bahagia.	Rangkap ini menggambarkan rasa syukur atas anugerah Tuhan yang memberikan sinar matahari untuk menyinari muka bumi. Cahaya matahari menjadi sumber tenaga kepada tumbuh-tumbuhan dan juga haiwan, sekali gus memberikan manfaat kepada seluruh umat manusia kerana dapat hidup dalam kebahagiaan.
Hidup kayu biar berbuah, Hidup manusia biar berjasa, Aplikasi sains kian membudaya, Kehidupan manusia kian sejahtera.	Penulis mengingatkan bahawa kehidupan yang baik seharusnya memberikan manfaat kepada orang lain, seperti pepatah "hidup kayu biar berbuah, hidup manusia biar berjasa." Dengan penerapan ilmu sains yang semakin membudaya dalam masyarakat, taraf hidup manusia juga semakin meningkat dan kemajuan ini membawa kesejahteraan.



Era pendigitalan kini menerpa, Merubah minda dan cara kerja, Andai culas ketinggalanlah kita, Kecerdasan buatan pengganti kita.	Rangkap ini menyatakan bahawa era pendigitalan pada masa ini telah mengubah cara berfikir dan bekerja manusia. Jika kita malas atau tidak mengikuti perkembangan ini, kita akan ketinggalan. Penggunaan kecerdasan buatan yang semakin meluas juga berpotensi mengambil alih peranan manusia dalam pelbagai bidang.
Makin pesat inovasi menjelma, Makin banyak insan terperdaya, Hemah dan hemat pegangan kita, Selamat netizen di alam maya.	Inovasi yang berkembang pesat turut membawa risiko seseorang tertipu atau terperdaya oleh kemajuan teknologi. Oleh itu, sikap berhati-hati dan berhemat perlu menjadi pegangan agar para pengguna Internet (netizen) selamat ketika berada di alam maya.
Komunikasi sedunia tiada sempadan, Media sosial menjadi keperluan, Maklumat tular meluas sebaran, Fitnah dan khianat terus berpanjangan.	Komunikasi global tidak lagi mempunyai batasan dengan adanya media sosial yang menjadi keperluan harian. Namun, maklumat yang mudah tersebar juga menyebabkan fitnah dan pengkhianatan berterusan yang boleh merosakkan keharmonian masyarakat.

董總 DONG ZONG






Peribahasa	Maksud
seperti jentayu menantikan hujan	orang yang rindu sangat akan seseorang
kain basah kering di pinggang	sangat miskin



Bahan Rangsangan



UNIT 10

SINAR BAHARU HIDUPMU

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan jenis fakta (Manfaat Inovasi Teknologi 5G) secara mekanis dengan sebutan, intonasi, dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

董總 DONG ZONG

Manfaat Inovasi Teknologi 5G

Kini, negara kita menuju ke arah teknologi generasi kelima (5G) dalam **evolusi** rangkaian selular. Rangkaian teknologi ini menawarkan kelajuan tinggi yang banyak manfaatnya kepada masyarakat dan negara.



Salah satu kelebihan utama teknologi 5G ialah teknologi ini berpaksikan kelajuan muat turun yang lebih tinggi **ketimbang** teknologi 1G, 2G, 3G, dan 4G. Kepantasan tersebut mampu mencapai beberapa gigabit setiap saat. Pada masa yang sama, seseorang yang menggunakan aplikasi dan bermain permainan dalam talian memerlukan data yang intensif dan kelajuan Wi-fi. Contohnya, pemain e-sukan memerlukan kepantasan Wi-fi yang tinggi untuk bermain sukan elektronik tanpa **gangguan** supaya permainan e-sukan tidak **tergendala**. Dengan adanya teknologi 5G, seseorang dapat menggunakan pelbagai aplikasi dan bermain permainan elektronik dengan lebih lancar.

Selain itu, dari segi pendidikan, teknologi 5G dapat membuka peluang dan kaedah untuk memajukan pendidikan di Malaysia. Penciptaan teknologi 5G sudah tentu dapat memperluas aksesibiliti pendidikan tanpa sebarang halangan. Dengan adanya kapasiti jaringan yang lebih besar, semua kawasan khususnya kawasan pedalaman dapat menikmati akses Internet yang lebih laju dan stabil. Pada masa yang sama, tenaga pengajar dapat mencipta sistem pengajaran yang lebih **interaktif** dan mendalam. Sebagai contoh, penggunaan kecerdasan buatan (AI), teknologi realiti terimbuh (AR) dan realiti maya (VR) dapat menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan membantu para pelajar memahami konsep dengan lebih bermakna dan berkesan. Tegasnya, kaedah pembelajaran moden akan menarik minat pelajar-pelajar semasa pembelajaran di dalam kelas.

董總 DONG ZONG



Seterusnya, teknologi 5G juga membuka peluang untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang lebih canggih dan inovatif. Kelajuan tinggi ditawarkan oleh teknologi 5G membolehkan rekod kesihatan para pesakit diakses dengan lebih cepat dan tepat. Selain itu, teknologi 5G turut **merangsang** penggunaan *Internet of Things* (IoT) dengan membantu pesakit mengenal pasti gejala, memantau kesihatan, dan menghantar notifikasi kecemasan secara jarak jauh. Oleh hal yang demikian, teknologi 5G dapat menangani data pesakit yang banyak dengan kelajuan tinggi menerusi pembangunan aplikasi kesihatan yang lebih inovatif lantas mempermudah proses rawatan.

Kesimpulannya, teknologi 5G mempunyai **potensi** yang besar untuk memajukan pelbagai sektor di Malaysia. Lantaran itu, kelebihan teknologi ini sudah pasti membuka ruang kepada era baharu yang dilengkapi kemudahan moden dan canggih. Namun begitu, cabaran untuk memantapkan sistem teknologi 5G harus diatasi oleh pelbagai pihak untuk memastikan rakyat Malaysia menikmati akses Internet yang lebih stabil dan luas liputannya.



Kosa Kata

1. **evolusi**: perkembangan secara beransur-ansur, terutamanya pada bentuk yang lebih kompleks 进化；演化
2. **ketimbang**: kata sendi nama yang bersinonim dengan "daripada" 相比之下 (介词)
3. **gangguan**: halangan 阻碍；阻碍物
4. **tergendala**: terhalang 工作等 (受阻的 ； 受挫的)
5. **interaktif**: membolehkan pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara komputer dengan pengguna melalui komputer 相互作用
6. **merangsang**: menimbulkan sesuatu perkembangan 刺激
7. **potensi**: kekuatan 潜能，潜力

2. MENDENGAR DAN BERTUTUR

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman e-mel daripada Lisa kepada Tina dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

董總
DONG ZONG



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Berdasarkan maklumat yang disediakan, bincangkan soalan yang berikut dan bentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.



Kebaikan dan keburukan penggunaan gajet dalam kalangan pelajar

Kesan gajet kepada anak-anak



董總 DONG ZONG



Sisi positif penggunaan gajet, beri peluang pelajar teroka konsep baharu PdP

1. Apakah kesan-kesan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak?
2. Nyatakan kesan baik gajet terhadap remaja.



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. merumus bahan grafik jenis gambar rajah dengan mengolah maklumat yang berkaitan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menulis rumusan lengkap secara terancang dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks.

3.1 Rumusan Jenis Gambar Rajah

- Perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat, dan penutup ditulis dalam perenggan yang berbeza.

Contoh:

*Berdasarkan gambar rajah di bawah, tulis satu rumusan tentang **kemaslahatan penggunaan peranti elektronik kepada pelajar-pelajar**. Panjangnya rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**.*

董總 DONG ZONG



Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	Gambar rajah menunjukkan kemaslahatan penggunaan peranti elektronik kepada pelajar-pelajar.	• perenggan pendahuluan berdasarkan arahan soalan dan tajuk bahan yang diberikan • perenggan pendahuluan ditulis dalam satu ayat sahaja
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Kemaslahatan penggunaan peranti elektronik kepada pelajar-pelajar ialah urusan pembelajaran semakin mudah. Selain itu, pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran teknologi. Seterusnya, pelajar-pelajar dapat melakukan tugasan sekolah secara interaktif. Di samping itu, pelajar-pelajar boleh menggunakan peranti elektronik untuk mendapat rujukan tambahan digital.	• maklumat diambil daripada gambar rajah • tulis dalam ayat yang lengkap
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Kemaslahatan yang lain ialah pelajar-pelajar dapat menggunakan peranti elektronik untuk membentangkan projek dengan lebih kreatif. Pelajar-pelajar juga dapat memperoleh bahan-bahan pembelajaran digital secara percuma tanpa membeli buku rujukan.	• tulis dua isi tersirat yang terdiri daripada contoh yang berkaitan dengan isi tersurat, kemaslahatan lain, kesan negatif, langkah untuk menggalakkan penggunaan peranti elektronik dan apa-apa sahaja yang relevan
Perenggan keempat (Penutup)	Kesimpulannya, pelajar-pelajar harus memanfaatkan peranti elektronik agar dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. (xxx patah perkataan)	• perenggan penutup ditulis dalam satu ayat • menyatakan cadangan atau harapan dalam satu ayat

董總 DONG ZONG

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menggunakan simpulan bahasa dengan betul dan tepat mengikut konteks.

4.1 Simpulan Bahasa

- Simpulan bahasa merupakan jenis peribahasa yang paling mudah dan ringkas.
- Biasanya, simpulan bahasa terdiri daripada dua patah kata.

No	Simpulan Bahasa	Maksud	Contoh Ayat
1.	**ajak-ajak ayam**	mempelawa seseorang secara tidak bersungguh-sungguh	Aiman tidak mahu mengikut kawannya berjoging di taman kerana kawannya hanya **ajak-ajak ayam**.
2.	**alas perut**	makanan yang dimakan sedikit sekadar menghilangkan lapar	Jia Chee makan dua keping biskut sebagai **alas perut** sebelum ke sekolah.
3.	**banyak mulut**	banyak cakap	Mak Cik Halijah **banyak mulut** sehingga pening kepala ibu saya mendengarnya.
4.	**bekas tangan**	barang yang dibuat oleh seseorang atau sesuatu pihak	Tikar mengkuang yang cantik itu merupakan **bekas tangan** nenek Shila.
5.	**cakar ayam**	amat buruk atau sukar untuk dibaca	Cikgu Tan memarahi Lisa kerana tulisannya sukar dibaca seperti **cakar ayam**.
6.	**cepat tangan**	suka mencuri	"Halim, jangan berperangai **cepat tangan** ketika berada di mana-mana sahaja," pesan Mak Limah.

董總 DONG ZONG

7.	**dalam tangan**	dalam kekuasaan, kemampuan atau milik seseorang	Peluang untuk menjuarai Kejohanan Bola Sepak Piala Emas Tahun 2026 sudah **dalam tangan** Sekolah Menengah Bestari apabila pasukannya berjaya mara ke peringkat akhir malam tadi.
8.	**darah daging**	saudara-mara atau ahli keluarga sendiri	**Darah daging** Puan Hanisa telah berjaya menjadi pelakon yang terkenal di Indonesia.
9.	**ekor mata**	bahagian atau sudut paling kiri pada mata kiri atau paling kanan pada mata kanan	Guru disiplin itu memandang beberapa orang pelajar lelaki yang nakal itu dengan **ekor mata** yang tajam.
10.	**fajar menyingsing**	fajar (matahari) yang mulai terbit	Sebelum **fajar menyingsing**, Pak Yusuf sudah bangun untuk pergi ke kebun.
11.	**gaji buta**	gaji yang diterima tanpa bekerja dengan bersungguh-sungguh	Pekerja yang makan **gaji buta** itu telah dibuang kerja oleh majikannya.
12.	**gila bahasa**	tidak berfikir panjang ketika melakukan sesuatu	Orang yang berperangai **gila bahasa** itu tertawa sendirian tanpa henti.
13.	**halwa telinga**	sesuatu seperti muzik, nyanyian atau qasidah yang menyedapkan atau menyenangkan pendengaran	Apabila Surinah bersendiri di rumah, lagu sentimental dimainkan supaya menjadi **halwa telinga** untuk menenangkan jiwanya.
14.	**hidung tinggi**	orang yang sombong	Hamidah yang **hidung tinggi** itu tidak mempunyai kawan di sekolah.
15.	**ibu pertiwi**	tanah tempat kelahiran	Rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara masih mencintai **ibu pertiwi** mereka.

16.	**ikat perut**	mengurangkan makan kerana kemiskinan	Sarah terpaksa **ikat perut** kerana ibunya sering sakit dan tidak dapat bekerja sebagai pembantu rumah.
17.	**jalan buntu**	sesuatu yang tiada penyelesaian	Pihak polis menemui **jalan buntu** untuk menyelesaikan kes pembunuhan itu apabila gagal memperoleh bukti yang kukuh untuk mensabitkan penjenayah yang disyaki itu.
18.	**jejak langkah**	mencontohi	Ramesh mengikut **jejak langkah** ayahnya untuk menjadi seorang peguam.
19.	**kacang hantu**	orang jahat	Pemuda-pemuda yang dikatakan sebagai **kacang hantu** itu sedang merempit di jalan raya itu.
20.	**kecil hati**	berasa tersinggung	Hui Ling berasa **kecil hati** dengan kata-kata sindiran Yenn Li tadi.
21.	**kera sumbang**	tidak suka bergaul dengan orang lain	Budak lelaki yang **kera sumbang** tidak gemar bermain bola dengan rakan-rakan sebaya.
22.	**langkah kanan**	bernasib baik	Marina begitu **langkah kanan** kerana dapat bertemu dengan pengarang yang terkenal di pesta buku itu.
23.	**lidah bercabang**	seseorang yang tidak boleh dipercayai tutur katanya kerana selalu berubah-ubah	Rafiq tidak mempercayai Marlia yang **lidah bercabang** kerana dia selalu tidak menepati janji.

董總 DONG ZONG

24.	**mabuk laut**	pening dan muntah semasa belayar	Anak Puan Aishah **mabuk laut** semasa menaiki feri ke Pulau Langkawi.
25.	**menara gading**	universiti	Abang berjaya melanjutkan pelajaran ke **menara gading** yang tersohor di Australia.
26.	**naik angin**	terlalu marah	Kavita **naik angin** kerana adik bongsunya menconteng buku latihan sekolahnya.
27.	**nyawa-nyawa ikan**	hampir mati	Mangsa kemalangan itu dalam keadaan **nyawa-nyawa ikan** semasa dibawa ke hospital.
28.	**orang berada**	orang yang berharta	Bapa saudara Rajen yang berasal daripada keluarga **orang berada** sering membantu keluarga miskin.
29.	**otak cair**	pandai	Pelajar yang **otak cair** itu mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.
30.	**paku belanda**	harga tetap	Pelanggan tidak boleh tawar-menawar kerana harga semua barang yang dijual di gerai itu **paku belanda**.
31.	**patah hati**	kecewa	Ramli tidak **patah hati** walaupun dia kalah dalam perlawanan badminton.
32.	**rabun ayam**	tidak dapat melihat dengan jelas ketika gelap atau pada waktu malam	Bapa saya tidak lagi memandu kereta pada waktu malam kerana dia **rabun ayam**.
33.	**ringan tangan**	suka menolong	Encik Tan sangat disenangi oleh masyarakat kerana dia **ringan tangan**.

董總 DONG ZONG

34.	**sagu hati**	ganjaran sebagai penghargaan atas jasa seseorang	Encik Kamal memberikan **sagu hati** kepada Ranjit yang bertindak jujur memulangkan dompetnya yang tercicir itu.
35.	**sehelai sepinggang**	dengan pakaian yang ada pada tubuh sahaja, iaitu tanpa wang atau harta lain	Keluarga Zhen Yang tinggal **sehelai sepinggang** sahaja setelah rumah mereka terbakar.
36.	**tangan kosong**	tidak memperoleh apa-apa hasil daripada perburuan, pertandingan dan sebagainya	Husin pulang dengan **tangan kosong** apabila dia gagal memperoleh sebarang pingat dalam pertandingan itu.
37.	**tangkai jering**	orang yang kedekut	Jutawan yang **tangkai jering** itu enggan memberikan sumbangan kepada penduduk kampung yang miskin.
38.	**ubat jerih**	sesuatu yang diterima oleh seseorang atas penat lelahnya	Setelah Lavita kematian suaminya, dia terpaksa melakukan beberapa kerja sambilan untuk memperoleh **ubat jerih** agar dapat meneruskan kehidupannya.
39.	**untung batu**	nasib yang buruk	Nordin ditimpa **untung batu** kerana menjadi mangsa penipuan skim cepat kaya.
40.	**wang hantaran**	wang yang diberikan kepada pengantin perempuan	Pengantin lelaki memberikan **wang hantaran** perkahwinan berjumlah RM5000 kepada pengantin perempuan.

董總 DONG ZONG

Contoh Penggunaan Simpulan Bahasa:

Wai Wai yang **ringan tulang** selalu membantu ibu bapa bersawah selepas waktu sekolah. Tiap-tiap pagi, dia hanya makan ubi keledek sebagai **alas perut**. Ibunya juga menganyam tikar dan bakul untuk dijual di bandar bagi mendapatkan **ubat jerih** kerana kehidupan keluarga mereka seperti **kain basah kering di pinggang**.

Dia rajin mengulang kaji pelajaran setiap hari. Oleh sebab dia **otak cair**, dia selalu mendapat keputusan peperiksaan yang baik. Dia bukan seorang yang **kera sumbang** sebaliknya suka bergaul dengan rakan-rakan di sekolahnya. Oleh kegigihannya dalam pelajaran, dia telah memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan awam. Dia dikatakan mendapat **langkah kanan** kerana berjaya mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke **menara gading**. Dia mengambil jurusan kejuruteraan di menara gading.

Setelah beberapa tahun, dia telah tamat pengajiannya. Dia ingin berkecimpung dalam dunia keusahawanan. Dia dan rakan karibnya, Helmi bekerjasama untuk mencipta telefon pintar yang beroperasi menerusi suara manusia tanpa sentuhan pada skrin. Kendatipun mereka hampir menemui **jalan buntu**, mereka tidak pernah **patah hati** malah berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi. Akhirnya, kejayaan **dalam tangan** mereka apabila hasil ciptaan mereka berjaya mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. memahami Sajak Teknologi Telekomunikasi dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Puisi Moden

Baca sajak berikut dengan telitinya.

Teknologi Telekomunikasi

Komunikasi dunia kian ligat berputar
daripada teknologi analog
kepada teknologi digital
hanya dengan hujung jari
segala-galanya dalam tangan.

Namun
adakah warga insan masih puas hati?
Masih dahaga akan ciptaan yang lebih canggih?
Jauhari mula mereka cipta teknologi sentuhan.

Tapi
warga pedalaman masih ketinggalan
tiada rangkaian meluas
mencari akal
panjat pohon melangit
ke puncak bukit.





Kini
Inovasi 5G kita langkahi
setiap pelosok daerah disinari
air muka warga desa berseri-seri
isu capaian kita tangani
bisa kita berinteraksi
pelbagai aplikasi
informasi terkini.

Oh, ya evolusi budaya
interaksi maya sesama insan
duduk, makan, tidur
diribanya gajet bagaikan anak emas
tak terpisah.

Rindui insan tersayang
panggilan video pengubatnya
tanpa mengira masa, tempat
kini insan makin rasai
dunia kian kecil.

Tina Tin Lee Hong

董總
DONG ZONG

Rangkap	Maksud
Komunikasi dunia kian ligat berputar daripada teknologi analog kepada teknologi digital hanya dengan hujung jari segala-galanya dalam tangan.	Kemajuan di dunia ini semakin pesat. Teknologi analog telah bertukar kepada teknologi digital. Kini, segala-galanya hanya menggunakan hujung jari untuk berkomunikasi.
Namun adakah warga insan masih puas hati? Masih dahaga akan ciptaan yang lebih canggih? Jauhari mula mereka cipta teknologi sentuhan	Namun demikian, perkara yang dipersoalkan ialah sama ada warga insan masih berpuas hati dengan perubahan teknologi komunikasi atau semakin dahaga akan ciptaan yang lebih canggih lagi. Jadi, pereka yang bijak telah mula mereka cipta teknologi sentuhan.
Tapi warga pedalaman masih ketinggalan tiada rangkaian meluas mencari akal panjat pohon melangit ke puncak bukit.	Akan tetapi, masih ada warga desa yang tinggal jauh di kawasan pedalaman tidak mempunyai rangkaian Internet yang meluas. Mereka telah mencari jalan dengan memanjat pokok yang tinggi dan mendaki ke puncak bukit untuk mendapatkan akses talian Internet.

董總 DONG ZONG





Kini Inovasi 5G kita langkahi setiap pelosok daerah disinari air muka warga desa berseri-seri isu capaian kita tangani bisa kita berinteraksi pelbagai aplikasi informasi terkini.	Kini, negara kita sudah memasuki inovasi teknologi 5G. Teknologi ini telah meliputi setiap pelosok daerah. Jadi, warga desa berasa riang kerana masalah capaian Internet telah diatasi. Kita boleh berinteraksi dengan sesiapa sahaja tanpa halangan dengan menggunakan pelbagai aplikasi untuk memperoleh maklumat terkini.
Oh, ya evolusi budaya interaksi maya sesama insan duduk, makan, tidur diribanya gajet bagaikan anak emas tak terpisah.	Sebagai natijah daripada evolusi budaya, interaksi melalui alam maya sesama insan dapat dilakukan pada bila-bila sahaja. Insan kini menganggap gajet merupakan barang keperluan yang tidak dapat dipisahkan daripada segala urusan mereka.
Rindui insan tersayang panggilan video pengubatnya tanpa mengira masa, tempat kini insan makin rasai dunia kian kecil.	Insan akan menggunakan panggilan video untuk menghubungi ahli keluarga yang dirindui dan tersayang tanpa mengira masa dan tempat. Kini, insan kian merasai dunia semakin kecil.

董總 DONG ZONG

TEMA 6

PERSPEKTIF GLOBAL DAN PELESTARIAN ALAM

Peribahasa	Maksud
terendam sama basah, terampil sama kering	sama-sama mahu mengerjakan sesuatu pekerjaan, baik yang ringan mahupun yang berat
serampang dua mata	sesuatu dasar atau program yang mempunyai dua matlamat

董總 DONG ZONG

Bahan Rangsangan

Kepentingan penjagaan alam sekitar harus disedari oleh semua pihak.

Betul. Kerajaan harus memastikan pembangunan lestari dijalankan secara berterusan supaya alam sekitar yang bersih dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

↰ Kelestarian alam sekitar



UNIT 11

PEMBANGUNAN LESTARI

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenali format laporan;
2. membaca petikan jenis laporan (Laporan Aktiviti Kelestarian Alam Taman Megah) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
3. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan berikut dengan telitinya.

董總 DONG ZONG

Laporan Aktiviti Kelestarian Alam Taman Megah

Persatuan Penduduk Taman Megah telah mengadakan beberapa aktiviti yang **bertemakan** kelestarian alam. Satu daripada aktiviti utama yang juga merupakan aktiviti tahunan ialah aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan perumahan. Untuk menggalakkan **pelibatan** penduduk yang lebih banyak, aktiviti gotong-royong ini telah dijalankan pada hujung minggu, iaitu pada 14 Mac 2026, hari Sabtu. Pihak persatuan telah menyediakan peralatan seperti penyapu lidi, penyodok longkang, alat pengutip sampah, sarung tangan kain dan beg plastik sampah kepada para penduduk pada pagi itu. Aktiviti gotong-royong ini bukan sahaja telah berjaya membersihkan persekitaran di kawasan perumahan, malah telah mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

Selain itu, pihak persatuan juga telah menjalankan aktiviti untuk memperkebuni kawasan lapang yang terbiar berdekatan dengan taman permainan kanak-kanak untuk dijadikan tapak penanaman sayur seiring dengan konsep pertanian bandar. Aktiviti ini



telah dijalankan selama dua bulan, iaitu dari bulan Jun hingga Julai tahun ini. Antara tanaman yang diusahakan oleh penduduk adalah seperti kangkung, kacang panjang, cili, serai dan daun pandan. Penduduk yang berminat untuk **mendaftarkan** diri dalam aktiviti perkebunan ini telah berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan objektif pertanian bandar ini. Berkat daripada aktiviti ini, bukan sahaja penduduk di Taman Megah dapat menuai hasil tanaman untuk kegunaan sendiri malah semangat kekitaan telah disemarakkan dalam kalangan penduduk. Di samping sayur-sayuran, penanaman pokok bunga secara terancang juga dijalankan untuk **menceriakan** persekitaran kawasan perumahan. Pokok-pokok bunga seperti pokok bunga raya ditanam di sepanjang pagar berdekatan dengan kawasan parkir kenderaan pelawat.

董總 DONG ZONG

Dalam usaha untuk menyahut matlamat memanfaatkan penggunaan teknologi yang mesra alam, pihak persatuan juga telah meminta kerjasama wakil rakyat untuk meluluskan permohonan pemasangan lampu solar pada tiang elektrik di taman permainan dan di jalan raya sekitar kawasan perumahan. Penggunaan tenaga solar ini bukan sahaja dapat mengurangkan kos **pengendalian** tetapi yang penting lebih mesra alam kerana penggunaan tenaga **suria** sejajar dengan pengaplikasian teknologi hijau.

Untuk memastikan semua aktiviti tersebut berjaya mencapai matlamatnya, pihak persatuan sentiasa menggalakkan setiap penghuni di Taman Megah agar menanamkan sikap bekerjasama umpama peribahasa **terendam sama basah, terampil sama kering**. Pihak pengurusan Persatuan Penduduk Taman Megah menaruh harapan yang tinggi agar aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dapat mewujudkan satu suasana kehidupan yang

mesra alam. Aktiviti sebegini juga diharapkan dapat mewujudkan kesedaran kepada para penduduk terutama generasi muda tentang kepentingan gaya hidup hijau dan pembangunan lestari supaya anugerah Tuhan ini dapat dipelihara dan dipulihara sepanjang masa.

Laporan disediakan oleh, 13 Oktober 2026.

Rahimah

(RAHIMAH BINTI YUSOF)

Setiausaha,

Persatuan Penduduk Taman Megah.



Kosa Kata

1. **bertemakan**: berdasarkan sesuatu sebagai perkara utama 以。。。。。。为主题
2. **pelibatan**: perihal melibatkan diri 参与
3. **mendaftarkan**: mengambil bahagian 登记
4. **menceriakan**: membersihkan dan mencantikkan 使明净，美化
5. **pengendalian**: perihal mengurus (pengurusan) 管理
6. **suria**: matahari 太阳



2. Mendengar dan bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman Laporan Kelab Pencinta Alam Sekolah Menengah Meng Chung. Kemudian, jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Seiring dengan kesedaran tentang kepentingan pembangunan berteraskan kelestarian alam, pelbagai teknologi mesra alam telah dicipta. Cari maklumat tentang kelebihan ciptaan teknologi yang dapat menyumbang ke arah pelestarian alam. Kemudian, bentangkan hasil dapatan di depan kelas.

董總
DONG ZONG

	
Gyro board	*Contour gyroscooter*
	
Kereta elektrik	Lampu LED



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis laporan secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Laporan

- Karangan jenis ini bertujuan untuk melaporkan sesuatu aktiviti atau peristiwa.

3.1.1 Contoh Karangan Jenis Laporan

Baru-baru ini, Kelab Pencinta Alam Sekolah Menengah Taman Jaya telah menganjurkan Pameran Sistem Pengangkutan Pintar. Selaku setiausaha kelab tersebut, tulis sebuah laporan tentang pameran tersebut.

董總 DONG ZONG

Tajuk	**Laporan Pameran Sistem Pengangkutan Pintar** **Sekolah Menengah Taman Jaya**
Pendahuluan	Kelab Pencinta Alam, Sekolah Menengah Taman Jaya telah menganjurkan Pameran Sistem Pengangkutan Pintar di dewan sekolah baru-baru ini. Pameran yang diadakan pada 10 Oktober 20□□ ini telah berjaya menarik perhatian warga sekolah di samping golongan ibu bapa yang turut hadir untuk memeriahkan suasana.
Isi 1	Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan warga sekolah tentang sistem pengangkutan pintar sejajar dengan pelaksanaan bandar pintar yang merupakan inti pati utama usaha kerajaan ke arah pembangunan mampan dan lestari. Selain itu, aktiviti yang diadakan juga bertujuan untuk memupuk nilai-nilai sejagat seperti nilai sayang akan alam sekitar dan nilai tanggungjawab.

Isi 2	Pelbagai informasi yang berguna telah disampaikan oleh Kelab Pencinta Alam dan Kelab Komputer melalui media sosial. Aktiviti yang mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelajar-pelajar sekolah ini termasuklah Kembara Sistem Pengangkutan Pintar yang menumpukan manfaat kenderaan hijau. Dalam aktiviti ini, pelajar-pelajar dapat memahami kepentingan kenderaan hijau termasuklah mewujudkan persekitaran yang selesa di samping mengekalkan alam sekitar yang bersih, hijau dan menyegarkan.
Isi 3	Selain itu, pelajar-pelajar juga dapat menonton rakaman wawancara tentang ciri-ciri utama bandar pintar dan lestari. Dalam wawancara tersebut, pelajar didedahkan dengan penggunaan teknologi digital dalam usaha merealisasikan bandar pintar dan lestari. Antara contohnya termasuklah penggunaan peranti dan penderia pintar "*smart sensors and devices*" yang dapat berkomunikasi dan memberikan maklumat kepada masyarakat agar kualiti kehidupan manusia dapat ditingkatkan.
Penutup	Pameran ini tamat pada pukul 1:00 tengah hari. Warga sekolah terutamanya para pelajar cukup berpuas hati dengan pameran yang diadakan. Mereka menimba pengalaman yang cukup banyak dan bermanfaat. Ibu bapa turut memuji usaha pihak kelab yang bijak mengurus pameran dan berharap agar pameran seumpama ini akan diadakan lagi pada masa akan datang. Laporan disediakan oleh, 12 Oktober 20□□. MICHAEL WONG (MICHAEL WONG) Setiausaha, Kelab Pencinta Alam, Sekolah Menengah Taman Jaya.


4. Tatabahasa


Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menggunakan kata hampir sama makna dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. menggunakan kata yang tepat mengikut konteks.

4.1 Kata Hampir Sama Makna

- Kata hampir sama makna ialah perkataan yang mempunyai makna atau maksud yang hampir sama.
- Oleh itu, kesalahan umum kata hampir sama makna perlu dikenal pasti dan dibetulkan.



No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	a. **menyeberangi**: pergi ke sebelah sana (sungai, jalan dan sebagainya)  b. **melalui:** menggunakan jalan, lorong dan sebagainya untuk ke sesuatu tempat 	Puan Halimah menasihati Asraf agar sentiasa berhati-hati ketika **menyeberangi** lorong yang sunyi itu.	Puan Halimah menasihati Asraf agar sentiasa berhati-hati ketika **melalui** lorong yang sunyi itu.

2.	a. **mendukung**: membawa kanak-kanak kecil sama ada ia bercelapak pada pinggang atau dengan menyokong punggung kanak-kanak itu dengan sebelah tangan dan sebelah tangan lagi diletak di bawah ketiaknya  b. **memapah**: membantu orang bangun atau berjalan dengan memegang atau menopang tangannya 	Lee Yiang **mendukung** seorang pelajar lelaki yang terseliuh kakinya ke bilik rawatan.	Lee Yiang **memapah** seorang pelajar lelaki yang terseliuh kakinya ke bilik rawatan.

董總 DONG ZONG

3.	a. **menjunjung**: membawa sesuatu di atas kepala  b. **menjulang**: mengangkat ke atas 	Pemenang itu terus **menjunjung** piala yang diterimanya dengan penuh kegembiraan	Pemenang itu terus **menjulang** piala yang diterimanya dengan penuh kegembiraan.
4.	a. **mengambil**: menerima dan menyimpan sesuatu  b. **menatang**: membawa sesuatu di atas tapak tangan 	Pekerja wanita itu berhati-hati ketika **mengambil** sedulang air minuman untuk tetamu supaya air tidak tertumpah.	Pekerja wanita itu berhati-hati ketika **menatang** sedulang air minuman untuk tetamu supaya air tidak tertumpah.

董總 DONG ZONG

5.	a. **mereneh**: memasak sesuatu yang berkuah dengan api perlahan sehingga keluar reneh di permukaannya  b. **menanak**: memasak nasi dalam periuk, kawah dan lain-lain 	Puan Lee sedang **menanak** sup di dapur.	Puan Lee sedang **mereneh** sup di dapur.
6.	a. **melihat**: memandang dengan menggunakan mata  b. **menonton**: menengok pertunjukan, wayang gambar dan lain-lain 	Pada hujung minggu, Benty suka **melihat** wayang gambar bersama-sama ahli keluarganya.	Pada hujung minggu, Benty suka **menonton** wayang gambar bersama-sama ahli keluarganya.

董總 DONG ZONG

7.	a. **memetik**: mengambil buah daripada tangkainya  b. **menjolok**: menusuk sesuatu dengan galah dan lain-lain supaya gugur 	Pak Yusof **memetik** buah rambutan yang telah masak dengan menggunakan galah.	Pak Yusof **menjolok** buah rambutan yang telah masak dengan menggunakan galah.
8.	a. **menebang**: memotong pokok supaya tumbang  b. **membelah**: memecahkan atau membahagikan menjadi dua atau banyak bahagian 	Lelaki itu **menebang** kayu yang baru dikutipnya untuk dijadikan kayu api.	Lelaki itu **membelah** kayu yang baru dikutipnya untuk dijadikan kayu api.

董總

9.	a. **melontar**: melempar, membaling  b. **menebar**: mencampakkan jala dan lain-lain supaya kembang atau terbentang 	Nelayan itu **melontar** jala ke sungai itu.	Nelayan itu **menebar** jala ke sungai itu.
10.	a. **menjirus**: menyiram dengan air  b. **menuang**: mencurahkan barang cair ke dalam bekas 	Maniam **menjirus** air kopi yang panas itu ke dalam cawan dengan berhati-hati.	Maniam **menuang** air kopi yang panas itu ke dalam cawan dengan berhati-hati.

董總 DONG ZONG

4.2 Penggunaan Kata yang Tepat

- Penggunaan kata yang tepat ialah pemilihan kata yang tepat berdasarkan konteks dan situasi.
- Oleh itu, kesalahan umum penggunaan kata yang tepat perlu dikenal pasti dan dibetulkan.

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	a. **resmi**: sifat semula jadi b. **rasmi**: disahkan oleh kerajaan atau yang berkuasa	Azman menggunakan bahasa **resmi** ketika berurusan dengan pegawai kerajaan di pejabat imigresen.	Azman menggunakan bahasa **rasmi** ketika berurusan dengan pegawai kerajaan di pejabat imigresen.
2.	a. **telor**: tidak dapat mengucapkan kata-kata dengan sebutan yang betul, pelat b. **telur**: benda yang mengandungi lembaga anak yang umumnya bersalutkan kulit yang keras	**Telor** ayam yang dibeli di pasar raya itu murah-murah belaka.	**Telur** ayam yang dibeli di pasar raya itu murah-murah belaka.
3.	a. **hemah**: budi pekerti b. **hemat**: cermat, tidak boros, pemerhatian atau pengamatan	Pada **hemah** saya, banjir akan sering berlaku pada masa ini kerana taburan hujan yang terlalu tinggi.	Pada **hemat** saya, banjir akan sering berlaku pada masa ini kerana taburan hujan yang terlalu tinggi.
4.	a. **kecuali**: melainkan b. **selain**: di samping, bersama-sama dengan	**Kecuali** itu, pertandingan melukis poster turut diadakan untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.	**Selain** itu, pertandingan melukis poster turut diadakan untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

董總 DONG ZONG

5.	a. **kursus**: kegiatan latihan tentang sesuatu perkara khusus yang biasanya dijalankan dalam tempoh tertentu b. **khusus**: secara tepat kepada seseorang atau sesuatu; khas, istimewa	Institut Kanser Negara ialah sebuah institusi perubatan kanser yang dibina khas untuk memberikan kemudahan **kursus** dalam rawatan dan perubatan bagi pesakit kanser.	Institut Kanser Negara ialah sebuah institusi perubatan kanser yang dibina khas untuk memberikan kemudahan **khusus** dalam rawatan dan perubatan bagi pesakit kanser.
6.	a. **masa**: waktu, ketika b. **massa**: kumpulan orang ramai yang bersatu kerana dasar atau pegangan sesuatu	Banyak kes rasuah dilaporkan dalam media **masa** saban hari.	Banyak kes rasuah dilaporkan dalam media **massa** saban hari.
7.	a. **menunggang**: menaiki dan duduk mengangkang di atas sesuatu b. **membonceng**: menumpang naik motosikal	Aisyah yang berusia lapan tahun itu sering **menunggang** motosikal ayahnya ke sekolah setiap hari.	Aisyah yang berusia lapan tahun itu sering **membonceng** motosikal ayahnya ke sekolah setiap hari.
8.	a. **pendapatan**: jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu tertentu b. **pendapat**: kesimpulan yang dibuat atau diperoleh daripada berfikir, pandangan	Pada **pendapatan** saya, penggunaan jam pintar di dewan peperiksaan haruslah dilarang sama sekali.	Pada **pendapat** saya, penggunaan jam pintar di dewan peperiksaan haruslah dilarang sama sekali.

董總 DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami sajak Bah yang Masih Tidak Menyedarkan Diri dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Puisi Moden

Baca sajak berikut dengan telitinya.

Bah yang Masih Tidak Menyedarkan Diri

Akhir tercalarnya jua kedamaian ini
tercalar-balar ketenangan kasih rimba
jika dahulukala mendingin mata
menguis-nguis resah
kini rosak dek keghairahan pemodenan
musnah dek manifestasi pembangunan dungu.

董總 DONG ZONG



Persis kasih rimba yang pergi
bait-bait puisiku tidak seindah dahulukala
beburung yang dilukis menyanyikan
kebebasan
kini terbang jauh meninggalkan pesisir yang
menghitam
nyiur yang gah melambai-lambai di sisi lagu
ombak
kini sepi berduet tanpa irama di gigi pantai.

Persis alam saujana yang terluka
baris aksara puisiku tidak sepermai dahulukala
rahmat hujan-hujan yang menitis kini berasid
meracuni setiap inci subur bumi
isi rumah bahagia dibadai air bah lumpur
mendurjanakan sumbang manusia yang naif.

Apakah kita masih leka
untuk memagari keindahan hijau bumi?

Teo Wei Sing

董總



Rangkap	Maksud
Akhir tercalarnya jua kedamaian ini tercalar-balar ketenangan kasih rimba jika dahulukala mendingin mata menguis-nguis resah kini rosak dek keghairahan pemodenan musnah dek manifestasi pembangunan dungu.	Rangkap pertama menggambarkan kekecewaan terhadap kehilangan kedamaian alam semula jadi akibat pembangunan yang tidak bijaksana. Keindahan dan ketenangan rimba telah hancur, sementara pemodenan yang berlebihan menyebabkan kerosakan alam sekitar. Dulu, ketenangan dapat meredakan keresahan, namun kini semua musnah akibat pembangunan yang merosakkan keharmonian alam.
Persis kasih rimba yang pergi bait-bait puisiku tidak seindah dahulukala beburung yang dilukis menyanyikan kebebasan kini terbang jauh meninggalkan pesisir yang menghitam nyiur yang gah melambai-lambai di sisi lagu ombak kini sepi berduet tanpa irama di gigi pantai.	Rangkap ini menggambarkan kehilangan keindahan dan keharmonian alam semula jadi. Kasih alam rimba yang suatu ketika wujud kini telah hilang. Puisi yang tercipta tidak lagi seindah dahulu, manakala burung yang melambangkan kebebasan kini terbang jauh meninggalkan tempat asalnya. Pohon nyiur yang dahulunya megah kini sepi, tanpa irama ombak yang mengiringinya.

董總 DONG ZONG

Persis alam saujana yang terluka baris aksara puisiku tidak sepermai dahulukala rahmat hujan-hujan yang menitis kini berasid meracuni setiap inci subur bumi isi rumah bahagia dibadai air bah lumpur mendurjanakan sumbang manusia yang naif.	Rangkap ini menggambarkan penderitaan alam yang tercemar akibat tindakan manusia. Puisi yang tercipta tidak lagi seindah dahulu, manakala hujan yang sepatutnya membawa rahmat kini merosakkan bumi. Bencana banjir lumpur menghancurkan kehidupan, mencerminkan kebodohan manusia yang mengabaikan alam sekitar.
Apakah kita masih leka untuk memagari keindahan hijau bumi?	Penyajak mempersoalkan sama ada kita masih lalai dalam usaha untuk mengekalkan kelestarian alam.



董總
DONG ZONG

Peribahasa	Maksud
ikan biar dapat, serampang jangan pokah	sesuatu yang diusahakan biarlah ada hasil dan faedahnya supaya susah jerihnya tidaklah hilang begitu sahaja
orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi	memperoleh apa-apa yang dihajati



Bahan Rangsangan

Indahnya kediamanmu, Ranjit! Udaranya juga nyaman.

Terima kasih, Linda. Linda boleh datang pada hari minggu. Kita boleh berbasikal di sekeliling tasik ini.

UNIT 12 PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan rencana (Ciri-ciri Pembangunan Bandar Lestari) secara mekanis dengan sebutan, intonasi, dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat serta maklumat daripada petikan secara betul.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

Ciri-ciri Pembangunan Bandar Lestari

Oleh: Melisa Tina

Menurut Persidangan Urban 21 di Berlin, bandar lestari merujuk pembangunan bandar yang menekankan penggunaan sumber, bekalan air dan pelupusan sisa buangan secara berkesan. Ciri bandar lestari ini termasuklah sistem pengangkutan yang canggih, reka bentuk bangunan dan **infrastruktur** yang mesra alam, serta kawasan bandar yang dikelilingi kehijauan. Untuk membangunkan bandar lestari, beberapa ciri perlu diamalkan.

Ciri pertama pembangunan bandar lestari ialah bandar lestari mengutamakan sistem pengangkutan seperti penggunaan kenderaan elektrik dan pengangkutan awam.



Contohnya, pengangkutan rel yang terdiri daripada transit aliran ringan (LRT), sistem transit aliran massa (MRT), komuter, dan monorel yang menggunakan tenaga elektrik yang mampu mengurangkan **pelepasan** gas karbon monoksida. Selain itu, laluan basikal dan laluan pejalan kaki juga disediakan untuk memastikan persekitaran bandar bebas daripada pencemaran udara.

Ciri kedua pembangunan bandar lestari ialah seni bina hijau, iaitu pembangunan bandar berdasarkan kaedah mesra alam untuk mengurangkan penggunaan sumber dan pelepasan gas rumah hijau (GHG). Bangunan hijau akan menggunakan panel tenaga suria, pengudaraan dan **penebat** yang baik, serta penanaman pokok-pokok. Oleh itu, pembinaan bangunan hijau akan mementingkan penggunaan tenaga **solar**.

Seterusnya, ciri ketiga pembangunan bandar lestari ialah pengurusan sampah juga perlu dititikberatkan. Hal ini disebabkan kebanyakan sekolah, pejabat, kedai, hotel, restoran, dan kediaman telah menghasilkan banyak sampah. Dengan menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT), pengurusan sampah dapat dilakukan dengan memantau tong sampah pintar mengendalikan sistem amaran jika berlakunya kebakaran, vandalisme, atau pengalihan tong sampah tanpa kebenaran, mengumpulkan data tentang kuantiti sampah di dalam tong sampah pintar, dan menggunakan data untuk menjadualkan kutipan sampah dengan lebih **efisien**.

董總 DONG ZONG



Sebagai kesimpulannya, bandar-bandar di negara kita dapat mengamalkan ciri-ciri tersebut agar masyarakat kota dapat menikmati persekitaran yang lebih selamat demi kesejahteraan sosial yang seimbang. Lantaran itu, pihak kerajaan harus melakukan pendekatan **holistik** dari aspek sosial, ekonomi, dan alam sekitar untuk merealisasikan bandar lestari yang **ideal** dan memenuhi keperluan generasi akan datang kerana **ikan biar dapat, serampang jangan pokah**.

Kosa Kata

1. **infrastruktur**: perkhidmatan asas (seperti kemudahan pengangkutan, pendidikan, kesihatan, bekalan kuasa elektrik dan pelbagai kemudahan lain yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan negara, masyarakat atau organisasi) 基本设施（水电、交通、通讯等设施）
2. **pelepasan**: perihal membebaskan/ pembebasan 释放
3. **penebat**: penyekat 绝缘体
4. **solar**: matahari 太阳
5. **efisien**: cekap 效率
6. **holistik**: saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh 整体的
7. **ideal**: sempurna/ unggul 理想的

董總 DONG ZONG



2. MENDENGAR DAN BERTUTUR

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman audio dengan telitinya dan jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.



董總



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Secara berkumpulan, bincangkan soalan-soalan yang berikut. Kemudian, bentangkannya di hadapan kelas.

MPAJ ke Arah Bandar Rendah Karbon

Oleh: Syasya Sufian

AMPANG, 30 OGOS: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) ketiga terpilih menjayakan bandar rendah karbon bersama "*Carbon Trust*" daripada *United Kingdom*.

Yang Dipertuanya, Abd Hamid Hussain berkata, inisiatif itu dizahirkan menerusi pemasangan empat pengecas kenderaan elektrik di kawasan seliaannya.

Katanya, tindakan ini bertujuan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan kenderaan elektrik di kawasan MPAJ di samping mengurangkan karbon secara holistik.

"Empat lokasi terpilih itu adalah di Menara MPAJ, Masjid Al-Azim Pandan Indah, Destar Arena dan Zoo Negara.

"Amalan gaya hidup rendah karbon ini bukan sahaja boleh mengatasi masalah kekurangan sumber, malahan mampu memelihara alam sekitar, meningkatkan kesihatan awam, keselamatan dan juga kebajikan umum penduduk. Hal tersebut memang dihajati oleh penduduk Ampang kerana **orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi**," katanya sewaktu Majlis Pelancaran Inisiatif Hijau di Menara MPAJ, di sini, hari ini.

Pada masa yang sama, menurut Hamid, terdapat 53 unit pengecas kenderaan elektrik dipasang di 41 lokasi di seluruh Selangor sehingga kini.

"Orang awam yang memiliki kenderaan elektrik boleh memuat turun aplikasi "*Chargev*" di *App Store* dan *Google Play* bagi mendapatkan lokasi terkini rangkaian pengecas kenderaan," katanya.

MPAJ turut melancarkan pengumpulan minyak masak terpakai dan pameran inisiatif hijau untuk mengelakkan penggunaan bekas polistirena.

(dipetik dan disesuaikan daripada https://arkib.selangorkini.my/2016/08/mpaj-ke-arah-bandar-rendah-karbon/)



Baca keratan akhbar tersebut. Gunakan maklumat keratan akhbar tersebut untuk membantu anda menjawab soalan yang berikut.

Apakah jenis tempat tinggal yang menjadi idaman anda? Berikan alasan anda.

3. MENULIS


Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. merumus bahan grafik jenis pelan dengan mengolah maklumat yang berkaitan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menulis rumusan lengkap secara terancang dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks.

3.1 Rumusan Jenis Pelan

Contoh

*Berdasarkan pelan Taman Sejahtera di bawah, anda dikehendaki menulis satu rumusan yang menunjukkan **kemudahan-kemudahan awam yang terdapat di Taman Sejahtera**. Panjangnya rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**.*



Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	Pelan menunjukkan kemudahan-kemudahan awam yang terdapat di Taman Sejahtera.	• ditulis dalam satu ayat • ditulis berdasarkan arahan soalan dan tajuk bahan yang diberikan
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Taman Sejahtera mempunyai sebuah perpustakaan awam. Selain itu, sebuah taman permainan juga terdapat di sana. Kemudahan pengangkutan yang terdapat di Taman Sejahtera ialah stesen bas dan stesen LRT. Bukan itu sahaja, kemudahan sukan, iaitu sebuah gelanggang sukan juga disediakan di Taman Sejahtera.	• ditulis berdasarkan maklumat-maklumat dalam bahan grafik pelan Taman Sejahtera
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Taman permainan yang terdapat di sini membolehkan ibu bapa dan anak-anak beristirahat. Perkhidmatan bas membolehkan penduduk berulang-alik dari tempat tinggal ke tempat kerja mereka.	• tulis dua isi tersirat yang terdiri daripada contoh yang berkaitan dengan isi tersurat atau apa-apa yang relevan
Perenggan keempat (Penutup)	Kesimpulannya, penduduk Taman Sejahtera harus memelihara kemudahan-kemudahan ini agar dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.	• mesti ada cadangan dan harapan • contoh: "Kesimpulannya, harus... ...agar/ supaya ..."

(xxx patah perkataan)

董總 DONG ZONG

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti kesalahan penggunaan kata seru dan membetulkannya mengikut konteks.

4.1 Kata Seru

- Kata seru digunakan untuk menyatakan pelbagai perasaan seseorang.

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	**Ah** digunakan untuk menyatakan rasa tidak setuju atau menyatakan penolakan.	**Hai**, jangan pedulikan budak degil itu!	**Ah**, jangan pedulikan budak degil itu!
2.	**Aduh** digunakan untuk menyatakan perasaan sakit.	**Aduhai**, sakitnya kakiku ini!	**Aduh**, sakitnya kakiku ini!
3.	**Aduhai** digunakan untuk menyatakan sedih, rindu, kasih dan kagum.	**Aduh**, malangnya nasibku hari ini!	**Aduhai**, malangnya nasibku hari ini!
4.	**Amboi** digunakan untuk menyatakan rasa hairan atau kagum dan untuk menyindir atau mengusik.	**Ah**, merahnya mak ngah pagi ini!	**Amboi**, merahnya mak ngah pagi ini!
5.	**Nah** digunakan untuk menarik perhatian	**Eh**, ambillah buku kamu sekarang!	**Nah**, ambillah buku kamu sekarang!
6.	**Eh** digunakan untuk membayangkan perasaan hairan atau terkejut.	**Wah**, kamu yang mengetuk pintu tadi!	**Eh**, kamu yang mengetuk pintu tadi!
7.	**Cis** digunakan untuk menyatakan perasaan tidak suka, mengejek atau marah.	**Wahai**, berani engkau mencabar aku!	**Cis**, berani engkau mencabar aku!

董總 DONG ZONG

8.	**Hai** digunakan untuk menyatakan perasaan hendak menyapa atau untuk menarik perhatian.	**Aduhai**, apa khabar!	**Hai,** saya Ah Meng dari Muar!
9.	**Syabas** digunakan untuk menyatakan perasaan tahniah.	**Nah**, kamu telah menang dalam pertandingan syarahan!	**Syabas**, kamu telah menang dalam pertandingan syarahan!
10.	**Wahai** digunakan untuk menyatakan perasaan sedih atau untuk menarik perhatian.	**Oh** para pelajar, berusahalah bersungguh-sungguh!	**Wahai** para pelajar, berusahalah bersungguh-sungguh!

董總 DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. memahami sajak Apakah dengan memberikan respons peribadi secara betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Puisi Moden

Baca sajak berikut dengan telitinya.

Apakah

Terkadang
terfikir juga aku
apakah unggas dan camar sudah berpindah
kerana kicauan riang
tiada lagi megah di angkasa.

Terkadang
terfikir juga aku
apakah penyu-penyu sudah berhijrah
kerana habitat anak-anakmu di sini
sepi kontang tidak bertamu.

Terkadang
terfikir juga aku
apakah alunan ombak sudah berubah
kerana deburanmu di pesisir pantai
tidak lagi rancak seperti sediakala.

Teo Wei Sing



董總
DONG ZONG

Rangkap	Maksud
Terkadang terfikir juga aku apakah unggas dan camar sudah berpindah kerana kicauan riang tiada lagi megah di angkasa.	Penyajak menyatakan kerinduannya terhadap alam yang ceria. Ketiadaan unggas dan kicauan riang melambangkan perubahan alam, yang turut menimbulkan persoalan tentang kehilangan keindahan dan kedamaian yang pernah ada.
Terkadang terfikir juga aku apakah penyu-penyu sudah berhijrah kerana habitat anak-anakmu di sini sepi kontang tidak bertamu.	Penyajak menyatakan kebimbangannya tentang ketiadaan penyu yang mungkin telah berhijrah kerana habitatnya kini tidak lagi sesuai untuk kehidupan, akibat kerosakan alam yang semakin ketara.
Terkadang terfikir juga aku apakah alunan ombak sudah berubah kerana deburanmu di pesisir pantai tidak lagi rancak seperti sediakala.	Penyajak berasa risau tentang perubahan alam, khususnya alunan ombak di pantai yang semakin perlahan, melambangkan perubahan atau kemusnahan keindahan dan keharmonian semula jadi.

董總 DONG ZONG



TEMA 7

SIKAP GIGIH DAN NILAI-NILAI POSITIF

Peribahasa	Maksud
ikut suka duka, ikut hati mati	orang yang mengikut kehendak nafsu akan membawa padah kepada dirinya sendiri
berhambakan tangan, bersaksikan mata, berhakimkan hati	berfikir masak-masak sebelum membuat sesuatu perkara





Bahan Rangsangan



Ranjit, banyaknya peralatan yang awak beli! Awak hendak ke mana?



Saya hendak menyertai ekspedisi mendaki Gunung Tahan. Peralatan-peralatan ini akan digunakan sewaktu ekspedisi tersebut.

UNIT 13

SIKAP YANG PERLU UNTUK MEMUPUK JATI DIRI REMAJA

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenali format surat kiriman tidak rasmi;
2. membaca petikan jenis surat kiriman tidak rasmi secara mekanis dengan sebutan, intonasi, dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
3. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, dan maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

董總
DONG ZONG

Lot 108, Kampung Damai,
46000 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

11 Mac 2026.

Menemui adindaku, Lokman yang kini berada di Ipoh. Saya berdoa semoga adinda berada dalam keadaan sihat sejahtera.



Adinda,

Apa khabar adinda di Sekolah Menengah Sains Bestari pada masa sekarang? Kakanda dan ahli keluarga di sini sihat-sihat sahaja.

Kakanda amat girang sekali ketika menerima surat adinda beberapa hari yang lalu. Dalam surat tersebut, adinda menyatakan bahawa adinda telah berupaya untuk menyesuaikan diri di sekolah berasrama penuh. Ingatilah selalu bahawa tujuan utama bersekolah di sana adalah untuk menimba seberapa banyak ilmu yang boleh. Adinda juga akan menghadapi **jerih payah** ketika belajar di sekolah tersebut. Jadi, sebaik-baiknya, elakkan diri daripada banyak **melepak** di sekitar **kota raya**. Jangan sekali-kali tertarik oleh **kebendaan** kerana kata orang tua-tua, **ikut suka duka, ikut hati mati**. Oleh itu, perkara yang buruk janganlah adinda ikuti.

Adinda boleh mengisi masa senggang, iaitu aktif menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti lawatan ke rumah orang tua semasa cuti sekolah. Pada pandangan saya, melalui lawatan ke rumah orang tua, adinda dapat memberikan sumbangan tenaga untuk menjalankan kerja sosial seperti membersihkan persekitaran rumah orang tua atau mengemas bilik-bilik mereka. Pengalaman berharga ini amat penting untuk memupuk sikap-sikap positif seperti ketekunan, tanggungjawab, keprihatinan atau kasih sayang. Dengan kata-kata lain, kerja sosial bukan sahaja dapat membina **jati diri** dan mendidik adinda tentang kepentingan memberikan sumbangan kepada masyarakat secara sukarela malah dapat melatih kemahiran berinteraksi dengan komuniti.

董總 DONG ZONG

Selain itu, aktiviti kokurikulum seperti perkhemahan juga penting untuk adinda. Melalui aktiviti perkhemahan, nilai berdikari dan kerjasama akan dipupuk dalam sanubari adinda kerana adinda berpeluang untuk melakukan tugasan seperti memasak, membasuh, dan mencari kayu api. Pada masa yang sama, adinda juga dilatih untuk berdisiplin dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh ketua dan bersikap tanggungjawab untuk memastikan tapak perkhemahan sentiasa bersih. Oleh hal yang demikian, aktiviti perkhemahan dapat memantapkan keperibadian adinda.



Lagipun, kakanda berharap agar adinda dapat mengikut adat kehidupan di sebuah sekolah yang cemerlang. **Lumrah**nya, semua pelajar di sekolah berasrama penuh terdiri daripada mereka yang berasal dari negeri yang berlainan. Dengan itu, adinda patut bertoleransi dengan rakan adinda yang **berlatarbelakangkan** budaya hidup yang berbeza-beza.

Oh, sudah lewat malam! Ada baiknya kakanda berhenti menulis warkah ini. Sebelum kakanda **mengundurkan diri**, terimalah salam kasih sayang daripada kami sekeluarga di kampung.

Kakandamu,

Hashim

Kosa Kata

1. **jerih payah**: susah payah 千辛万苦
2. **melepak**: berbuat sesuatu yang tidak mendatangkan faedah (seperti duduk-duduk di kompleks beli-belah tanpa tujuan atau berbual-bual kosong) 闲逛
3. **kota raya**: bandar raya yang besar 大城市
4. **kebendaan**: kemewahan 物质享受
5. **jati diri**: identiti 个人本质
6. **lumrah**: biasa 一般上
7. **berlatarbelakangkan**: mempunyai atau menggunakan sesuatu sebagai latar belakang 以。。。。。。为背景
8. **mengundurkan diri**: berhenti daripada 告退

董總 DONG ZONG



2. Mendengar dan Bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman rencana tersebut dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

2.2 Aktiviti Berkumpulan

Bincangkan soalan-soalan yang berikut dan bentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.

1. Remaja yang berakhlak mulia merupakan aset kepada negara. Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak golongan remaja?
2. Rakan sebaya amat penting dalam pergaulan remaja. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri rakan sebaya yang dapat mencorakkan sahsiah remaja yang baik?

董總 DONG ZONG



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis surat kiriman tidak rasmi secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi

Karangan jenis surat kiriman tidak rasmi biasanya ditulis untuk tujuan tidak formal dan bersifat peribadi.

3.1.1 Contoh Karangan Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi

Sahabat pena anda dari luar negara meminta pandangan anda tentang faktor-faktor yang menentukan masa depan seseorang pelajar. Balas surat sahabat pena anda dengan selengkapnya.

董總 DONG ZONG

	Alamat pengirim	No. 68, Jalan Bahagia 3, Taman Bahagia, 32000 Sitiawan, Perak.
	Tarikh	28 Julai 2026.
Kata-kata penghadapan	Menemui sahabatku, Harris yang kini berada di Brunei Darussalam. Saya berdoa semoga saudara berada dalam keadaan sihat sejahtera.	
	Saudara Harris,	
Pendahuluan	Apa khabar saudara di sana? Saya sekeluarga di sini sihat-sihat sahaja. Surat saudara telah selamat saya terima semalam. Dalam surat tersebut, saudara ingin bertanyakan pendapat saya tentang faktor-faktor yang menentukan masa depan seseorang pelajar. Ya, sebelum saya memberikan penjelasan, bagaimanakah pencapaian akademik saudara di sekolah antarabangsa? Tentunya baik, bukan?	

Isi	Untuk pengetahuan saudara, suasana keluarga yang bahagia mempengaruhi masa depan seseorang pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana keluarga yang bahagia akan mempengaruhi pembentukan sahsiah dan keyakinan seseorang pelajar. Sebagai contoh, ibu bapa akan menerapkan didikan agama dan moral serta memberikan kasih sayang yang secukupnya supaya anak-anak tidak terjerumus dalam gejala sosial seperti ponteng, melepak, merokok dan membuli. Oleh itu, dorongan ibu bapa akan meningkatkan semangat anak-anak untuk memperoleh kecemerlangan akademiknya selain membentuk keperibadian mulia. Selain itu, bimbingan guru juga mempengaruhi prestasi pelajar. Hal ini disebabkan guru memainkan peranan untuk mendidik pelajar-pelajar sejak peringkat prasekolah hinggalah peringkat menara gading. Selain berjaya dalam pelajaran, guru juga mengutamakan didikan moral agar anak-anak didiknya menjadi modal insan yang berkualiti. Lantaran itu, jelaslah bahawa guru yang berdedikasi berupaya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berdaya kepemimpinan dan berkeperibadian mulia demi nusa dan bangsa. Di samping itu, peranan rakan sebaya juga tidak terkecuali sebagai salah satu faktor yang dapat menentukan kecemerlangan masa depan seseorang pelajar. Rakan sebaya yang berkelakuan baik akan memberikan galakan yang positif kepada pelajar. Merekalah yang mendorong pelajar untuk melakukan perbuatan yang baik seperti mengulang kaji pelajaran, menyertai aktiviti perkhemahan dan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Dengan ini, pelajar dapat mengelakkan diri daripada masalah sosial yang akan menghancurkan masa depan mereka.

董總 DONG ZONG

Penutup	Akhir kata, kejayaan seseorang pelajar dalam kehidupannya amat bergantung pada sokongan ibu bapa, didikan para guru dan peranan rakan sebaya. Sampai di sini sahaja warkah saya untuk saudara pada kali ini. Saya berdoa semoga kita akan menjadi pelajar yang cemerlang demi masa depan yang cerah. Salam rindu daripada sahabatmu di Perak. Tandatangan pengirim — Sahabatmu, *Rizal*

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti dan membetulkan kesalahan pembinaan ayat tunggal secara betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. mengenal pasti dan membetulkan kesalahan pembentukan ayat majmuk secara betulnya dan tepat mengikut konteks.

董總 DONG ZONG

4.1 Kesalahan Pembinaan Ayat Tunggal

- Biasanya, kesalahan pembinaan ayat tunggal ialah ketiadaan bahagian subjek atau bahagian predikat dalam ayat.

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Ayat yang tidak mempunyai bahagian subjek atau bahagian predikat dikatakan ayat tergantung.	a) suka membaca pada masa lapang. (**tiada bahagian subjek**) b) Zurina dari Ipoh itu. (**tiada bahagian predikat**)	a) **Adik saya** suka membaca pada masa lapang. b) Zurina dari Ipoh itu **mendapat tempat pertama dalam pertandingan syarahan**.
2.	Bahagian predikat tidak lengkap.	a) Suzila selalu menghadiri. b) Faridah ingin menjadi.	a) Suzila selalu menghadiri **kelas tambahan**. b) Faridah ingin menjadi **kaya**.

4.2 Kesalahan Pembentukan Ayat Majmuk

- Terdapat beberapa kesalahan penggunaan kata hubung bagi menggabungkan ayat-ayat tunggal.

No	Penerangan	Salah	Betul
1.	Kata hubung **tetapi** digunakan untuk menggabungkan ayat-ayat tunggal yang membawa maksud pertentangan maklumat.	Fauzi pendiam **dan** bijak berpidato.	Fauzi pendiam **tetapi** bijak berpidato.

董總 DONG ZONG

2.	Kata hubung **sambil** hanya boleh digunakan untuk menggabungkan perbuatan yang berlaku secara serentak manakala kata hubung **lalu** digunakan untuk menggabungkan perbuatan yang perlu diambil kira urutannya.	Puan Jeslina menutup pintu rumah **sambil** menguncinya.	Puan Jeslina menutup pintu rumah **lalu** menguncinya.
3.	Penggunaan kata hubung **sementara** tidak boleh bertukar ganti dengan kata hubung **sambil**.	Adik Johan berbaring di atas sofa **sementara** menonton rancangan televisyen. **Sambil** menunggu keputusan peperiksaan awam, Alex bekerja secara sambilan di restoran itu.	Adik Johan berbaring di atas sofa **sambil** menonton rancangan televisyen. **Sementara** menunggu keputusan peperiksaan awam, Alex bekerja secara sambilan di restoran itu.
4.	Kata sendi nama **ke** tidak boleh digugurkan selepas kata hubung gabungan seperti **dan**, **atau**, dan **lalu** dalam ayat majmuk.	Rahim **ke** perpustakaan **atau** taman rekreasi?	Rahim **ke** perpustakaan **atau ke** taman rekreasi?
5.	Kata hubung **yang** digunakan untuk menyatakan huraian seperti menerangkan sesuatu subjek atau objek. Oleh sebab itu, kehadiran **yang** selepas kata ganti nama tunjuk seperti **ini** atau **itu** merupakan satu kesalahan.	Kereta itu **yang** kotor kereta Encik Zamil.	Kereta **yang** kotor itu kereta Encik Zamil.

6.	Kekeliruan antara penggunaan kata hubung pancangan relatif **yang** dengan kata hubung pancangan komplemen **bahawa**.	Lina mengatakan **yang** dia akan menghadiri latihan bola jaring esok.	Lina mengatakan **bahawa** dia akan menghadiri latihan bola jaring esok.
7.	Kata hubung **bahawa** tidak boleh digugurkan sewenang-wenangnya dalam ayat.	Encik Lim begitu yakin dia boleh berjaya dalam perniagaannya.	Encik Lim begitu yakin **bahawa** dia boleh berjaya dalam perniagaannya.
8.	Tidak menggunakan kata hubung yang sesuai untuk menghasilkan ayat majmuk.	Seluruh penduduk kampung sedang berdoa ketua kampung cepat sembuh.	Seluruh penduduk kampung sedang berdoa **agar** ketua kampung cepat sembuh.

董總
DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca dan memahami sajak berdasarkan maksud yang dibaca.

5.1 Puisi Moden

Baca sajak berikut dengan telitinya.

Manusia dalam Kemanusiaan

Telah sekian lama terjadi sejak azali
dari rahim kita dibayikan
dari kanak-kanak kita menjadi remaja
dari remaja menganjak dewasa
dari tua kita beransur ke alam senja.

Telah sekian lama terperam
di sisi ilmu rencam pengalaman
harus kita tempuh
untuk menjadi insan kamil cemerlang
disayang, dihormat, dan dikasih
sejatikan fikirmu
kepada arah yang benar, yang baik.



Wahai anak-anak
ketahuilah erti hidup
bertuturlah secara santun
dalam budi dalam bahasa.

Wahai anak-anak
curahkan seri bakti
dalam erti kemanusiaan
sayangi alam
kasihi hidupan
dan segala ciptaan Yang Maha Esa.

Tahulah dan ertilah
warna-warni kemanusiaan
agar nista umpat dan keji
bukan dalam diri kerdil ini.

Teo Wei Sing

董總
DONG ZONG





Rangkap	Maksud
Telah sekian lama terjadi sejak azali dari rahim kita dibayikan dari kanak-kanak kita menjadi remaja dari remaja menganjak dewasa dari tua kita beransur ke alam senja.	Telah sekian lama menjadi lumrah kehidupan, manusia akan melalui pelbagai fasa kehidupan, iaitu daripada kandungan ibu kepada peringkat bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan akhirnya menjadi warga emas.
Telah sekian lama terperam di sisi ilmu rencam pengalaman harus kita tempuh untuk menjadi insan kamil cemerlang disayang, dihormat, dan dikasih sejatikan fikirmu kepada arah yang benar, yang baik.	Kita telah menempuhi pelbagai ilmu dan pengalaman agar menjadi insan yang cemerlang, disayangi, dihormati, dan dikasihi. Kita harus berfikir secara ikhlas dan jujur supaya dapat menuju ke arah jalan yang benar dan membawa kebaikan.
Wahai anak-anak ketahuilah erti hidup bertuturlah secara santun dalam budi dalam bahasa.	Anak-anak diseru agar mengetahui erti kehidupan, bertutur secara bersopan santun dan berbudi bahasa.
Wahai anak-anak curahkan seri bakti dalam erti kemanusiaan sayangi alam kasihi hidupan dan segala ciptaan Yang Maha Esa.	Anak-anak diseru agar menyumbangkan bakti di dunia ini berlandaskan erti kemanusiaan. Anak-anak haruslah mencintai alam sekitar dan menyayangi segala hidupan yang merupakan ciptaan Tuhan Yang Maha Esa.
Tahulah dan ertilah warna-warni kemanusiaan agar nista umpat dan keji bukan dalam diri kerdil ini.	Sebagai insan kerdil, kita haruslah mengetahui dan mengerti kepelbagaian ciri kemanusiaan agar dapat mengelakkan perbuatan menghina, mengumpat, dan mengeji antara satu sama lain.


董總 DONG ZONG



DONG ZONG

Peribahasa	Maksud
api itu tatkala kecil jadi kawan, apabila besar jadi lawan	kejahatan yang kecil itu hendaklah segera dibaiki supaya tidak melarat
cacing kepanasan	tidak tenang atau berasa gelisah

Bahan Rangsangan



UNIT 14 ANDA PRIHATIN ANDA SELAMAT

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan jenis risalah (Anda Prihatin, Anda Selamat) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan jenis risalah yang berikut dengan telitinya.

Anda Prihatin Anda Selamat

Keselamatan di Sekolah



Keselamatan di sekolah merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh semua warga sekolah termasuk pelajar, guru, dan kakitangan sekolah. Persekitaran sekolah yang selamat akan memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancarnya tanpa sebarang gangguan dan kemalangan. Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk menjamin keselamatan di sekolah.

1. Mematuhi Peraturan Keselamatan

Pelajar perlu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Sebagai contoh, larangan berlari di kawasan **koridor** atau tangga perlu dipatuhi untuk mengelakkan kemalangan seperti terjatuh atau berlanggar dengan rakan. Selain itu, pelajar perlu menggunakan kemudahan secara betul dan tidak bermain di kawasan yang tidak sesuai seperti makmal sains atau makmal komputer tanpa pengawasan.



2. Pemeriksaan Peralatan dan Kemudahan

Pihak sekolah perlu memastikan bahawa semua peralatan dan kemudahan di sekolah berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan. Contohnya, alat pemadam api perlu diperiksa secara berkala dan ditempatkan di lokasi yang mudah diakses. Selain itu, pihak sekolah juga perlu memastikan pagar, tangga, dan bangunan dalam keadaan yang baik supaya tidak membahayakan pelajar.



董總 DONG ZONG

3. Latihan Kebakaran dan Kecemasan

Latihan kebakaran perlu dijalankan secara **berkala** bagi memastikan semua warga sekolah tahu akan tindakan yang perlu dilakukan jika berlaku kebakaran. Pihak sekolah juga perlu menyediakan pelan kecemasan yang jelas dan memastikan setiap pelajar dan kakitangan memahami **prosedur** laluan keluar. Amalan ini akan memastikan keselamatan terjamin sekiranya berlaku sebarang kecemasan.



4. Pengawasan Rapi oleh Guru dan Pengawal Keselamatan

Guru dan pengawal keselamatan memainkan peranan yang penting untuk menjaga keselamatan di sekolah. Guru perlu sentiasa memantau pelajar terutamanya semasa waktu rehat dan ketika aktiviti luar bilik darjah dijalankan. Pengawal keselamatan pula bertanggungjawab untuk memastikan kawasan sekolah selamat daripada sebarang ancaman luar, seperti penceroboh atau bahaya luar.



a) Menetapkan Tempat Menunggu di Kawasan Sekolah



Para guru ditugaskan untuk memastikan anak-anak dijemput oleh ibu bapa, penjaga atau orang yang diberi kuasa sahaja. Sekiranya para pelajar berjalan ke stesen pengangkutan awam, mereka perlu dinasihati supaya menggunakan jalan yang sibuk dengan orang ramai, dan mengelakkan jalan yang sunyi dan berbahaya. Pelajar harus digalakkan untuk berjalan dalam kumpulan bagi mengurangkan risiko menjadi sasaran penjenayah.

b) Sentiasa Berkomunikasi dengan Ibu Bapa atau Penjaga



Para pelajar perlu diajar untuk sentiasa memberitahu ibu bapa atau penjaga tentang **keberadaan** mereka selepas waktu sekolah. Ibu bapa harus memastikan anak-anak mereka pulang pada waktu yang ditetapkan atau diberitahu jika ada perubahan. Sebagai langkah **berjaga-jaga**, ibu bapa boleh membekalkan telefon pintar kepada anak-anak mereka agar dapat berhubung dengan mudah jika berlaku sebarang kecemasan.

董總 DONG ZONG

c) Elakkan Pergaulan dengan Orang yang Tidak Dikenali



Para pelajar perlu diberi peringatan agar tidak berbual dengan orang yang tidak dikenali. Sebarang tawaran untuk menaiki kenderaan oleh individu yang tidak dikenali juga perlu ditolak. Kesedaran ini sangat penting untuk mengelakkan para pelajar daripada menjadi mangsa penculikan atau jenayah lain.

5. Menjaga Kesihatan dan Kebersihan



Kesihatan juga merupakan aspek penting dalam keselamatan. Pelajar perlu dididik tentang kepentingan menjaga kebersihan diri seperti membasuh tangan sebelum makan dan selepas menggunakan tandas. Pihak sekolah juga perlu memastikan tandas, kantin, dan kawasan sekolah bersih untuk mengelakkan penyakit berjangkit.

6. Kesedaran tentang Bahaya Buli dan Keganasan

Pihak sekolah perlu memainkan peranan aktif untuk **membanteras** masalah buli dan keganasan. Program kesedaran perlu diadakan secara berkala untuk mendidik pelajar tentang kesan negatif buli dan cara menangani situasi tersebut. Pelajar juga perlu diberi ruang untuk melaporkan sebarang kes buli atau ancaman keganasan kepada pihak sekolah tanpa rasa takut.

Kesimpulannya, keselamatan di sekolah merupakan tanggungjawab bersama. Dengan mengikut langkah-langkah tersebut, kita dapat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif untuk tujuan pembelajaran.



Kosa Kata

1. **koridor**: laluan yang menghubungkan bahagian dengan bahagian lain dalam sesebuah bangunan 走廊
2. **berkala**: berulang-ulang pada waktu yang tetap 定期
3. **prosedur**: cara yang lazim untuk membuat sesuatu urusan 程序
4. **keberadaan**: keadaan atau hal berada (di sesuatu tempat) 所在地
5. **berjaga-jaga**: berwaspada 提防, 防备
6. **membanteras**: memerangi 消除

2. Mendengar dan bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman tersebut dengan telitinya, kemudian, jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.



2.2 Aktiviti Berkumpulan

Bincangkan cara-cara menjaga keselamatan diri di mana-mana sahaja dan bentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.

董總
DONG ZONG



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. merumus poster dengan mengolah maklumat yang berkaitan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menulis rumusan lengkap secara terancang dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks.

3.1 Rumusan Jenis Poster

Berdasarkan poster di bawah, tulis satu rumusan tentang ***cara-cara menggunakan pemadam api****. Panjangnya rumusan anda hendaklah* ***tidak melebihi 100 patah perkataan****.*



Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	Poster menunjukkan cara-cara menggunakan pemadam api.	• ditulis dalam satu ayat • ditulis berdasarkan arahan soalan dan tajuk bahan yang diberikan
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Mula-mula, kita harus mencabut pin keselamatan pada pemadam api. Kemudian, muncung pemadam api perlu diacukan ke pangkal api. Seterusnya, kita perlu menekan pemegang pemadam api untuk memulakan semburan. Akhir sekali, semburan perlu kita ratakan pada seluruh bahagian pangkal api.	• ditulis berdasarkan maklumat-maklumat dalam poster • tulis empat isi tersurat
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Pemadam api harus diletakkan di tempat yang sesuai. Demonstrasi menggunakan pemadam api perlu diadakan.	• tulis dua isi tersirat yang terdiri daripada apa-apa sahaja maklumat yang berkaitan dengan alat pemadam api atau kejadian kebakaran • Pastikan maklumat tersebut tidak dinyatakan dalam poster
Perenggan keempat (Penutup)	Kesimpulannya, penduduk Taman Megah Cheras harus menggunakan pemadam api dengan cara yang betul agar keselamatan penduduk terjamin. (xxx patah perkataan)	• mesti ada cadangan dan harapan • contoh: "Kesimpulannya, ...harus...agar/ supaya ..."

董總 DONG ZONG

4. Tatabahasa

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti kesalahan penukaran ayat aktif kepada ayat pasif dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. mengenal pasti kesalahan penukaran ayat pasif kepada ayat aktif dengan betulnya dan tepat mengikut konteks.

4.1 Kesalahan Penukaran Ayat Aktif kepada Ayat Pasif

- Beberapa kesalahan yang biasa dilakukan ketika menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif.

No	Penerangan	Ayat Aktif	Salah	Betul
			Ayat Pasif	Ayat Pasif
1.	Apabila terbentuk ayat pasif diri orang pertama atau ayat pasif diri orang kedua daripada ayat aktif, kata kerja pasif tidak boleh diimbuh **awalan *di-*** dan diikuti kata sendi nama **oleh**.	Saya telah menanak nasi semalam.	Nasi telah **ditanak oleh saya** semalam.	Nasi telah **saya tanak** semalam.
2.	**kata bantu** (jika ada) mesti hadir sejurus selepas objek yang dijudulkan dalam ayat pasif	Kamu sudah menjolok buah manggis dengan sebatang galah di dusun.	Buah manggis **kamu sudah jolok** dengan sebatang galah di dusun.	Buah manggis **sudah kamu jolok** dengan sebatang galah di dusun.

董總 DONG ZONG

3.	Apabila terbentuk ayat pasif diri orang ketiga, kata kerja pasif mesti diimbuh awalan ***di-*** dan kata sendi nama **oleh**.	Pak Abu sedang membelah kayu api di halaman rumah.	Kayu api sedang **Pak Abu belah** di halaman rumah.	Kayu api sedang **dibelah oleh Pak Abu** di halaman rumah.
4.	Kata sendi nama **oleh** tidak boleh digugurkan dalam ayat pasif berimbuhan awalan ***teR-***	Kakak terbaca buku cerita yang tebal itu dalam masa tiga hari sahaja.	Buku cerita yang tebal itu **terbaca kakak** dalam masa tiga hari sahaja.	Buku cerita yang tebal itu **terbaca oleh kakak** dalam masa tiga hari sahaja.
5.	Kata kerja transitif aktif yang berimbuhan awalan ***teR-*** perlu dikekalkan ketika ditukarkan kepada ayat pasif.	Aku terpijak ekor kucing itu.	Ekor kucing itu **dipijak oleh aku**.	Ekor kucing itu **terpijak oleh aku**.
6.	Apabila membina ayat pasif, imbuhan ***-i*** atau ***-kan*** daripada kata kerja transitif perlu dikekalkan.	Saya sedang membacakan nenek sepucuk surat yang dikirim dari London. Abang sedang membacakan nenek sepucuk surat yang dikirim dari London.	Nenek sedang **saya baca** sepucuk surat yang dikirim dari London. Nenek sedang **dibaca oleh abang** sepucuk surat yang dikirim dari London.	Nenek sedang **saya bacakan** sepucuk surat yang dikirim dari London. Nenek sedang **dibacakan oleh abang** sepucuk surat yang dikirim dari London.

董總 DONG ZONG

4.2 Kesalahan Penukaran Ayat Pasif kepada Ayat Aktif

- Beberapa kesalahan yang biasa dilakukan ketika menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif.

No	Penerangan	Ayat Pasif	Salah	Betul
			Ayat Aktif	Ayat Aktif
1.	Apabila terbentuk ayat aktif daripada ayat pasif, kata kerja transitif mesti diimbuh **awalan *meN-*.**	Peperiksaan sekolah akan diduduki oleh semua pelajar pada minggu depan.	Semua pelajar akan **duduki** peperiksaan sekolah pada minggu depan.	Semua pelajar akan **menduduki** peperiksaan sekolah pada minggu depan.
2.	Penggunaan **imbuhan apitan** yang salah ketika menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif.	Sebiji bola **telah saya hadiahkan** kepada adik bersempena dengan hari lahirnya.	**Saya telah menghadiahi** sebiji bola kepada adik bersempena dengan hari lahirnya.	**Saya telah menghadiahkan** sebiji bola kepada adik bersempena dengan hari lahirnya.
3.	**Kata bantu** tidak boleh digugurkan ketika menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif.	Rancangan televisyen **sedang saya** tonton di ruang tamu.	Saya menonton rancangan televisyen di ruang tamu.	Saya **sedang** menonton rancangan televisyen di ruang tamu.

董總 DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. memahami jalan cerita petikan Amanat Arwah Nenek dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Prosa Moden

Baca petikan berikut dengan telitinya.

Amanat Arwah Nenek

Tahukah kalian bahawa sesuatu kejahatan yang kecil itu hendaklah segera ditangani supaya tidak melarat, bak kata peribahasa, **api itu tatkala kecil jadi kawan, apabila besar jadi lawan**?”

Kata-kata arwah nenek itu sentiasa terngiang-ngiang di telinga Alia. Dulu, ungkapan itu cuma kedengaran seperti pesanan biasa. Kini, kata-kata itu terpahat sebagai amanat yang menyelamatkan nyawanya.

董總 DONG ZONG

Malam itu sunyi dan tenang. Bintang-bintang berkelipan di langit gelap, seolah-olah menyanyikan lagu tidur untuk mendodoikan penghuni bumi. Alia, pelajar tingkatan empat yang rajin, baru sahaja selesai mengulang kaji pelajaran dan terus terlena dengan buku di dadanya. Bunyi detik jam pada dinding seakan-akan berlari, dan seluruh rumah dua tingkat itu tenggelam dalam lena yang dalam.

Namun, pada pukul 2.17 pagi, bau hangit yang menyengat mula meresap ke dalam kamar. Alia tersedak, batuk-batuk dan terjaga daripada lenanya. Suasana gelap-gelita. Siling yang biasanya putih kelihatan berjelaga. Asap mula merayap dari celahan pintu biliknya, hitam dan pekat.

Dia segera menepuk adiknya yang tidur di lantai. “Amir! Bangun! Cepat!”

Adiknya menggeliat sebelum matanya terbeliak melihat kepulan asap.

“Kak… kebakaran?”

“Ya, jangan panik! Tutup hidung!” kata Alia tegas, walaupun suaranya bergetar.

Dia tahu apa yang perlu dilakukan. Ilmu yang dipelajarinya di sekolah dalam kempen keselamatan kebakaran kini benar-benar diuji. Dengan beraninya, dia meletakkan telapak tangan ke tombol pintu bilik. Panas! Dia menarik tangan pantas, tahu benar bahawa api sedang marak di sebalik pintu itu.

“Jangan keluar ikut pintu. Kita cari jalan lain!” katanya. Dia menyumbatkan tuala basah di bawah celahan pintu, menghalang asap daripada terus menyelinap masuk. Kemudian, dia mencapai cadar dan mengikat hujungnya ke bingkai katil besi.

“Turun ikut tingkap. Kak Alia akan pegang kamu!” katanya sambil menunjuk ke bawah. Tingkap bilik mereka menghadap ke bahagian anjung yang tidak begitu tinggi. Amir, walau ketakutan, menurut kata kakaknya. Dengan berhati-hati, dia menuruni cadar yang terjuntai, dan selamat mendarat di bawah, disambut jiran mereka, Pak Salim, yang sudah terdengar jeritan dari luar.

Tiba giliran Alia. Namun, sebelum sempat dia memanjat, asap semakin tebal, dan matanya mula pedih. Dia cuba menutup hidung dan mulut dengan hujung baju yang dibasahkan tadi, merangkak ke tingkap sambil terbatuk-batuk. Nafasnya semakin sesak. Langit-langit bilik sudah mula merah menyala.

Tiba-tiba, pintu bilik dipecahkan dari luar. Tiga orang anggota bomba lengkap berpakaian pelindung masuk menerusi pintu yang diasak dengan kapak. Mereka menarik Alia yang hampir rebah ke lantai dan membawanya turun menggunakan tangga bomba.

董總
DONG ZONG



Di luar rumah, orang ramai sudah berkumpul. Bunyi siren masih meraung. Asap berkepul-kepul naik ke langit malam yang pekat. Alia dibaringkan di atas pengusung sambil diberi bantuan pernafasan. Di sebelahnya, Amir menggenggam tangannya erat sambil menangis.

Beberapa hari kemudian, Alia dan keluarganya dipindahkan sementara ke rumah datuk di kampung. Rumah mereka musnah hampir sepenuhnya, dipercayai akibat litar pintas pada soket di ruang dapur. Ketika itu, mereka mula benar-benar menyedari betapa pentingnya langkah berjaga-jaga.

Mereka kini memasang alat pengesan asap, menyemak pendawaian elektrik secara berkala, dan menyediakan pelan kecemasan.

"Lebih baik bersiap sedia daripada menyesal kemudian," kata ayah.

Alia duduk termenung di beranda rumah datuk, memandang ke langit senja. Kata-kata nenek kembali bermain-main dalam benaknya—**api itu tatkala kecil jadi kawan, apabila besar jadi lawan**.

Peristiwa itu telah mengubah pandangannya terhadap kehidupan. Tragedi ini bukan sahaja membentuk jiwanya yang lebih tabah, tetapi juga menjadikannya lebih menghargai nilai nyawa dan ilmu yang diamalkan pada waktu genting.

董總 DONG ZONG

Alex Leong Jun Wei



TEMA 8

KEMANUSIAAN

Peribahasa	Maksud
pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang	kalau tidak mahu berusaha dan bersusah payah, cita-cita tidak akan tercapai
pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara	anak muda menjadi orang yang diharapkan untuk membangunkan negara pada masa depan

Bahan Rangsangan

Yan Qi, bungkusan ini untuk siapa?

Oh ya, bungkusan ini untuk Cikgu Ding sebagai hadiah hari jadinya.

董總 DONG ZONG



UNIT 15

TERIMA KASIH CIKGU

1. Membaca dan memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan jenis fakta (Cabaran Warga Pendidik Era Digital) secara mekanis dengan sebutan, intonasi, dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, dan maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan di bawah dengan telitinya.

Cabaran Warga Pendidik Era Digital

董總
DONG ZONG

Era digital,
Pendidikan digital,
Oh, warga pendidik,
Anjakan paradigma pendidikan terkini,
Pengajaran lebih kreatif dan inovatif,
Paparan maklumat terkini,
Anak bangsa makin fokus,
Bertambahnya daya pemahaman.



Tugas gitu kompleks,
Stresnya kami,
Anak bangsa leka laman sosial,
Minat menelaah kian hilang,
Budi bahasa turut lesap,
Betapa gah ibu bapa,
Berani persoalkan didikan kami,
Jasa kami tak dihargai,
Namun kami tetap bagai lilin bernyala sepanjang masa.

Tina Tin

Pendidik merupakan suatu pekerjaan yang murni untuk **menyalurkan** ilmu pengetahuan dan memberikan didikan akhlak kepada generasi muda supaya mereka menjadi insan yang berpengetahuan tinggi dan **bersahsiah** mulia. Walau bagaimanapun, mereka juga mendepani pelbagai cabaran ketika negara menuju ke era digital. Persoalannya, apakah cabaran para pendidik pada era digital?

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh para pendidik pada zaman moden ini termasuklah pendidik mesti mendidik anak bangsa mencintai ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana kemunculan pelbagai peranti yang menarik minat pelajar-pelajar untuk menghabiskan masa melayari laman sosial berbanding dengan membaca buku dan mengulang kaji pelajaran. Kemudahan peranti sering disalahgunakan oleh pelajar-pelajar untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah. Sebagai akibatnya, minat dan kecintaan terhadap ilmu semakin berkurang. Oleh itu, tugas para pendidik menjadi semakin berat dan mencabar kerana negara kita memerlukan modal insan berilmu dan berpengetahuan tinggi untuk menjadi pemimpin pada masa depan seperti kata-kata hikmat, **pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara**.

Seterusnya, pada era teknologi moden ini, perkembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang telah menuntut para pendidik untuk memantapkan **pedagogi** mereka. Hal ini berlaku kerana pada era teknologi, pendidik mesti mempertingkatkan dan memperkukuh **profesionalisme** diri untuk mengembangkan potensi pelajar ke tahap yang diingini. Perkembangan teknologi maklumat juga menggalakkan para pendidik menggunakan kemudahan-kemudahan peranti yang terdapat di sekolah seperti makmal komputer atau kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Pendek kata, para pendidik wajar gigih berusaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka seperti menghadiri kursus, seminar, dan bengkel yang berkaitan dengan TMK.



Selain itu, cabaran pendidik ketiga ialah beban guru bertambah kerana ibu bapa kini meletakkan tugas kemenjadian pelajar sepenuhnya pada bahu pendidik. Di samping memastikan pelajar-pelajar cemerlang dalam pelajaran, para pendidik juga perlu menggalas tanggungjawab untuk membentuk sahsiah anak bangsa. Tegasnya, matlamat untuk meningkatkan mutu pendidikan negara tidak akan tercapai jika para pendidik tidak berusaha dengan gigihnya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai daya **intelektual** yang tinggi malah mempamerkan sahsiah diri yang baik. Peribahasa **pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang** harus diingati oleh para pendidik pada setiap masa.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh para pendidik pada zaman moden ini. Lantaran itu, para pendidik tidak boleh ketinggalan dalam usaha untuk mendepani cabaran-cabaran ini. Sebaliknya, para pendidik harus bersifat terbuka untuk mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih menarik dan berkesan. Dengan pendekatan yang kreatif dan inovatif, ilmu pengetahuan yang disampaikan kepada pelajar bukan hanya untuk peperiksaan semata-mata tetapi juga boleh diamalkan dalam kehidupan seharian mereka.



Kosa Kata

1. **menyalurkan**: menyampaikan 传递
2. **bersahsiah**: berkeperibadian 有品德
3. **pedagogi**: kajian tentang kaedah dan prinsip pengajaran 教学法
4. **profesionalisme**: sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada atau dilakukan oleh seorang profesional 专业素养
5. **intelektual**: mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir 有智慧的

董總 DONG ZONG





2. Mendengar dan Bertutur

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu


Dengar rakaman berita dengan telitinya dan jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

2.2 Aktiviti Berkumpulan

董總 DONG ZONG

Secara berkumpulan, berdasarkan gambar di bawah, ***bincangkan adab yang perlu ada pada pelajar terhadap guru****. Kemudian, bentangkan hasil perbincangan di depan kelas.*





3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menghasilkan karangan jenis rencana secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, wacana yang lengkap, dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.

3.1 Karangan Jenis Rencana

Karangan jenis rencana bertujuan untuk memberikan penerangan tentang sesuatu tajuk atau isu. Biasanya, karangan jenis ini ditulis dalam majalah atau akhbar.

3.1.1 Ciri-ciri Karangan Jenis Rencana



- karangan jenis berformat
- tulis tajuk sebelum memulakan karangan
- huruf pertama setiap perkataan dalam tajuk rencana perlu ditulis dalam huruf besar kecuali kata sendi nama dan kata hubung
- tulis nama penulis di bawah tajuk

↓

- susun isi mengikut keutamaan
- masukkan fakta-fakta yang berkaitan
- bahasa yang digunakan mestilah mudah difahami, padat, meyakinkan, dan bersesuaian dengan situasi
- masukkan peribahasa yang sesuai



董總 DONG ZONG

3.1.2 Contoh Karangan Jenis Rencana

Tajuk	**Kelebihan Guru yang Memiliki Kemahiran Digital**
Nama penulis	Oleh: Melisa Tina
Pendahuluan	Pada tahun 2024, tema sambutan Hari Guru ialah “Guru Jauhari Digital Aspirasi Negara MADANI”. Tema ini amat bertepatan dengan Dasar Pendidikan Digital 2023 yang bertujuan untuk melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing supaya dapat memenuhi keperluan era digital kini. Oleh itu, guru yang menguasai kemahiran digital memberikan banyak kelebihan dalam dunia pendidikan.
Isi 1	Salah satu kelebihan guru memiliki kemahiran digital ialah kemahiran tersebut membolehkan guru menjalin kerjasama dengan rakan sekerja, pelajar, dan ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana guru-guru dapat memanfaatkan kemahiran digital semasa melaksanakan tugas. Sebagai contoh, guru-guru boleh menggunakan platform seperti e-mel, aplikasi pemesejan, persidangan video, dan forum dalam talian untuk membimbing pelajar-pelajar dalam tugasan yang diberikan. Sesungguhnya, guru yang menguasai kemahiran digital dapat berkomunikasi dengan pelajar-pelajar secara mudah melalui pelbagai platform dalam talian.
Isi 2	Selain itu, guru yang mempunyai kemahiran digital yang mantap lebih bersedia untuk melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini berlaku kerana guru-guru mahir menggunakan pelbagai aplikasi digital yang penting untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Misalnya, guru boleh mengintegrasikan kecerdasan buatan (AI) untuk memudahkan pembelajaran pelajar-pelajar. Dengan itu, guru dapat mempelbagaikan pedagogi untuk menarik minat pelajar-pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

董總 DONG ZONG

Isi 3	Seterusnya, guru yang jauhari digital dapat mendidik pelajar-pelajar tentang keselamatan dalam talian, etika digital, dan buli siber. Hal ini penting kerana keselamatan siber menjadi salah satu aspek yang tidak boleh dipandang remeh pada zaman ini. Sebagai tamsil, guru boleh menunjukkan contoh tingkah laku dalam talian yang sesuai dan mengajar pelajar-pelajar tentang cara-cara menggunakan alatan digital dengan bertanggungjawab dan beretika. Kesannya, pelajar-pelajar tidak akan mudah menyalahgunakan teknologi digital lantas mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa buli siber.
Penutup	Kesimpulannya, para guru harus melengkapkan diri mereka dengan kemahiran digital untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Lantaran itu, para guru harus berperanan sebagai agen perubahan dalam era digital ini. Kita berharap agar generasi muda yang fasih digital dapat dilahirkan untuk memajukan nusa dan bangsa.

董總 DONG ZONG


4. TATABAHASA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menggunakan ayat bersusunan biasa dengan betulnya dan tepat mengikut konteks;
2. menggunakan ayat bersusunan songsang dengan betulnya dan tepat mengikut konteks.

4.1 Susunan Ayat

- Susunan ayat bergantung pada kedudukan subjek dan predikat dalam ayat, iaitu sama ada subjek mendahului predikat atau predikat mendahului subjek.
- Terdapat dua bentuk susunan ayat;



董總 DONG ZONG

4.1.1 Ayat Bersusunan Biasa

- Ayat bersusunan biasa ialah ayat yang subjeknya hadir sebelum predikat. Predikat terdiri daripada empat frasa, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

Subjek Frasa Nama	Predikat Frasa Nama
1. Cikgu Lim Hooi Ling	guru Bahasa Melayu.
2. Pelajar yang tinggi lampai itu	ketua pengawas di Sekolah Menengah Lestari.
3. Bakul-bakul rotan itu	buatan tempatan.

Subjek Frasa Nama	Predikat Frasa Kerja
1. Ibu saya	membimbing adik mewarna gambar binatang.
2. Guru yang berdedikasi itu	sering mengadakan kelas tambahan kepada pelajar-pelajar.
3. Kereta terbaharu itu	sedang bergerak dengan lajunya.

Subjek Frasa Nama	Predikat Frasa Adjektif
1. Pengetua Sekolah Menengah Dahlia	terlalu tegas.
2. Beberapa ekor anjing liar	sangat garang.
3. Nasi kerabu	popular di negeri Kelantan.

董總 DONG ZONG


Subjek Frasa Nama	Predikat Frasa Sendi Nama
1. Makmal sains sekolah saya	di tingkat dua Blok A.
2. Pelajar-pelajar Tingkatan Tiga Ros	ke pusat sumber pada waktu rehat.
3. Sejambak bunga ros yang cantik itu	untuk guru kelas kami.

4.1.2 Ayat Bersusunan Songsang

- Ayat bersusunan songsang ialah ayat yang telah bertukar kedudukan subjek dengan predikatnya, iaitu predikatnya mendahului subjek ayat.
- Proses pendepanan atau penyongsangan ayat adalah seperti yang berikut;

  a) Pendepanan seluruh predikat

  b) Pendepanan sebahagian daripada predikat



4.1.2.1 Pendepanan Seluruh Predikat

- Pendepanan seluruh predikat ialah proses yang membawa seluruh konstituen predikat ayat ke hadapan subjek.

Contoh Pertukaran Ayat Bersusunan Biasa kepada Ayat Bersusunan Songsang (Pendepanan Seluruh Predikat);

Ayat Bersusunan Biasa	
Subjek	**Predikat**
1. Cikgu Lim Hooi Ling	guru Bahasa Melayu.
2. Pelajar yang tinggi lampai itu	ketua pengawas di Sekolah Menengah Lestari.
3. Bakul-bakul rotan itu	buatan tempatan.
4. Ibu saya	membimbing adik mewarna gambar binatang.
5. Guru yang berdedikasi itu	sering mengadakan kelas tambahan kepada pelajar-pelajar.
6. Kereta terbaharu itu	sedang bergerak dengan lajunya.
7. Pengetua Sekolah Menengah Dahlia	terlalu tegas.
8. Beberapa ekor anjing liar	sangat garang.
9. Nasi kerabu	popular di negeri Kelantan.
10. Makmal sains sekolah saya	di tingkat dua Blok A.
11. Pelajar-pelajar Tingkatan Tiga Ros	ke pusat sumber pada waktu rehat.
12. Sejambak bunga ros yang cantik itu	untuk guru kelas kami.

董總 DONG ZONG

Ayat Bersusunan Songsang	
Predikat	**Subjek**
1. Guru Bahasa Melayu	Cikgu Lim Hooi Ling.
2. Ketua pengawas di Sekolah Menengah Lestari	pelajar yang tinggi lampai itu.
3. Buatan tempatan	bakul-bakul rotan itu.
4. Membimbing adik mewarna gambar binatang.	ibu saya.
5. Sering mengadakan kelas tambahan kepada pelajar-pelajar.	guru yang berdedikasi itu.

6. Sedang bergerak dengan lajunya.	kereta terbaharu itu.
7. Terlalu tegas	pengetua Sekolah Menengah Dahlia.
8. Sangat garang	beberapa ekor anjing liar.
9. Popular di negeri Kelantan.	nasi kerabu.
10. Di tingkat dua Blok A	makmal sains sekolah saya.
11. Ke pusat sumber pada waktu rehat	pelajar-pelajar Tingkatan Tiga Ros.
12. Untuk guru kelas kami	sejambak bunga ros yang cantik itu.

4.1.2.2 Pendepanan Sebahagian daripada Predikat

- Bahagian-bahagian daripada predikat yang boleh mengalami proses pendepanan ialah;

  a) pendepanan frasa kerja

  b) pendepanan frasa adjektif

  c) pendepanan frasa sendi nama

Ayat Bersusunan Biasa	
Subjek	**Predikat**
1. Bayi itu	menangis di bilik tidur.
2. Ibu saya	menanam pokok-pokok bunga di halaman rumah.
3. Mereka	masih bermain di padang sekolah.
4. Para pelajar	mengulang kaji pelajaran setiap hari.
5. Badan nenek	lemah setelah menjalani pembedahan.
6. Buah pulasan di kebun datuk	sudah masak semalam.
7. Kereta berjenama itu	sangat mahal kerana diimport dari luar negara.
8. Lisawati	agak lapang selama tiga hari.
9. Sejambak bunga mawar	untuk ibu bersempena dengan hari lahirnya.
10. Keluarga Pak Mail	tinggal di bandar Setia Alam sejak tahun 2000.

Ayat Bersusunan Songsang				
No	**Jenis Pendepanan Sebahagian daripada Predikat**	**Predikat**	**Subjek**	**Predikat**
1.	Pendepanan kata kerja sahaja	Menangis	bayi itu	di bilik tidur.
2.	Pendepanan kata kerja dengan objek	Menanam pokok-pokok bunga	ibu saya	di halaman rumah.
3.	Pendepanan kata kerja dengan kata bantu	Masih bermain	mereka	di padang sekolah.
4.	Pendepanan unsur keterangan dalam frasa kerja	Setiap hari	para pelajar	mengulang kaji pelajaran.
5.	Pendepanan kata adjektif sahaja	Lemah	badan nenek	setelah menjalani pembedahan.
6.	Pendepanan kata adjektif dengan kata bantu	Sudah masak	buah pulasan di kebun datuk	semalam.
7.	Pendepanan kata adjektif dengan kata penguat	Sangat mahal	kereta berjenama itu	kerana diimport dari luar negara.
8.	Pendepanan unsur keterangan dalam frasa adjektif	Selama tiga hari	Lisawati	agak lapang.
9.	Pendepanan frasa sendi nama sahaja	Untuk ibu	sejambak bunga mawar	bersempena dengan hari lahirnya.
10.	Pendepanan frasa sendi nama sebagai unsur keterangan	Sejak tahun 2000	keluarga Pak Mail	tinggal di bandar Setia Alam.

董總 DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. memahami jalan cerita Kemuliaan Tugas Seorang Pendidik dengan memberikan respons peribadi dengan betulnya, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Prosa Moden

Baca petikan cerpen berikut dengan telitinya.

Kemuliaan Tugas Seorang Pendidik

Malam sudah larut ditelan kesunyian dan kesejukan yang melompat serta desau angin. Titisan hujan membasahi bumi hijau. Semua penghuni di Desa Mekar Jaya tidur nyenyak setelah membanting tulang di sawah padi. Namun, Cikgu Rina masih membuka mata lebar-lebar untuk merancang bahan pengajaran untuk keesokan harinya.

董總 DONG ZONG

Beliau telah berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Mekar selama 25 tahun. Sekolah ini jauh di kawasan pedalaman. Kemudahan di sekolah ini begitu daif. Ketiadaan kemudahan komputer telah menghalang beliau dan guru-guru di sekolah



itu menyampaikan pengajaran dengan lebih inovatif dan kreatif. Lagipun, tiada litupan Internet di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, semangatnya dan rakan-rakan sejawat tidak pernah luntur.

Setiap pagi, Cikgu Rina datang lebih awal sebelum mentari terbit. Dengan langkah penuh keyakinan, beliau menyiapkan bahan pengajaran sebelum murid-murid hadir ke kelas. Murid-murid berasal daripada keluarga petani yang miskin ibarat ayam tiada mengais, tiada makan. Keluarga mereka tidak mampu membeli alat tulis, buku rujukan dan pakaian seragam. Selama ini, beliau dan rakan sejawatnya serta guru besar akan menggunakan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk membantu murid-murid.

Ketika waktu rehat, Cikgu Rina akan bertugas di kantin bersama-sama dua orang pengawas. Cikgu Rina tersentak apabila terdengar suara dua orang pemuda memanggilnya.

"Cikgu Rina!"

"Eh, Adeen dan Danial!" kata Cikgu Rina dengan riangnya.

"Bilakah kamu berdua balik ke sini?" tanya Cikgu Rina.

"Baru saja, Cikgu Rina. Kami membawa oleh-oleh untuk Cikgu Rina. Terima kasih atas segala bimbingan cikgu," kata Danial.

"Saya amat bersyukur kerana kamu berdua telah berjaya," kata Cikgu Rina.

"Kejayaan kami adalah berkat Cikgu Rina. Cikgu Rina telah memberikan kelas tambahan dan bantuan kewangan kepada kami semasa belajar di sekolah ini. Tanpa Cikgu Rina, kami tidak akan mampu berdiri di hadapan cikgu dengan kejayaan ini," kata Adeen dan Danial sambil memeluk Cikgu Rina yang matanya berkaca-kaca.

董總 DONG ZONG



Adeen dan Danial telah mendermakan wang sebanyak RM50,000 kepada pihak sekolah untuk meningkatkan kemudahan sekolah. Mereka telah berhubung dengan bekas murid untuk membangunkan sekolah yang uzur itu.

Cikgu Rina hanya tersenyum haru apabila melihat anak-anak didiknya mencapai kejayaan dalam kerjaya. Kejayaan mereka merupakan hadiah yang paling berharga dalam hidupnya. Cikgu Rina diibaratkan pelita yang menerangi jalan murid-murid di kawasan terpencil ini.

Tina Tin



董總 DONG ZONG

Peribahasa	Maksud
berapa panjang lunjur, begitulah panjang selimut	berbuat sesuatu hendaklah menurut kesanggupan diri sendiri
asal ditugal adalah benih	sesuatu usaha tentu ada hasilnya



Bahan Rangsangan



Yun Ming, bolehkah awak membantu saya? Saya mahu pergi ke kantin.



Boleh. Saya tolak kerusi roda awak. Kita ke kantin bersama-sama.



UNIT 16 SEMANGAT WAJA

1. Membaca dan Memahami

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. membaca petikan jenis berita (Usaha untuk Menangani Isu Diskriminasi terhadap Golongan Orang Kurang Upaya) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. menerangkan makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada petikan yang dibaca.

Baca petikan berikut dengan telitinya.

董總 DONG ZONG

Usaha untuk Menangani Isu Diskriminasi terhadap Golongan Orang Kurang Upaya

KUALA LUMPUR, 10 Mac – Di Malaysia, sebanyak 691,630 orang kurang upaya (OKU) berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 31 Januari 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 117,092 OKU terdiri daripada mereka yang berumur 19 tahun hingga 45 tahun. Mereka masih berkeupayaan untuk bekerja dengan baiknya, sama ada



dari segi fizikal, mental atau dengan menggunakan kemampuan atau kesanggupan diri sendiri, bak kata peribahasa, **berapa panjang lunjur, begitulah panjang selimut**.

"**Diskriminasi** terhadap OKU sering kali disebabkan ketidakupayaan masyarakat untuk memahami **keterbatasan** mereka termasuk kesedaran tentang peluang bagi **menggaji** pekerja daripada golongan OKU. Untuk mengatasi masalah tersebut, kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada golongan OKU agar mereka tidak tertinggal daripada arus pembangunan. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan berganding bahu dengan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya. Dalam insiatif ini, satu usaha **kolektif** dibuat dengan menggunakan **pendekatan** kolaborasi secara bersepadu, iaitu melibatkan pelbagai sektor dan agensi yang berkaitan. Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) sentiasa memberikan keutamaan untuk memastikan golongan OKU mampu berdikari, meningkatkan kemahiran, dan menyumbang kepada produktiviti negara," kata Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

"Selain itu, dasar satu peratus penjawat awam kategori OKU telah dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan modal insan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya golongan OKU sekali gus merealisasikan masyarakat penyayang. Melalui dasar ini, OKU yang memiliki kelayakan akademik, kemahiran, dan keupayaan yang sesuai dengan bidang tugas sesuatu jawatan akan dipertimbangkan untuk diberi peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam," kata Menteri Sumber Manusia.



"Menerusi pelbagai usaha yang telah dijalankan, Kesuma sesungguhnya berkomitmen tinggi untuk menangani isu diskriminasi terhadap golongan OKU dan memastikan hak penggajian mereka terus terbela. Sehubungan dengan itu, **misi** strategik Kesuma berkaitan dengan OKU, iaitu kebajikan, kemahiran, dan keberhasilan akan terus diterapkan," tambah beliau lagi.

(dipetik dan disesuaikan daripada https://www.hmetro.com.my/utama/2024/03/1068578/masyarakat-tak-faham-limitasi-oku)

Kosa Kata

1. **diskriminasi**: perbuatan membeza-bezakan seseorang atau sekumpulan orang dari segi layanan atau tindakan 歧视
2. **keterbatasan**: keadaan terhad 限制
3. **menggaji**: mengambil seseorang sebagai pekerja dengan membayar gaji 雇佣
4. **kolektif**: bersama-sama melakukan sesuatu perkara 聚合性的, 集体的
5. **pendekatan**: kaedah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas 步骤，方法
6. **misi**: tugas khusus yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang untuk menjalankannya 使命

董總 DONG ZONG



2. MENDENGAR DAN BERTUTUR

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. menyatakan maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat yang dicari dengan lancarnya.

2.1 Aktiviti Individu

Dengar rakaman berita tersebut dengan telitinya, kemudian, jawab soalan-soalan di dalam buku aktiviti.

2.2 Aktiviti Berkumpulan

Berdasarkan maklumat-maklumat yang disediakan, bincangkan soalan yang berikutnya dan bentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing.

董總 DONG ZONG



↰ Mully mahu beli kereta selepas raih enam pingat Para-SUKMA



↰ OKU mental bangkit cari rezeki berniaga di Shopee



↰ Nur Nilamsari bukti OKU mampu lakar kejayaan



↰ Sukan Paralimpik Paris 2024: Liek Hou sumbang emas pertama negara

Orang kurang upaya (OKU) terdiri daripada seseorang yang dilahirkan cacat dan juga seseorang yang mengalami kecacatan akibat sesuatu kemalangan. Walaupun keadaan fizikal OKU kurang sempurna, mereka masih dapat menjalani kehidupan yang biasa dengan adanya bantuan, sokongan dan dorongan. Oleh sebab itu, terdapat juga OKU yang berjaya dalam bidang yang diceburi oleh mereka. Bincangkan sumbangan golongan ini kepada masyarakat dan negara.

董總 DONG ZONG



3. Menulis

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. merumus petikan dengan mengolah maklumat yang berkaitan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
2. menulis rumusan lengkap secara terancang dengan menggunakan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks.

3.1 Rumusan Jenis Petikan

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis satu rumusan dengan lengkapnya. Rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**.*

Fokus utama → Isi ↗	Orang Kurang Upaya (OKU) didefinisikan sebagai seseorang yang mengalami kekurangan atau kecederaan kekal fizikal atau kecacatan mental yang mempunyai kesan jangka panjang terhadap keupayaannya untuk melakukan aktiviti seharian secara normal. Golongan ini tidak dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Oleh itu, pelbagai **usaha wajar dilakukan untuk membantu golongan OKU**. **Golongan OKU perlu diberi hak persamaan mendapat peluang melalui penyediaan pelbagai kemudahan yang mesra OKU.** [**Isi 1**] Kemudahan tersebut seperti tempat duduk OKU, parkir khas OKU, lif-lif khas, dan tandas khas di setiap bangunan dapat memudahkan mereka bekerja dan memanfaatkan kemudahan awam. Selain itu, **kerajaan turut menubuhkan lebih banyak pusat pemulihan komuniti bagi OKU**. [**Isi 2**] Pusat itu menawarkan khidmat setempat bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif bagi OKU.	1. Baca petikan sekurang-kurangnya dua kali. 2. Baca dan analisis petikan untuk mengenal pasti **fokus utama**. Fokus utama terdiri daripada **kata kunci** dan **tema petikan**. 3. Contoh fokus utama: a) **punca-punca** kemalangan jalan raya b) **kepentingan** amalan berbudi bahasa c) **usaha-usaha** menangani gejala rasuah 4. Pilih **empat isi tersurat** yang menepati fokus utama.

董總 DONG ZONG

Isi	**Akta OKU akan digubal untuk meningkatkan dan melindungi hak OKU**. [**Isi 3**] Akta ini akan memberikan hak kepada mereka untuk diterima oleh masyarakat dengan meningkatkan akses pendidikan dan latihan vokasional, pekerjaan, persekitaran, dan bergerak bebas. Selain itu, **program mengintegrasikan OKU dalam masyarakat bertujuan untuk membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal akan terus dipergiat**. [**Isi 4**] **Kerajaan turut menyediakan peluang yang luas kepada OKU untuk memberikan khidmat bakti mereka kepada negara**. [**Isi 5**] Hal ini terbukti di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/1988, satu peratus peluang pekerjaan diperuntukkan kepada OKU. Sehingga kini pelbagai jenis pekerjaan dijawat oleh golongan istimewa ini. **Pemberian peruntukkan berbentuk geran berjumlah RM200 ribu juga memberikan peluang kepada OKU dalam bidang sukan**. [**Isi 6**] Bukan itu sahaja, **pelbagai sektor termasuk swasta turut menyediakan latihan yang banyak serta peluang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan**. [**Isi 7**] Melalui latihan tersebut, mereka mampu mandiri dan tidak bergantung pada pihak tertentu sahaja. Kesimpulannya, kehadiran golongan OKU dalam masyarakat tidak harus disisihkan dalam masyarakat. Kita harus menerima mereka sama seperti manusia normal yang lain. Golongan ini tidak mengharapkan simpati, tetapi menagih peluang supaya dapat hidup berdikari. (Dipetik dan disesuaikan daripada rencana “Sumbangan Orang Kurang Upaya Kepada Negara”, oleh Samat Buang, Dewan Siswa, Ogos 2006)	

DONG ZONG

Perenggan	Isi	Penerangan
Perenggan pertama (Pendahuluan)	**Petikan membincangkan** usaha-usaha wajar dilakukan untuk membantu golongan orang kurang upaya (OKU). **ATAU** **Rumusan membincangkan** usaha-usaha wajar dilakukan untuk membantu golongan orang kurang upaya (OKU).	• ditulis dalam satu ayat • ditulis berdasarkan **fokus utama**
Perenggan kedua (Isi tersurat)	Usaha yang wajar dilakukan untuk membantu golongan OKU ialah golongan OKU perlu diberi hak persamaan mendapat peluang melalui penyediaan pelbagai kemudahan yang mesra OKU. **Seterusnya**, kerajaan menubuhkan lebih banyak pusat pemulihan komuniti bagi OKU. **Selain itu**, akta OKU akan digubal untuk meningkatkan dan melindungi hak OKU. **Bukan itu sahaja**, kerajaan menyediakan peluang yang luas kepada OKU untuk memberikan khidmat bakti mereka kepada negara.	• ditulis berdasarkan **fokus utama** • tulis **empat isi tersurat** sahaja • seelok-eloknya, gunakan **penanda wacana** untuk memulakan setiap isi tersurat yang berlainan. Sekiranya sesuatu penanda wacana sudah pun hadir dalam petikan asal untuk isi tersurat tertentu, **tukar** penanda wacana tersebut semasa menghasilkan isi tersurat supaya tidak dianggap menyalin keseluruhan ayat dalam petikan asal secara bulat-bulat
Perenggan ketiga (Isi tersirat)	Media massa juga perlu menyebarkan maklumat peluang pendidikan dan kerjaya kepada golongan OKU.	• tulis dua isi tersirat yang berkaitan dengan **tema petikan**

董總 DONG ZONG

	Selanjutnya, latihan kemahiran khas perlu ditawarkan kepada golongan OKU.	• isi tersirat boleh terdiri daripada isi lain fokus utama yang tidak terdapat dalam petikan atau apa-apa isi lain yang berkaitan dengan tema • sebagai contoh, untuk petikan ini, pelajar boleh mengemukakan: a) usaha **LAIN** untuk membantu OKU b) **kepentingan** OKU dibantu c) **punca-punca** OKU didiskriminasi d) **kesan-kesan** pengabaian kebajikan OKU e) **contoh** sumbangan OKU f) **cabaran** yang dihadapi oleh OKU
Perenggan keempat (Penutup)	**Kesimpulannya**, **golongan OKU harus** diberi bantuan **agar** nasib mereka terbela. **ATAU** **Kesimpulannya**, **semua pihak** mesti memberikan bantuan kepada golongan OKU **supaya** kesejahteraan kehidupan mereka terjamin. (xxx patah perkataan)	• mesti ada cadangan dan harapan "Kesimpulannya, ... harus… agar/ supaya ..." • jumlah perkataan dalam rumusan **WAJIB** ditulis

董總 DONG ZONG

4. TATABAHASA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. mengenal pasti kesalahan umum ayat mengikut konteks.

4.1 Kesalahan Umum Ayat

- Kesalahan umum ayat dapat dilihat dari segi kesalahan ayat tidak lengkap dan kesalahan struktur ayat.

4.1.1 Kesalahan Ayat Tidak Lengkap

- Kesalahan ayat tidak lengkap ialah ayat yang tidak mempunyai subjek atau predikat sehingga menyebabkan ayat tergantung.

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Ayat tidak mengandungi subjek.	Berbual dengan kawan karibnya di taman permainan.	**Helmi** berbual dengan kawan karibnya di taman permainan.
2.	Ayat tidak mengandungi predikat.	Kasut sukan yang berwarna putih.	Kasut sukan yang berwarna putih **milik adik**.
3.	Ayat berbelit-belit dan maksudnya kabur.	Emak setiap hari Sabtu ke pasar itu yang terletak di pekan.	Emak ke pasar yang terletak di pekan itu setiap hari Sabtu.

董總 DONG ZONG

4.1.2 Kesalahan Struktur Ayat

- Kesalahan struktur ayat ialah susunan kata atau struktur ayat yang tidak lengkap dan tidak gramatis.
- Kesalahan struktur ayat sering didapati dalam ayat tanya, ayat majmuk, dan ayat pasif.

No.	Penerangan	Salah	Betul
1.	Dalam ayat tanya songsang, kata tanya wajib diikuti partikel ***-kah***.	**Apa** yang dilakukan oleh budak yang berbaju biru itu?	Apa**kah** yang dilakukan oleh budak yang berbaju biru itu?
2.	Dalam ayat tanya biasa, kata tanya pada hujung ayat tidak boleh diikuti partikel ***-kah***.	Kamu bercuti di Pulau Langkawi **bilakah**?	Kamu bercuti di Pulau Langkawi **bila**?
3.	Ayat itu salah kerana kata hubung telah digugurkan.	Saya berdoa adik akan lulus dalam peperiksaan dengan cemerlangnya.	Saya berdoa **agar** adik akan lulus dalam peperiksaan dengan cemerlangnya.
		Banyak pihak berpendapat permainan video memberikan kesan kepada golongan remaja.	Banyak pihak **berpendapat bahawa** permainan video memberikan kesan kepada golongan remaja.
		Puan Habsah menghiris timun menggunakan sebilah pisau yang tajam.	Puan Habsah menghiris timun **dengan menggunakan** sebilah pisau yang tajam.
4.	Kesalahan ayat pasif diri pertama dan diri kedua	Masalah itu akan **diselesaikan oleh saya**. Pertandingan bercerita harus **disertai oleh kalian**.	Masalah itu akan **saya selesaikan**. Pertandingan bercerita harus **kalian sertai**.

5.	Kesalahan ayat pasif diri ketiga	Sebuah pondok **datuk Halim dirikan** di tepi sawah padi.	Sebuah pondok **didirikan oleh datuk Halim** di tepi sawah padi.
6.	Dalam binaan ayat pasif diri pertama atau diri kedua, kata bantu tidak boleh diselitkan di antara kata ganti nama diri dengan kata kerja pasif.	Ibu bapa **kita perlu** hormati pada setiap masa. Novel itu **awak mesti serahkan** kepada Cikgu Lim pada hari ini.	Ibu bapa **perlu kita** hormati pada setiap masa. Novel itu **mesti awak serahkan** kepada Cikgu Lim pada hari ini.

董總 DONG ZONG

5. Sastera

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. memahami jalan cerita Langkah Seorang Pejuang dengan memberikan respons peribadi secara betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan.

5.1 Prosa Moden

Baca petikan berikut dengan telitinya.

Langkah Seorang Pejuang

Angin petang bertiup lembut, menggoyangkan plastik makanan ringan yang tergantung di gerai kecil itu. Teh Hock Choo membetulkan susunan barang, matanya menatap jalan raya yang sibuk.

"Hock Choo, kamu tak letih kerja begini setiap hari?" soal seorang pelanggan tetapnya.

Dia tersenyum sambil menggeleng. "Aku tak punya pilihan lain. Kalau aku tak berusaha, siapa lagi?"

董總
DONG ZONG



Sejak kecil, hidupnya tidak mudah. Dilahirkan dalam keluarga miskin tegar dengan lapan orang adik-beradik, ditambah pula dengan penyakit polio yang membatasi pergerakannya, dia tidak dapat meneruskan persekolahan. Namun begitu, dia tidak pernah meratapi nasibnya. Saban hari, Hock Choo meminjam buku jirannya untuk menelaah pelajaran sendiri. Kemudian, dia mula berniaga makanan ringan untuk mencari rezeki.

Dengan simpanan RM18,000, dia membuka Pasar Mini Hooi Meng, bekerja siang dan malam demi cita-cita untuk membina masa depan.

"Jangan hanya bertahan, fikir bagaimana mahu maju," pesan datuknya suatu malam. Kata-kata itu tersemat dalam benaknya.

Pada tahun 1993, dia menjual kedainya dan membuka Pasar Raya Sinergi. "Aku mahu sebuah pasar raya yang menawarkan harga barang yang murah dan mudah diakses semua orang," katanya penuh tekad. Persaingan sengit tidak mematahkan semangatnya. Pada tahun 2002, Pasar Raya Sinergi itu dijenamakan semula sebagai Pasar Raya Besar Cahaya Emas.

Kini, lebih 20 cawangan Pasar Raya Besar Cahaya Emas berdiri megah di seluruh negara. Saat melihat seorang kanak-kanak menarik tangan ibunya sambil berkata, "Mama, besarnya pasar raya ini! Pasti seronok kita membeli-belah di sini." Hock Choo tersenyum puas.

"Ya, kerana aku tak pernah berhenti melangkah walaupun fizikal badanku tidak sempurna," bisiknya perlahan.

董總
DONG ZONG

Alex Leong Jun Wei



董總
DONG ZONG

Siri Bahan Pengajaran dan Pembelajaran



info_publishing@dongzong.my
publisher.dongzong.my
www.facebook.com/DZpublisher

ISBN 978-983-169-616-3

9 789831 696163